[Dokumen ini belum disemak]

# PARLIMEN KESEBELAS

## PENGGAL PERTAMA

## MESYUARAT KETIGA

**Bil. 30** **Isnin** **6 September 2004**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 (Halaman 24)

**USUL:**

Penyata-penyata Daripada Jawatankuasa Pilihan Di Bawah Peraturan Mesyuarat 86(3):
**-** *Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan* (Halaman 132)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 6 September 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang prosedur dan masalah yang melibatkan kelewatan pesakit menerima rawatan terutama bagi jenis sakit kronik di kalangan rakyat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, penyakit kronik adalah disebabkan oleh pelbagai masalah perubatan seperti penyakit jantung, paru-paru, hati, *stroke hypertension*, diabetes dan kanser.

Rawatan yang diberikan kepada pesakit penyakit kronik adalah berbeza mengikut tahap penyakit kerana sesetengah penyakit boleh dirawat di peringkat prima di klinik-klinik kesihatan, manakala penyakit-penyakit yang lebih serius perlu mendapat rawatan *seconder dan tertiary* di hospital-hospital. Sekian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat, rakan saya dahulu, sekarang telah naik pangkat. Kita sering mendengar bahawa kementerian sering dikecam oleh pelbagai pihak berhubung dengan bantuan bagi mendapatkan pembiayaan pesakit-pesakit kronik seperti yang disebutkan tadi.

Persoalan yang kita hadapi iaitu proses kelulusan, di mana kita difahamkan kelulusan mengambil masa, dahulu berminggu-minggu, berbulan-bulan, sekarang dengan menteri yang baru, ia kurang, lebih kurang sepuluh hari hingga dua minggu, pun bagi masyarakat ianya memakan waktu yang panjang, ada ketikanya penyakit ini datang tiba-tiba. Mula-mula tidak dapat dikesan, tiba-tiba ia sakit dan terus *admit* di hospital.

Jadi, persoalan yang dihadapi, mereka yang telah dirawat ini tidak mendapat bantuan ini, ia semestinya melalui proses permohonan dan penyakit si pesakit mesti belum di rawat, apabila sudah dirawat …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** … apabila sudah dirawat, ia tidak akan mendapat bantuan. Jadi, apakah kerajaan akan mengubah strategi ini iaitu untuk membantu pesakit-pesakit yang seharusnya dapat, walaupun mereka sudah di rawat, tetapi mereka memang memerlukan bantuan ini. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk kes-kes yang tiba-tiba, itu kita kategorikan sebagai kes-kes kecemasan. Bagi kes-kes kecemasan, semua hospital kerajaan ada memberi rawatan kecemasan kepada semua, ia tidak melibatkan berkaitan dengan kewangan, sebab kalau kita masuk kepada wad kecemasan, kita cuma membuat pendaftaran dengan bayaran RM1 sahaja dan kalau mereka memerlukan rawatan yang selanjutnya, yang akan memakan perbelanjaan yang banyak, mereka boleh memohon kepada tabung-tabung yang telah ditubuhkan oleh kerajaan, misalnya Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan, di mana kita telah mempersenangkan borang-borang juga cara bagaimana kita dapat membuat permohonan ini, dan dari segi itu, kita rasa tindakan telah diambil oleh kementerian dan kita akan terus mengambil berat tentang *feedback* yang akan diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mempersenangkan lagilah proses ini. Sekian.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, adakah pihak Kementerian Kesihatan sedar yang penyakit-penyakit kronik ini lebih teruk lagi sakitnya oleh kerana pelanggan ataupun kemesraan daripada pekerja-pekerja itu tidak dilayan dengan baik.

Saya baru-baru ini berkesempatan di Hospital Kubang Kerian, bila mana saya pergi ke sana, ramai beratur sehingga dua, tiga jam untuk mendapat kad-kad ini dan ini kita rasa menyebabkan pesakit-pesakit ini oleh kerana lewat terlampau teruk, dan saya tanya, "Bolehkah tidak yang lain untuk gantikan, pesakit ini ada di sana?" Umpamanya, keluarga ataupun kawan-kawan untuk mengambil kad ini. Jawabnya: "Tidak boleh, pesakit itu sendiri kena ada."

Jadi, dengan demikian, temu janji dengan pakar-pakar berkenaan terpaksa dilewatkan dan tidak dapat pada hari itu. Sedarkah pihak kementerian untuk mengatasi perkara-perkara ini? Kerana kelewatan ini juga dan mesra pelanggan ini juga boleh mendatangkan lagi penyakit-penyakit kronik terutama sekali *stroke* dan sebagainya akan merasa lebih teruk lagi sakitnya, terutama sekali *diabetes* dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memang faham berkaitan dengan kepentingan, kemesraan kakitangan-kakitangan Kementerian Kesihatan dan tindakan telah diambil supaya kita dapat mempertingkatkan *soft-skill* atau layanan cara layanan kakitangan kepada orang ramai dan kita akan teruskan usaha itu. Terima kasih.

2. **Tuan Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah-sekolah rendah di seluruh negara yang dikenal pasti oleh pihak JKR sebagai “Sekolah Tidak Selamat” digunakan kerana bangunan-bangunan yang sudah uzur.

**Menteri Pelajaran [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima soalan mengenai ‘sekolah lama, kurang selamat’ dan peruntukan membaik pulih sekolah-sekolah iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Serian dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Serdang yang dijadualkan pada hari ini, Ahli Yang Berhormat bagi Putatan esok 7 September, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang pada 9 September dan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong pada 22 September 2004.

Saya mohon untuk menjawab kelima-limanya secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Serian, sehingga Jun 2004, Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti 48 buah sekolah rendah yang mempunyai komponen-komponen bangunan yang tidak selamat di seluruh negara. 39 buah darinya adalah sekolah kebangsaan …..

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Speaker, *sound system, speaker* tidak boleh dengarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, ya, baik, baik, saya bersetujulah, mikrofon ini, saya pun tidak berapa dengar juga.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Bukan salah saya kalau mikrofon tidak berfungsi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat, ini bukan salah Yang Berhormat, mikrofon ini ada masalah, mungkin Yang Berhormat perlahankan atau mikrofon ang di belakang ….

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ya, okey, dan mungkin Yang Berhormat boleh minta duduk di sebelah saya, boleh dengar lagi dekat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mungkin boleh cuba gunakan mikrofon yang di sebelah Yang Berhormat, cuba kita tengok.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ya. *[menggunakan mikrofon di sebelah]* *Testing*, boleh dengar atau tidak? *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Bergema, tidak boleh dengar.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Ini berhubung kait dengan sekolah-sekolah lama, kurang selamat dan juga peruntukan membaik pulih sekolah-sekolah dan seperti yang telah saya sebutkan tadi, sehingga Jun 2004 Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti 48 buah sekolah rendah yang mempunyai komponen-komponen bangunan yang tidak selamat di seluruh negara.

39 buah darinya adalah sekolah kebangsaan, tujuh sekolah jenis kebangsaan Cina dan dua sekolah jenis kebangsaan Tamil. Komponen-komponen yang tidak selamat itu termasuklah keretakan tiang konkrit, tiang utama reput, kayu kekuda patah, pendawaian elektrik yang lama, kayu yang dimakan anai-anai, kebocoran bumbung dan siling, lantai konkrit yang bertetulang, dan bangunan yang terlalu uzur.

Sebagai langkah jangka pendek, bangunan-bangunan ini telah dikosongkan atau diubah fungsi menjadi stor sementara kerja pembaikan atau menaik taraf dibuat.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat bagi Putatan dan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, tentang usaha dan peruntukan untuk membaiki SJK( C) dan SJK (T) dan sekolah *mission*, memang peruntukan disediakan untuk sekolah-sekolah ini, baik yang di bawah kategori bantuan penuh kerajaan, mahupun bantuan modal.

Sejak tahun 2001 hingga tahun 2004 sebanyak 382 SJK (C ), 122 SJK (T) dan 114 sekolah *mission* yang telah diberi peruntukan bantuan modal bernilai sekitar RM48 juta dan jumlah ini adalah di luar dari bantuan kepada jumlah lebih 401 buah SJK ( C) dan lebih 144 buah SJK (T) yang merupakan sekolah bantuan penuh kerajaan.

Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, sehingga Januari 2004, terdapat 4,853 buah lot bangunan sekolah di seluruh negara yang dibuat dari kayu sepenuhnya dan 7,982 buah bangunan yang dibuat dari separuh kayu dan separuh konkrit.

Kementerian masih mengguna pakai bangunan tersebut, penggantian hanya dibuat jika terdapat keperluan, manakala proses pemantauan dan baik pulih sentiasa dijalankan dari masa ke semasa.

Soalan Ahli Yang Berhormat bagi Serdang adalah spesifik. Spesifik kepada SJK ( C) Serdang Batu 1, Sri Kembangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pelajaran memang berhasrat untuk menggantikan bangunan tersebut, tetapi masih tidak dapat dilaksanakan lagi dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelapan. Projek ini dijangka akan dibina pada tahun 2006 dan bermulanya Rancangan Malaysia Kesembilan dan boleh digunakan pada awal tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan keselesaan murid-murid di sekolah di seluruh negara sentiasa diberi keutamaan oleh pihak kerajaan tanpa mengira lokasi sama ada di bandar, luar bandar atau di kawasan-kawasan pedalaman. Sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan pun tidak dibezakan, sekolah bantuan penuh ataupun bantuan modal juga dimasukkan ke dalam kategori yang dipantau.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila kita sebut sekolah tidak selamat, ini sudah tentulah termasuk makmal sekolah yang tidak selamat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan ini kenapa sampai sekarang begitu banyak makmal sekolah belum siap, sungguhpun jaminan ada dibuat bahawa semua skandal makmal sekolah yang beratus-ratus di Pantai Timur ada mempertahankan skandal ini.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Beratus-ratus makmal sekolah yang tidak siap, semuanya akan siap pada akhir tahun lalu, sampai sekarang belum siap dan sampai sekarang belum seorang didakwa di mahkamah dan juga tidak ada tindakan diambil untuk dapat ganti rugi daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu kenyataan terkini mengenai perkara ini.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Boleh Yang Berhormat. Ini makmal sains atau makmal komputer? Yang Berhormat tanya ini berhubung kait dengan makmal sains atau makmal komputer yang tidak selamat? Yang jadi isu makmal sains

tidak dibangkitkan sebelum ini, tetapi berhubung kait dengan makmal komputer memang saya selepas menerajui kementerian ini memantaunya secara dekat. Melalui kenyataan-kenyataan kementerian kita telah pun menyatakan sehingga hujung tahun ini, rundingan kita dengan pihak JKR semua fasa 1, 2 dan 3 akan siap untuk digunakan.

Masalah di Pantai Timur berhubung kait dengan kontraktor-kontraktor tertentu dan kontraktor ini, perjanjian dan hubungan dengan mereka telah pun ditamatkan dan diambil alih secara langsung oleh pihak JKR. Ada tiga peringkat yang telah kita tengokkan dan dari segi fasa 1 yang bermasalah di peringkat awal dan dijadualkan siap hujung tahun ini. Fasa 2 dan 3 sebenarnya tidak menimbulkan masalah yang besar sangat. Saya setuju bahawa banyak kes tertentu yang berlaku di Pantai Timur, tetapi sedang diambil kira sekarang ini, dan seperti saya sebutkan tadi jadual ini yang telah ditetapkan, insya-Allah, hujung tahun ini ketiga-tiga fasa ini akan selesai.

**Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya agak spesifik. Di kawasan Parlimen saya Serian, terdapat beberapa buah sekolah rendah yang tergolong dalam kategori sekolah tidak selamat untuk digunakan. Mungkin sekolah-sekolah ini tidak disenaraikan, tidak dimasukkan dalam *list* senarai 48 buah sekolah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Antara sekolah yang paling teruk keadaannya ialah Sekolah Kebangsaan St. Teressa Serian, iaitu sekolah rendah yang tertua di daerah Serian. Sekolah ini terletak di tengah-tengah pekan Serian. Walaupun pihak JKR telah *certify* sekolah ini sebagai sekolah tidak selamat untuk digunakan kerana bangunannya sudah begitu uzur dan pihak pengurusan sekolah telah pun memohon kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk membaiki keadaan, akan tetapi sehingga kini sekolah itu masih uzur, masih tidak selamat untuk digunakan.

Soalan saya, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian terhadap sekolah ini atau adakah kementerian akan membiarkan keadaan begitu sahaja sehingga bangunan ini runtuh dan mungkin mengorbankan nyawa murid-murid sekolah dan guru-guru. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, saya ingin hendak tekankan di sini bahawa dalam isu keselamatan murid-murid dan guru-guru kita, saya tidak pernah dan tidak akan kompromi dan bertolak ansur berhubung dengannya. Keduanya, sama ada sekolah yang dibangkitkan oleh

Yang Berhormat tersenarai atau tidak, senarai itu ada bersama-sama dengan saya. Kalau sekiranya tidak ada dalam senarai kita boleh bincang secara *detail* untuk melihat sama ada keadaan sekolah yang dimaksudkan itu begitu kritikal.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, bahawa walau bagaimana teruk, daif, uzur sesebuah sekolah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ada kalanya, ada sekolah-sekolah yang lain yang lebih mendesak dan memerlukan perhatian segera kami. Jumlah sekolah di bawah pemantauan Kementerian Pelajaran ialah 9,509. Dari segi sekolah rendah sahaja, sekolah kebangsaan – 5,733; sekolah jenis kebangsaan Cina – 1,286; dan sekolah jenis kebangsaan Tamil – 5,025. Bermakna bahawa dengan peruntukan yang sedia ada yang agak terhad juga kita mesti memberikan *priority* kepada kedudukan keselamatan dalam konteks yang menyeluruh.

Dalam hal ini, saya memandangnya secara serius dan kalau sekiranya ada sekolah-sekolah yang memerlukan pertimbangan kita yang terdekat, tidak ada masalah untuk Yang Berhormat mengetengahkannya kepada saya.

3. **Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan graduan ijazah pertama dalam bidang Pengajian Islam dari universiti dalam dan luar negara yang menganggur semenjak tahun 2000-2004.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai bilangan graduan ijazah pertama dalam bidang Pengajian Islam yang menganggur. Walau bagaimanapun, Graduan Ijazah Pertama dalam bidang Pengajian Islam daripada universiti dan luar negara yang berdaftar dengan kementerian ini melalui *Electronic Labour Exchange (ELX)* untuk mendapat pekerjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

| **Tahun** | **Bilangan Graduan** |
|---|---|
| 2003 | 103 |
| 2004 (sehingga 26.8.2004) | 594 |

Selain daripada itu, pada tahun 2004 sehingga 26 Ogos 2004, 11 orang dengan Ijazah Sarjana atau Masters dan juga 134 graduan dengan Diploma dalam Pengajian Islam telah juga berdaftar melalui ELX untuk mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tujuan memberi bantuan kepada graduan-graduan ini mencari kerja, kementerian saya melalui Skim Latihan Semula untuk graduan yang menganggur telah memberi latihan selama enam bulan kepada seramai 466 graduan dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 2003 dan 2004. Latihan yang diberi adalah dalam bidang ICT, bahasa Inggeris dan juga asas-asas perniagaan. Kebanyakan mereka telah mendapat kerja selepas latihan ini.

**Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan agak ramai juga graduan yang dari Pengajian Islam ini menganggur yang mana sedikit sebanyak boleh membawa kepada masalah sosial politik di negara kita ini, apakah kerajaan bercadang untuk mencari sesuatu jalan bagi mengurangkan pengangguran di kalangan mereka. Umpamanya menyalurkan mereka ke dalam skim perkhidmatan yang bukan perkhidmatan agama sahaja, kerana mereka juga boleh berkhidmat dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti perkhidmatan PTD umpamanya.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Saya tidak boleh dengar dengan jelas, boleh ulangi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehkah Yang Berhormat ulang sekali lagi, minta maaflah ya.

**Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan agak ramai juga penganggur-penganggur di kalangan graduan-graduan agama ini yang mana semakin tahun akan bertambah, memungkinkan akan menjejaskan ataupun memberikan sesuatu gangguan kepada sosio-politik negara kita kalau ramai yang menganggur dari kalangan mereka itu. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk menyalurkan mereka ini dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain yang bukan perkhidmatan agama sahaja kerana mereka juga dirasakan boleh berkhidmat dalam bidang-bidang lain, umpamanya Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Sekian.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan mempunyai langkah-langkah atau program-program lain dari segi memberi bantuan kepada graduan-graduan termasuk graduan dalam bidang Pengajian Islam

untuk mencari pekerjaan bukan sahaja di bidang swasta tetapi juga di bidang-bidang lain termasuk di jabatan-jabatan kerajaan dan sebagainya. Namun demikian, adalah penting graduan-graduan tersebut mempunyai kemahiran yang diperlukan.

Berdasarkan kepada maklum balas yang kementerian saya dapati, kebanyakan graduan yang menganggur termasuk mereka di bidang Pengajian Islam, mereka mempunyai asas-asas teori yang kukuh dan juga fikiran yang mendalam, tetapi malangnya mereka mempunyai keperluan-keperluan khusus yang diperlukan untuk pekerjaan tersebut. Misalannya dalam bidang penggunaan ICT, bahasa dan juga dalam konteks bercampur gaul dengan orang-orang lain, apa yang dikatakan sebagai *soft skill*, dengan izin. Kementerian saya dan juga melalui usaha-usaha yang dikendalikan oleh jabatan lain akan terus berusaha untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membuat satu cadangan di sini supaya pihak Secretariat Parlimen menyemak semula *PA system* ini kerana masih lagi terdapat masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini memang perlu kita ambil tindakan. Tidak ada soalan tambahan?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Ada. Ada soalan tambahan. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, nampaknya Yang Berhormat Menteri telah pun menyatakan di dalam jawapan tadi seramai 466 graduan daripada Pengajian Islam ini telah pun diberikan latihan. Pada hemat saya, pelajar-pelajar ataupun siswa-siswa yang terlibat dengan Pengajian Islam di Universiti Malaysia sahaja pada satu semesta melebihi angka 5,000 orang. Jadi, di sini ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah mekanisme atau apakah cara pihak kementerian melihat angka 466 orang ini yang didedahkan kepada kursus-kursus berkenaan ICT, bahasa Inggeris dan juga bidang perniagaan, untuk mempromosikan lagi, apakah cara pihak kementerian untuk mempromosikan lagi supaya ramai graduan yang lepas Pengajian Islam ini untuk menyertai program-program yang telah disediakan oleh pihak kementerian.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlah graduan yang menganggur yang telah mendapat bantuan di bawah Skim Latihan Semula yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2003, 2004 adalah seramai 9,194 orang. Ini termasuk semua bidang selain dari

bidang Pengajian Islam. Daripada 9,194 graduan tersebut, ada 466 di bidang Pengajian Islam. Kementerian saya akan terus meminta pihak-pihak berkenaan khususnya dari Kementerian Kewangan supaya kita diberi cukup peruntukan mengendalikan program-program ini. Kementerian saya peka pentingnya graduan-graduan seperti ini yang fasih dalam bidang-bidang teori, tetapi malangnya tidak mempunyai *soft skill* yang sempurna, perlulah diberi sedikit bantuan supaya mereka bolehmen ceburi bidang pekerjaan.

4. **Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan lima syarikat yang paling banyak berhutang dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Apakah sebab hutang tertunggak begitu banyak dan apakah pula tindakan TNB terhadap lima syarikat besar yang berhutang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengenal pasti enam buah syarikat yang mempunyai tunggakan bil elektrik yang tinggi di mana keseluruhan tunggakan tersebut adalah berjumlah RM852.893 juta setakat pada 30 Jun 2004. Senarai syarikat-syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:

(i) Pewaja Steel Sendirian Berhad, anak syarikat Maju Holdings;

(ii) Amsteel Mill Sendirian Berhad;

(iii) Megasteel Sendirian Berhad;

(iv) Antara Steel Sendirian berhad;

(v) Malaysia Steel Works Sendirian Berhad dan

(vi) Hualon Sendirian Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TNB telah mengadakan perbincangan dan rundingan dengan syarikat-syarikat yang terlibat mengenai kaedah dan penjadualan bagi menjelaskan bayaran-bayaran hutang bil elektrik. Dalam hal ini, persetujuan telah dicapai di mana pembayaran terhadap tunggakan hutang akan dibuat secara ansuran dalam tempoh di antara 13 bulan hingga 15 bulan.

Di samping itu, syarikat-syarikat yang terlibat juga telah bersetuju untuk menjelaskan bayaran-bayaran bil elektrik semasa mulai Ogos 2004. Kementerian ini juga ingin memaklumkan bahawa pindaan telah dibuat terhadap Peraturan 4 dalam Peraturan-peraturan Bekalan Pemegang-pemegang Lesen *(Licensee Supply*

*Regulation 1990),* dengan memasukkan peraturan baru yang membenarkan pemegang-pemegang lesen memberhentikan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna yang ingkar membayar bil serta mengenakan *surcharge* atau kadar satu peratus sebulan bagi pembayaran yang lewat.

Dengan berkuatkuasanya peraturan ini, mulai 15 Disember 2002 adalah diharapkan masalah kelewatan membayar bil elektrik oleh pengguna-pengguna dapat dikurangkan di samping membantu memperkukuhkan kedudukan kewangan TNB. Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya tergamam dan terkilan mendengar beratus-ratus juta yang dihutang oleh enam syarikat dan barangkali itulah yang menyebabkan kontraktor TNB tidak dibayar dan setiap kali hendak naik tarif dan yang menerima sengsara itu ialah orang-orang kampung dan rakyat jelata. *[Tepuk]*

Persoalannya sekarang, saya tidak dengar pun orang kampung boleh berunding dan berbincang dengan TNB, tetapi syarikat besar boleh. Satu lagi perkara yang saya rasa tidak betul, orang kampung kalau hutang ratus ringgit dalam dua bulan dia kata, 'potong api besok'. Tetapi syarikat gergasi boleh runding lagi. Itulah yang menjadi masalah utama.

Soalannya sekarang apakah ini satu *double standard,* TNB tunduk kepada syarikat gergasi tetapi menindas rakyat jelata. *[Tepuk]* Apa yang lebih teruk lagi kalau bil yang ada pertikaian, TNB minta bayar, kalau tidak kedai yang dihutang, tetapi bekalan api di rumah dipotong. Itu minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukup Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Itu soalan saya. Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya lihat Yang Berhormat ini buat *home work* yang banyak sampai kontraktor TNB tidak dapat pembayaran pun Yang Berhormat tahu. Saya lihat rakan saya daripada Kota Bharu pun tersenyum sebab soalan itu. Mungkin Yang Berhormat bagi Kota Bharu ini ada kena-mengena dengan Ahli Pengarah Tenaga.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat mengatakan ada wujudnya *double standard,* untuk pengetahuan Yang Berhormat, tidak berlaku *double standard* dalam Syarikat Tenaga Nasional Berhad. Cuma dimaklumkan berhubung dengan

pembayaran bil bagi orang-orang kampung ataupun orang-orang perseorangan, lazimkan setelah bil dihulur kepada setiap pengguna, mereka diberi 60 hari untuk melakukan pembayaran mengikut peraturan yang telah saya nyatakan tadi, iaitu Peraturan 2(1) Pindaan 2002.

Setelah 60 hari jika masih lagi tidak menerima bayaran, inilah masanya Tenaga akan menghantar satu surat berwarna *pink, pink* kalau kita cakap orang Melayu apa?

**Beberapa Ahli:** Merah jambu.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Merah jambu, warna kasih sayang. Ini menunjukkan kepada pelanggan itu Tenaga sayangkan pelanggannya, memperingati pelanggan mereka ada 7 hari bekerja sebelum mereka boleh membuat pemotongan dan pemotongan juga tidak akan dilakukan oleh Tenaga pada penghujung minggu. Maksudnya kalau hari Sabtu, dia tidak akan membuat pemotongan sebab takut orang tidak sempat bayar, hari Ahad orang potong.

Tenaga memang tidak berhasrat untuk melakukan pemotongan. Dari segi mengutip bayaran ini, saya yakin dengan adanya CEO baru Tenaga yang masih muda macam Yang Berhormat, insya-Allah, Tenaga akan dapat membuat segala kutipan hutang daripada syarikat-syarikat besar sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Memandangkan banyak syarikat ini berhutang begitu banyak, apakah jumlah deposit yang ditinggalkan oleh syarikat-syarikat yang sedemikian kepada TNB memandangkan pengguna selalunya ada deposit. Banyak mana deposit mereka dan apakah tindakan hendak merampas deposit ini dan barangkali buat cadangan satu, syarikat-syarikat steel ini barangkali tukar ejaan dia kepada *"STAL" instead "STEEL"*. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berhubung dari segi cagaran tadi kalau untuk syarikat-syarikat besar ia adalah perkara spesifik dan ia berubah-ubah. Tetapi kalau kepada individu-individu atau rumah-rumah kebiasaannya di*average*kan dua bulan daripada bayaran bulanan bil-bil yang dikenakan kepada sesebuah rumah.

Saya juga tadi terlupa hendak *respond* kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dari segi Tenaga ingin menaikkan tarif. Kerajaan memberi jaminan setakat tahun 2005 iaitu hujung 2005 selagi perjanjian jualan gas dengan Tenaga itu masih lagi berkekalan, maka tidak ada kenaikan tarif, walaupun ada perubahan perjanjian itu

nanti setelah tahun 2005, tetapi kenaikan tarif merupakan perkara yang terakhir yang akan dipersetujui oleh kementerian supaya membenarkan tenaga boleh menaikkan tarif.

Kementerian lebih berminat sekiranya Tenaga dapat menunjukkan dari segi *efficiency* bagaimana Tenaga dapat diuruskan. Sebab itu Tenaga hari ini mempunyai pengarah-pengarah yang berkaliber termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu yang boleh membantu supaya Tenaga tidak menaikkan tarif pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**5. Tuan Sim Paw Fatt [Tawau]** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan setiap tahun ramai doktor yang berhenti berkhidmat dengan kerajaan kerana pendapatan tinggi di sektor swasta:

(a) sama ada kerajaan menimbang untuk menambah gaji atau elaun mereka untuk menggalakkan mereka kekal dalam perkhidmatan kerajaan; dan

(b) sama ada kerajaan merancang membenarkan mereka bekerja *'part time'* di sektor swasta untuk menambahkan pendapatan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dengan saraan yang diterima oleh semua anggota perkhidmatan awam termasuk golongan profesional. Perkara ini dikaji dari semasa ke semasa melalui usaha-usaha penambahbaikan terhadap syarat-syarat perkhidmatan dan pelarasan gaji.

Langkah-langkah ini dilakukan mengikut kemampuan kewangan kerajaan untuk menanggung kos yang terlibat. Bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan, kerajaan menyedari bahawa mereka adalah antara golongan profesional yang amat kompetitif dalam pasaran. Skim perkhidmatan ini adalah diletak pada kedudukan tertinggi di kalangan skim-skim perkhidmatan yang ada di dalam perkhidmatan awam.

Kedudukan ini adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti kepentingan daripada segi perkhidmatan, sumbangan ataupun penglibatan perkhidmatan persekitaran kerja dan keadaan persaingan pasaran tenaga buruh.

Bagi mengekalkan pegawai perubatan dan pakar-pakar perubatan di sektor awam, kerajaan telah mengadakan beberapa insentif tambahan. Antara insentif-insentif yang telah diperkenalkan dalam tempoh beberapa tahun yang lalu ialah:

(i) membayar insentif pakar antara RM1,300 hingga RM2,400 sebulan diberi kepada semua pakar perunding atau klinikal,

(ii) bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sebanyak RM500 sebulan diberikan kepada semua pegawai perubatan kecuali anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Bagi pegawai-pegawai perubatan yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak pula kadar bulanan diberi adalah RM500 atau 10% daripada gaji pokok mengikut mana yang lebih tinggi.

Bayaran insentif yang diterima oleh pegawai-pegawai perubatan ini adalah lebih baik berbanding dengan Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada perkhidmatan-perkhidmatan klinikal sebanyak 5% daripada gaji pokok dan bayaran Insentif Pentadbir Hospital di antara RM910 hingga RM1,680 bagi pegawai perubatan yang mempunyai kelulusan ijazah dalam bidang perubatan, pentadbiran hospital dan menjalankan tugas dalam bidang tersebut.

Dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam 1993, tiada peruntukan kerja *'part time'* tetapi sebagai 'pekerjaan luar', sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan 52 di bawah peraturan tersebut telah diperuntukkan bahawa pegawai awam boleh melakukan pekerjaan luar. Walau bagaimanapun mereka hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada ketua jabatan sama ada bagi menjalankan aktiviti atau melaksanakan mana-mana perkhidmatan bagi faedah diri atau bagi faedah saudara-saudaranya.

Di bawah Peraturan 52 dinyatakan bahawa dalam menimbang sama ada atau tidak kebenaran patut diberikan kepada mana-mana pegawai, Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa aktiviti dan perkhidmatan itu tidak dilakukan pada waktu pejabat semasa pegawai itu hendak melakukan tugas rasmi, tidak ada apa-apa kecenderungan yang menjejaskan prestasi pegawai, tidak akan ada apa-apa cara cenderung yang bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun banyak insentif telah diberi, tetapi nampaknya dia tidak menghentikan perkhidmatan doktor

dari kerajaan ataupun meninggalkan perkhidmatan di hospital kerajaan. Adakah pihak kementerian telah mengenal pasti sebab-sebab yang lain, yang menyebabkan doktor berhenti dari perkhidmatan kerajaan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya lebih ramai doktor akan kekal di dalam perkhidmatan kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya JPA hanya menentukan pelantikan, gaji, elaun, kenaikan pangkat dan pemangkuan. Berkenaan dengan masalah-masalah yang ditimbulkan tadi, adalah terletak kepada kementerian yang berkenaan iaitu macam dalam soal ini ialah Kementerian Kesihatan untuk menentukan. Ini bukan dalam bidang kuasa JPA.

**Tuan Shim Paw Fatt:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, untuk mengatasi kekurangan bilangan doktor di kalangan sektor awam, kerajaan telah mengambil doktor-doktor asing. Adalah dilaporkan bahawa beberapa doktor asing ini tidak mempunyai standard yang memuaskan. Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat itu, seperti mana yang saya maklumkan tadi bahawa JPA hanya membuat pelantikan dan berkenaan dengan sara hidup, elaun dan sebagainya. Soal ini, maklumat yang terperinci bolehlah kita bagi secara bertulis daripada Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang datang dengan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalanlah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini menunjukkan beliau sudah membuat persiapan yang cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini memang ada masalah sebab ramai orang yang tanya saya, bagi peringatan sejak......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukup Yang Berhormat. Ramai Menteri tunggu untuk jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..... Khamis yang lepas. Sejak Khamis yang lepas.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan merapulah. Merapu, merapu.

**Seorang Ahli:** Menteri ramai.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pasal apa merapu pulak. Ramai yang memberi peringatan kepada saya untuk datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah. Soalan 6, cukuplah.

6. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri kerja Raya menyatakan di dalam tempoh 10 tahun ini berapa projek seumpama Lingkaran Tengah Kedua (MRR 2, missing link) ditimpa masalah besar. Apakah sebab musabab, kos setiap projek dan siapa yang membayar untuk menyelesaikan masalah-masalahnya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 10 tahun yang lepas tiada projek yang mengalami masalah sebagaimana yang menimpa pakej 11 Jalan Lingkaran Tengah 2.

Mengenai Pakej 11, Jalan Lingkaran Tengah 2 pula, struktur utama jejambat ini mengandungi 33 tiang dengan izin, *pier* dan 2 *abutment* yang mana keretakan berlaku ke atas 31 tiang dan satu *abutment.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kajian punca keretakan jejambat di MRR2 itu sedang dijalankan oleh pihak perunding bebas yang telah dilantik oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia iaitu Tuan Roger J. Buckby dari Halcrow Group Limited, United Kingdom, dengan izin.

Oleh yang demikian, punca utama keretakan masih belum dapat dirumuskan sehingga kajian oleh pihak perunding tersebut selesai. Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian awal Jabatan Kerja Raya ke atas keretakan pada 31 rasuk jejambat iaitu dengan izin, *cross beams* menunjukkan terdapatnya kemungkinan perkara-perkara berikut:-

(i) kaedah pemasangan rasuk yang tidak teratur dan penggunaan jentera pemasang - *launching gentry,* dengan izin, yang terlalu berat sehingga menyebabkan kerosakan struktur jejambat;

(ii) berlakunya jurang perbezaan suhu yang tinggi di antara bahagian dalam dan luar struktur. Perbezaan suhu ini menyebabkan proses pengeringan konkrit yang tidak setara di antara bahagian dalam dan luar. Keadaan ini menyebabkan keretakan struktur mudah berlaku;

*(iii)* spesifikasi terperinci reka bentuk *beam* iaitu dengan izin, *detailing of steel reinforcement* itu sendiri seperti susunan besi keluli yang mungkin tidak menepati piawaian. Jika ini berlaku ianya boleh menimbulkan kawasan-kawasan yang tidak kuat dalam struktur tersebut dan akhirnya menyebabkan keretakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tindakan awal yang telah diambil ialah dengan melakukan *pressure grouting*, dengan izin, ke atas keretakan tersebut. Kerja-kerja awalan ini telah dihentikan berikutan arahan Badan Pencegah Rasuah, Selangor yang diterima oleh Kementerian Kerja Raya pada 16 Ogos 2004. Arahan ini dikeluarkan bagi membolehkan BPR membuat pemeriksaan dan pada 28 Ogos 2004, pihak BPR telah membenarkan kerja-kerja pembaikan diteruskan.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja seterusnya akan hanya diambil setelah perunding bebas yang dilantik selesai laporan punca sebenar keretakan dan tindakan pembaikan yang harus diambil. Adalah dijangka perunding bebas akan selesai laporan beliau pada penghujung bulan September ini.

Memandangkan projek ini telah dilaksanakan secara *Design and Build*, maka kerja reka bentuk pembinaan, pengawasan kualiti dan pelantikan perunding adalah tanggungjawab pihak kontraktor.

Keputusan mengenai pihak mana yang bertanggungjawab bagi membiayai kos membaik pulih hanya dapat ditetapkan apabila kajian oleh perunding bebas tersebut selesai dan punca masalah sebenarnya dikenal pasti.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan pada Julai 1999, JKR meluluskan *design consultant* - semua *designs and drawings* – JKR meluluskannya pada Julai 1999 dan Maunsell Sharma & Zakaria, *design engineer* kerana nampak ada retak sudah melantik Prof. Riadh Al-Mahadi daripada Monash University untuk mengkaji. Kemudian kontraktor-kontraktor itu masih ada projek dengan JKR melebihi RM100 juta, kalau tidak silap saya, dan pihak Maunsell Sharma & Zakaria pula sudah membuat *design* lapan projek di Malaysia termasuk jalan-jalan dan jambatan-jambatan di Cyberjaya yang merupakan salah satu syarikat yang terbesar.

Saya ingat hendak dengar dahulu. Pihak kontraktor hendak menjaga kepentingan dan pihak Maunsell juga hendak menjaga kepentingan dengan melantik *consultant* sendiri. Kontraktor melantik Kohler dan Sitt dan kemudian JKR pun mesti

melantik kerana kedua-dua *consultants* Australia dan Germany itu ada pendapat yang bertentangan – *contradiction.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah soalannya sekarang?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]**: Apakah soalannya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini tidak cukup – soalan ini panjang dan jawapan pun panjang tadi. Saya hendak tahulah, saya masih berjalan di bawah jejambat – *viaduct,* dipanggil *viaduct*lah itu, saya masih berjalan di situ. Beratus ribu orang termasuk saya, kita hendak tahu setakat mana keselamatan kita kerana pihak *consultant* Maunsell ini mengatakan bahawa *the bridge is safe*. Dia berbelanja RM1 juta – *the pressure epoxy grouting* dengan cat itu sudah cukup RM1 juta.

Menteri pun pernah mengatakan – Yang Berhormat Menteri dia berkata sendiri *[Disampuk*] Soalan itu sudah ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah ada, boleh duduklah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bagilah peluang sedikit hendak berucap. Ramai yang hendak tahu. Di pihak Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan ini memerlukan perbelanjaan RM20 juta tetapi perbezaan amat sangatlah daripada Maunselll. Maunsell pun diluluskan oleh JKR.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Jadi soalannya, mengapa bezanya banyaklah. Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang banyak dan juga saya setiap hari melalui di bawah jejambat (*viaduct)…..*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Merapu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apakah keselamatan saya dan beratus ribu orang….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:..**Yang Berhormat, Yang Berhormat, satu soalan tambahan sudah lima minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tambahan lima minitkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah lima minit soalan belum keluar lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak sampai lima minit. Beratus ribu orang menderita. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..Ini tidak termasuk kerana kesesakan, kehilangan tenaga, kehilangan wang dan sebagainya. Saya buat macam ini kerana saya tidak mahulah perkara ini baharu hendak….

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Merapu sahaja!

**Dr. Tan Seng Giaw:** ….dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu kita bagaimana pihak JKR mengawal selia kerana *design* itu diluluskan oleh JKR.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah Yang Berhormat. Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada audit oleh JKR sama ada siapa punya salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini dilulus oleh JKR.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia ini sudah tua!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cukup, cukup. Terima kasihlah, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada soalan daripada Ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]* Beliau telah memberi beberapa pandangan tetapi tidak ada soalan. Walau bagaimanapun, sedikit pandangan – saya boleh bagi pandangan baliklah.

Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Maunsell Sharma & Zakaria itu benar. Mereka telah menjalankan reka bentuk, bukan kata tidak. Apabila sahaja masalah ini telah berlaku, mereka dengan serta-mertanya telah melantik seorang juru perunding daripada luar iaitu Monash University untuk memberi pandangan dan selepas itu kontraktor iaitu Bumi Hiway telah melantik seorang juru perunding daripada Germany. Jadi, dua orang telah memberi pandangan yang tidak sama. Oleh kerana itu saya sebagai Menteri mesti mendapat pandangan daripada seorang bebas yang tidak mempunyai apa-apa dalam kerja itu.

Jadi, kita telah melantik Halcrow Ltd. dengan kelulusan daripada Jemaah Menteri. Mereka sedang menjalankan kerja. Saya percaya apabila mereka selesai pada penghujung bulan ini, kita boleh mendapat tahu apakah punca sebenarnya keretakan tersebut telah berlaku.

**Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, jalan Lingkaran Tengah Kedua (MRR2), saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah mengambil langkah-langkah yang begitu positif. Tetapi Yang Berhormat, kita sudah 47 tahun merdeka. S*tructure* jalan MRR2 ini kita sudah bina banyak di dalam negara kita dan kalau kita lihat sepintas lalu tidak ada yang menggambarkan bahawa struktur MRR2 itu struktur yang luar biasa, struktur yang khas yang memerlukan kita menyebut Halcrow – tentunya bukan orang Jawa dari Pontian ataupun Maunsell atau siapa. Bila kita ada masalah kita merujuk kepada Monash University sedangkan kita ada Universiti Teknologi, kita ada pakar-pakar mungkin berpuluh mungkin beratus Ph.D di dalam negara kita. Mengapakah kita masih lagi berbelanja berjuta-juta ringgit? Adakah kerana kita memang tidak ada pakar dalam negara kita sehingga kita terpaksa mengambil pakar daripada luar ataupun ada penggunaan teknologi-teknologi yang digunakan dalam pembinaan struktur MRR2 yang menyebabkan kita tidak langsung boleh bergantung dengan kepakaran yang ada dalam negara? Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita telah melantik seorang pakar perunding daripada luar negara kita, Halcrow Ltd. ialah sebuah syarikat yang mempunyai banyak pengalaman berkenaan dengan jambatan. Ini bukan bererti kita tidak mempunyai kepakaran seperti itu di tanah air kita sendiri tetapi kita hendak menggunakan perkhidmatan Halcrow Ltd. ini oleh kerana mereka telah menjalankan beberapa siasatan di negara kita pada masa lalu. Mereka mempunyai pengalaman khas dalam perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang [IpohTimur]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin.

7. **Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah untuk menaik taraf prasarana pertanian dan adakah kementerian ini berhasrat memulihkan program IADP.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi taraf prasarana pertanian untuk meningkatkan kemajuan pertanian negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah pembinaan dan penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran, jalan-jalan ladang dan sebagainya.

Bagi kawasan jelapang padi khususnya, program pembangunan infrastruktur sentiasa dititikberatkan. Pembangunan infrastruktur ini penting untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan air dan meningkatkan tahap penggunaan jentera dan teknologi semasa sesuai dengan pembangunan pesat di dalam sektor penanaman padi.

Selaras dengan skop pembangunan infrastruktur di IADP jelapang padi meliputi program-program berikut:-

(i) menambah pelbagai kemudahan infrastruktur untuk tujuan mekanisasi ladang;

(ii) meningkatkan pengurusan di dalam sistem pengairan dan saliran di kawasan-kawasan bermasalah; dan

(iii) membaiki, mengubahsuai dan membina struktur-struktur kawalan bagi melengkapkan lagi sistem pengairan.

Jalan ladang merupakan satu lagi kemudahan infrastruktur terpenting yang menjadi nadi penggerak kepada pembangunan kawasan-kawasan IADP.

Selain daripada menjadi penghubung ke kawasan-kawasan pertanian baru, ia juga merupakan laluan untuk pengangkutan input dan output untuk dipasarkan. Oleh itu, program pembinaan, penyelenggaraan dan menaik taraf jalan-jalan ladang sedia ada terus diberi perhatian.

Kerajaan juga sentiasa memastikan program atau projek yang dilaksanakan oleh IADP dapat memberi manfaat kepada petani-petani menerusi aktiviti-aktiviti sokongan seperti meningkatkan pembekalan benih, mempergiatkan aktiviti pengembangan dan latihan serta memperkemaskan sistem pengurusan latihan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

**Tuan Tiong Thai King:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta pembetulan sedikit kepada Soalan 8 (b). Perkataan terakhir 'dimulakan' diganti dengan 'disiapkan'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Disiapkan.

**Tuan Tiong Thai King:** Ya. Okey, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 8.

**8. Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

(a) setakat manakah perkembangan projek pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sibu; dan

(b) bilakah projek ini akan disiapkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 19 Ogos 2004, kemajuan pelaksanaan projek menaik taraf Lapangan Terbang Sibu adalah sebanyak 21.7% berbanding dengan 18.9% yang dijadualkan. Ini bererti ia mendahului jadual pelaksanaan dengan sebanyak 2.7%. Kerja-kerja awalan seperti kerja-kerja penyediaan tapak dan kerja-kerja tanah telah pun siap 82%. Komponen-komponen kerja lain termasuklah kerja-kerja pemanjangan dan penurapan semula landasan telah pun bermula dan lancar dan dijangka dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Projek ini dijadualkan siap pada Disember 2005.

**9. Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kontrak-kontrak penswastaan khususnya kontrak-kontrak penswastaan berat sebelah dan merugikan kerajaan dan apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan badan pengawal selia dan 'regulator' untuk memastikan projek penswastaan benar-benar menepati objektif penswastaan yang diinginkan kerajaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustafa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat daripada Kudat bersama-sama soalan Yang Berhormat daripada Ipoh Timur pada 20 September 2004.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]**: Baik.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustafa bin Mohamed]:** Untuk makluman Yang Berhormat semua cadangan projek penswastaan diteliti oleh Jawatankuasa Penswastaan Unit Perancang Ekonomi. Jawatankuasa ini disokong oleh dua buah Jawatankuasa Kecil, iaitu Jawatankuasa Penilaian Kewangan dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal sebelum diluluskan oleh kerajaan. Semua perjanjian konsesi diteliti oleh Jabatan Peguam Negara bagi memastikan perjanjian tersebut teratur dari segi undang-undang dan kepentingan kerajaan dilindungi. Oleh itu perjanjian penswastaan mengambil kira kepentingan kerajaan, pengguna dan pihak syarikat.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula perjanjian penswastaan yang telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat swasta kecuali timbul isu-isu yang melibatkan perlanggaran syarat dan terma perjanjian atau atas persetujuan kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun, dengan pengalaman yang ditimba oleh kerajaan sejak dasar ini dilaksanakan, terma dan syarat-syarat penswastaan diperbaiki dari masa ke semasa. Umpamanya bagi beberapa projek penjana kuasa elektrik persendirian ataupun IPT yang baru dipersetujui oleh kerajaan, pihak syarikat menanggung sebahagian daripada kos penyediaan simpanan elektrik yang berlebihan.

Tuan Yang di Pertua setakat ini kerajaan telah pun menubuhkan dua suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Tenaga dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Beberapa badan kawal selia bagi bidang kemudahan awam, komunikasi dan pelabuhan sedang dikaji penubuhannya. Ini bertujuan melindungi kepentingan pengguna dan memastikan syarikat yang melaksanakan projek penswastaan memenuhi tanggungjawab yang termaktub dalam perjanjian penswastaan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]**: Masa cukup untuk soal jawab

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]***

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2004

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” ***[2 September 2004]***

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya menjemput Yang Berhormat Santubong menyambung semula ucapan.

**11.04 pagi**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya. Kali ini Tuan Yang di-Pertua saya terus pergi kepada undang-undang ini sendiri. Kalau kita lihat undang-undang dalam para ataupun perenggan 8, laporan tentang status penyiasatan.

Laporan Status Penyiasatan. Parlimen ini pada sesi yang lepas Tuan Yang di-Pertua, telah mengusulkan kita menubuhkan satu Jawatankuasa Khas iaitu *Select Committee* untuk mendapat maklum balas, menjemput masyarakat Malaysia terlibat untuk menggubalkan undang-undang Malaysia. Inilah dia di bawah seksyen 8 ini, juga di*introduce* oleh pihak AG ke dalam undang-undang ini dan dibawa ke Parlimen ini minta diluluskan. Jadi apalah tugasnya Jawatankuasa Pilihan Khas ini Tuan Yang di Pertua? Maknanya AG boleh buat undang-undang sewenang-wenangnya walaupun Parlimen telah mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mendapat maklum balas daripada masyarakat umum. Kalau ini berlaku Datuk, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini akan bertugas selama 11 bulan lagi hingga bulan Julai tahun hadapan.

Dalam masa yang sama kalau pihak kerajaan masih membawa undang-undang yang sama, undang-undang sebagaimana yang Jawatankuasa Pilihan Khas ini ditubuhkan untuk membuat penyelidikan, maknanya kerja kita ini adalah tidak menjadi apa-apa dan Jawatankuasa Pilihan Khas itu membuang duit kerajaan sahaja kerana

semua tugas dan tanggungjawab telah dilaksanakan. Keputusan telah dibuat oleh pihak AG membuat gubalan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pandangan saya, penghinaan kepada Dewan yang mulia ini oleh pihak jabatan kerajaan. Sepatutnya saya bersetuju dengan undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tidak setuju ialah seksyen ini. Seksyen ini, Ahli Parlimen patut menerima bahawa seksyen ini adalah satu penghinaan kepada Ahli Parlimen dan Dewan ini. Kenapa seksyen ini dibawa ke Dewan ini untuk dilulus dalam masa yang sama Dewan ini telah meluluskan usul melantik Ahli Jawatankuasa untuk membuat penyelidikan seluruh negara. Jadi kalau kita hendak *bulldoze* juga seksyen ini dalam undang-undang ini kita gubal tarik semula usul kita dulu, batalkan Jawatankuasa Pilihan Khas itu, jangan Kerajaan buang duit mungkin berjuta untuk 25 Ahli Parlimen dan pegawai kerajaan yang menjelajah daripada Kuala Lumpur sampai ke Perlis dan ke Sabah. 11 bulan hingga bulan Julai tahun hadapan.

Jadi, kalau ini tidak kita pertahankan, kita akan melihat banyak lagi seksyen yang sedemikian akan dibawa ke Dewan ini. Ini kerana seksyen ini nampaknya *discriminatory* ataupun berat sebelah. Kenapa polis saja, kenapa pegawai di bawah undang-undang agensi antidadah saja dibuat dikuatkuasakan undang-undang ini? Kenapa pula tidak Kastam, kenapa tidak pula Imigresen, banyak lagi jabatan-jabatan lain yang membuat penyelidikan untuk kerajaan. Jadi kalau kita hendak bawa semua benda itu ke Dewan ini dalam masa 11 bulan yang akan datang maknanya kerja Jawatankuasa Pilihan Khas ini tidak mendatangkan apa-apa guna, hanya membuang duit kerajaan, 'melepas batuk di tangga', membuang juga masa pegawai kerajaan, membuang masa Ahli Parlimen.

Tuan Yang di Pertua, kalau kita hendak mempertahankan kewibawaan Dewan ini, sepatutnya seksyen ini kita tarik dahulu. Biarlah undang-undang ini kita luluskan. Seksyen ini kita tarik dahulu. Saya tidak tahu macam mana nak buat. Saya tak membantah undang-undang ini kerana tujuan undang-undang ini baik. Tetapi apa yang saya tidak puas hati ialah seksyen ini. Berapa banyak lagi seksyen-seksyen yang sedemikian akan dibawa dalam satu pemindaan, dibawa ke Dewan ini dalam masa yang sama Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan menjelajah. Lepas ini nanti pergi ke Sabah, lepas itu pergi Sarawak, selepas itu pergi ke Johor Baharu, pergi ke Melaka, pergi ke Kangar, pergi ke Kuantan, pergi ke Kota Baharu dengan sumbangan

wang kerajaan. Tetapi AG kata ini telah diputus oleh AG, Parlimen tidak payah buat keputusan. Jawatankuasa Pilihan Khas tidak payah buat rumusan ataupun buat saranan kerana AG telah buat keputusan.

Maknanya AG lebih besar daripada Parlimen Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pindaan ini. Jadi saya mintalah, saya bermohon kepada pihak kerajaan supaya memikir semula kalau kita dapat pertahankan dahulu pada hari ini undang-undang ini biarlah undang-undang yang lain…..

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Datuk.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** …..biarlah tugas Parlimen yang lain kita jalankan iaitu tugas kerajaan selepas ini, kerana ini amat besar implikasinya. Kalau inilah yang kita buat, makna kita belum mengetahui apa tugas dan tanggungjawab *Select Committee* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong, adakah Yang Berhormat memberi implikasi bahawa ada seolah-olah satu percanggahan antara keutuhan Parlimen dan juga peranan AG dalam konteks menggubal perundangan yang ingin diluluskan pada pagi ini dan rata-rata ada dirasakan bahawa peranan Parlimen dan keutuhan Parlimen semakin dicabar oleh kerana perancangan-perancangan yang dibuat dan juga usul-usul yang dikemukakan serta butiran-butiran undang-undang seperti Rang Undang-Undang Agensi Antidadah ini tidak mendapat maklum balas yang secukupnya daripada wakil-wakil rakyat.

Mengikut pandangan saya, Parlimen merupakan perundangan yang tertinggi di negara ini dan sekiranya penelahan yang begitu serius diberi kepada segala butiran yang bakal dibentangkan dan diperbincangkan, maka saya rasa Parlimen perlu mengembalikan keutuhannya demi memastikan bahawa input kita sama-sama diberi perhatian dalam penggubalan undang-undang dan juga kelulusannya. Di minta penjelasan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini bukan input lagi ini. Memang sudah tolak dah. Parlimen sudah tolak keluar sebab dalam masa Parlimen mengusulkan pada sesi yang lepas, tubuhkan satu jawatankuasa supaya soalan Seksyen 8 ini yang di dalam Kanun Keseksaan, *Penal Code* diwujudkan satu jawatankuasa dan diluluskan oleh Dewan ini, jawatankuasa itu

akan menjelajah ke seluruh Malaysia, menjemput sesiapa sahaja untuk memberi pandangan kepada jawatankuasa dan jawatankuasa pada bulan Julai kalau tidak salah saya akan membuat laporan kepada Parlimen, apakah kemahuan rakyat Malaysia berhubung dengan undang-undang ini.

Tetapi dalam masa yang sama rang undang-undang dibawa ke Dewan ini mengatakan seksyen yang sama dibawa dalam tiap-tiap perundangan untuk menyelaraskan semua undang-undang dengan sendirinya Jawatankuasa Pilihan ini tidak ada guna lagi. Kerja sudah membuang masa. Jadi Tuan Yang di-Pertua:, kita perlu mempertahankan martabat Dewan ini. Bukan soalan tinggi rendah Yang Berhormat. Tidak ada badan lain dalam Malaysia yang tinggi daripada Parlimen untuk membuat undang-undang. Siapa yang boleh buat undang-undang di negara ini selain daripada Parlimen? Kalau kita sebagai…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** …..Ahli Parlimen tidak mempertahankan…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** …..Parlimen ini dan maruah Parlimen ini siapa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, ini minta penjelasan iaitu setelah saya melihat perjalanan yang lalu, memang betul dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Santubong apakah Yang Berhormat *firm* dalam cadangan meminta kerajaan menarik balik Bill ini untuk tidak di bahas sebab seolah-olah kita *double standard* dan tidak menghormati pendirian kita sendiri. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Memang Yang Berhormat. Sebab satu perkataan manusia terlupa dalam Bill, kita hantar ke Dewan Negara lepas itu semua orang Dewan Rakyat ini nampak bodoh semua, sebab tidak baca undang-undang itu. Tetapi sekarang satu seksyen Yang Berhormat, yang kita akan hantar ke Dewan Negara untuk diluluskan oleh Dewan Negara kata, ini bercanggah dengan kehendak *Select Committee*, bercanggah dengan kehendak Dewan Rakyat.

Apabila kita hantar ke sana, dia hantar balik, begitulah tuduhan masyarakat umum bahawa Ahli Dewan Rakyat ini tidak guna, tidak baca, tidak ada buat apa-apa. Maruah negara terletaknya di Dewan ini. Kita pertahankan, pergi pilihan raya. Kita ambil buat *election* besar-besaran, belanja berjuta-juta, kerajaan uruskan pilihan raya, tubuhkan kerajaan, kerajaan luluskan menerusi usul di sini, menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyelidik soalan undang-undang dari pejabat kerajaan. Saya mempersoalkan tujuan undang-undang ini.

Saya akan pergi *substantive* Tuan Yang di-Pertua, bila saya balik pada persidangan selepas sesi persidangan Jawatankuasa Pilihan ke Sarawak, saya berjumpa dengan seorang peguam yang mengahli Jawatankuasa *Advocate Association* Sarawak. Saya bertanya: *"Are you going to present a paper"?* kepada jawatankuasa. Jawapannya: *"We are in the Draftsman* Committee *AG Chambers",* kata dia. Angkuh bercakap, tidak ubahlah apa sahaja yang dibuat di Parlimen *they can over ruled than you serve it,* dengan izin. AG sudah tubuh satu Jawatankuasa *Draftsman, Draftsman* ini mengandungi semua peguam-peguam daripada *Bar Council* daripada A*dvocate Association* Sarawak dan Sabah dan Pegawai AG.

Merekalah pengkaji dasar, penggubal undang-undang yang mengambil alih semua tugas dan tanggungjawab. Ini *impression* yang diberi kepada saya. Jadi saya kata, kita bersikap demokratik. Kalau you hendak you datang, kalau you tidak hendak tidak mengapa. Tapi hakikatnya *the spirit of it* yang saya tidak puas hati, Parlimen boleh dipermainkan. Adakah ini satu permainan? Kalau ini satu permainan Tuan Yang di-Pertua, tidak payah bincang lagi undang-undang dalam Dewan. Suruh AG buat datang sini *yes Sir, yes Sir. It's for you.* Kita lulus semua. Bagi tahu Dewan Negara jangan bincang, jangan hantar balik undang-undang. Kalau undang-undang ini dilulus…..

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak keluar atau hendak minta penjelasan?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu, tunggu saya habis ya, Yang Berhormat. Kalau undang-undang ini dilulus…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggu, tunggu.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** …..dan dalam masa 11 bulan apabila *Select Committee* akan bertugas, kita akan bawa lagi berpuluh-puluh undang-

undang yang sama untuk dilulus oleh Dewan ini, Dewan ini akan *rubber stamp the whole thing* lulus sahaja selepas itu kalau *Select Committee* buat *recommendation* yang berlainan dan Dewan juga bersetuju semua undang-undang yang kita pinda, yang kita buat dalam masa sembilan bulan akan dibawa ke Dewan ini di bincang semula dan dipinda semula.

Tuan Yang di-Pertua, *to me it is illogical* dengan izin. Kita sepatutnya jangan bawa seksyen ini, bukan undang-undang, seksyen ini sahaja. Undang-undang saya setuju, saya sokong 100%. Saya sudah sebut dari awal lagi. Seksyen ini perlu ditarik kalau kita hendak *maintain the integrity of this Parliament,* dengan izin.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan itu saya juga tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Santubong. Saya pun setujulah *integrity* keutuhan, keunggulan Dewan yang mulia ini mesti dipertahankan. Di dalam proses untuk mempertahankan *integrity* dan keutuhan Dewan ini bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan terperinci mengapa Yang Berhormat mengatakan seksyen itu mesti dimansuhkan. Dengan telitilah, tadi itu tidak begitu jelas.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat saya tidak membuat keputusan bagi pihak Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan oleh Parlimen. Jadi Jawatankuasa Khas ini telah diberi tugas hingga bulan Julai tahun hadapan untuk membuat penyelidikan sama ada kita akan menubuh atau mengguna perkataan ini dalam undang-undang kita. Saya tidak pertikaikan itu.

Jadi saya tidak akan membuat *substantive support* kepada *argument* saya. Apa yang saya pertikaikan, undang-undang yang telah diserah dengan Jawatankuasa Khas untuk diselidik selama satu tahun selepas usul itu dilulus dahulu hingga bulan Julai tahun 2005 sepatutnya jangan dimasukkan dalam mana-mana undang-undang yang dibawa ke Dewan ini hingga Parlimen ini bersetuju apa corak sama ada corak ini ataupun corak yang lain di bawa ke sini baru pihak AG *Chambers Draftsmen* dalam AG *Chambers* boleh memasukkan dalam corak mana pindaan yang kita bawa.

Bukan persoalan *substantive,* saya tidak setuju dengan pindaan ini, bukan saya kata itu. Yang saya kata 'tidak setuju' ialah yang diselidik oleh *Select Committee* ini, jangan dibawa dahulu ke Dewan sebab kalau dibuat begitu, impaknya ataupun kesannya ialah AG, *you serve* kuasa Parlimen, kalau kita luluskan juga, kita tunduk kepada AG, bukan tunduk kepada Parlimen, ini sebabnya, ini maknanya. Maknanya kalau AG datang ke sini, kalau kita bantah undang-undang ini, kita bantah kita sendiri,

bantah AG, itu sahaja. Tetapi kalau kita luluskan, dengan sendirinya, secara *indirect*, kita beritahu Jawatankuasa Pilihan Khas itu tidak payah bersidanglah ia, , bubarkan sahaja, itu maknanya.

Jadi Yang Berhormat, apa Yang Berhormat tanyakan ini, sama ada setuju dengan perkataan dalam pindaan yang diperkatakan ini. Itu saya belum buat keputusan sebab Jawatankuasa Pilihan Khas masih lagi menyelidik. Apabila penyelidikan ini siap, baru kita buat keputusan. Kalau buat keputusan itu sama dengan ini, kita akan ikut yang ini, kalau berlainan dengan ini, maknanya kita telah buat satu percanggahan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Cameron Highlands bangun.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Santubong, saya ingin penjelasan. Mungkin Dewan ini ada kekeliruan mengenai peranan Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah ditubuhkan. Saya sebagai ahli jawatankuasa itu, ingin meminta supaya Yang Berhormat bagi Santubong memberi penjelasan sedikit bahawa jawatankuasa itu bukan hanya mengkaji Seksyen 107 ataupun jawatankuasa itu bukan hanya mengkaji perkara berkaitan dengan *rape* (rogol) yang diperkatakan dalam Kanun Keseksaan dan juga Kanun Tatacara Jenayah yang khusus.

Sebenarnya, peranan Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditubuhkan adalah untuk melihat *Penal Code* secara keseluruhannya dengan izin, dan *Criminal Procedure Code* secara keseluruhan walaupun perkara yang diberi itu satu yang kecil, tetapi itu satu tingkap untuk kita melihat seluruh undang-undang itu secara menyeluruh. Maka mungkin ada ahli-ahli kita di sini yang telah salah faham bahawa peranan kita terlalu khusus sedangkan kita sepatutnya melihat secara begitu menyeluruh sekali. Maka mungkin dalam konteks itu ada percanggahan dengan apa yang telah dibawa ke hadapan kita. Minta penjelasan dan beri penerangan sedikit.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Apabila Dewan yang mulia ini mengusulkan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menyelidik pindaan dua undang-undang yang dibawa ke Dewan untuk dipinda iaitu Kanun Tatacara Jenayah dan juga Kanun Keseksaan. Dalam Kanun Tatacara Jenayah termasuk pindaan yang sebegini, perkataannya semua sama, ini buat saya "*close tie*"

sahaja di dalam Kanun Tatacara Jenayah. Apabila ia dibawa ke dalam Select Committee, dengan sendirinya seksyen ini adalah menjadi satu persoalan besar yang dibincang. Dalam masa lima hari kita ada di Kuala Lumpur, semua menumpukan perhatian kepada seksyen ini, betul atau tidak betul, adil atau tidak adil, ini bukan soalnya dahulu, belum sampai ke soalannya, tunggu sebelas bulan yang akan datang.

Apa yang menjadi persoalan, apabila pindaan ini dibawa ke sini, maknanya, kenapa dibuat penyelidikan lagi? Tidak payah buat penyelidikan kerana kita sudah setuju di Dewan ini. Kalau tidak dibantah, ia akan lulus di Dewan ini insya-Allah pada hari ini juga. Maknanya apa jawatankuasa itu buat? Sebelas bulan lagi hendak jalankan kerja, buang duit kerajaan, kita sudah luluskan undang-undang yang sama. Dalam masa setahun ini, kita akan luluskan banyak lagi undang-undang yang sedemikian melainkan AG kata 'potong kepala' Ahli Parlimen semua, kita akan luluskan juga di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena lihat semangat di sebaliknya ini. Orang di bawah yang menjadi *draftsman* jawatankuasa, kalau betullah wujudnya, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang akan menjawabnya nanti, saya hendak tanya betulkah wujudnya satu jawatankuasa di AG Chambers termasuk orang daripada *Bar Council, Advocate Association* Sarawak dan Sabah, kalau betullah ini, semua jawapan dalam persoalan dalam seksyen ini adalah untuk kepentingan peguam yang mengamalkan undang-undang. Kalau berlaku *road accident*, kemalangan jalan raya umpamanya, berlakunya satu laporan, dia hendak dapat maklumat dalaman daripada Jabatan Polis yang tidak diberi sebab dia hendak *create defends* atau hendak buat kesnya di mahkamah, jadi tidak diberitahu. Sebab itulah kenapa mereka ini cari orang dalaman memasukkan cara ini, mempengaruhi pejabat AG untuk memasukkan peruntukan ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat bagi Santubong mencadangkan supaya pihak kementerian ataupun Timbalan Menteri menarik balik rang undang-undang ini untuk meminda seksyen yang berkenaan kemudian dibawa kembali ke Dewan yang mulia. Itulah cara yang paling baik kalau hujah Yang Berhormat diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya kata, pada mulanya, bila undang-undang ini diberi ke tangan saya, saya berdiri pada hari Khamis sehingga pukul 5.30 petang, saya kata, memang saya 100% setuju dengan penubuhan badan

ini. Saya memang amat bersetuju, tidak ada bantahan langsung. Apa yang saya bantah, seksyen ini sahaja, minta tarik seksyen ini walaupun di peringkat itu. Walaupun sudah ditarik, saya akan berhenti cakap, sudah tidak payah cakap lagi sebab ini maruah Parlimen, maruah Ahli-ahli Parlimen kita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau inilah tidak dibuat, kita akan lihat, saya berani janji kalau benda ini tidak kita pertahankan, maknanya betullah Parlimen kita ini Tuan Yang di-Pertua…

**Seorang Ahli:** *Double standard.*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya bukan sebut, kawan-kawan di sini sebut, saya tidak sebut, betullah Parlimen ini di bawah arahan pihak *draftsman AG Chambers.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri hendak respons kepada pandangan Yang Berhormat bagi Santubong itu?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya ingat kita biarkan terus Yang Berhormat bagi Santubong memberikan hujahnya dan saya akan jawab kemudian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat teruskan, Timbalan Menteri akan jawab nanti.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup yakin bahawa Tuan Yang di-Pertua amat prihatin tentang persoalan ini. Saya juga cukup yakin Timbalan Menteri pun …..

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** …amat prihatin dengan persoalan ini. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Kita bersetuju Parlimen *supreme* dan kerana itulah akta ataupun apa yang terkandung dalam akta ini dibawa ke dalam Parlimen untuk kita persetujui. Saya hanya meminta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Santubong, dalam konteks *the spirit of* akta ini, dalam konteks kita mengatasi dan menangani masalah salah guna dadah yang semakin serius.

Pada pandangan saya, boleh atau tidak daripada hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Santubong itu nampaknya ada satu konflik di antara *Select*

*Committee* ini kemungkinannya dengan akta ini khususnya fasal 8, laporan tentang status penyiasatan. Tidakkah boleh ia dianggap sebagai satu nilai tambah kerana akta ini sebenarnya diatur setelah melihat keseluruhan kepada peranan dan fungsi ADK selama ini yang dilihat mempunyai banyak *loopholes* dan kekurangan, dan ini harus dilihat dalam konteks keseluruhan. Jadi pandangan dan pertanyaan saya, tidakkah boleh ini diambil sebagai satu nilai tambah kepada Select Committee nanti yang boleh turut membahaskan di Parlimen, yang menggambarkan bahawa Parlimen ini *supreme* dalam undang-undang ini. Yang penting sekali ialah dalam konteks akta ini nanti, ia boleh dilaksanakan licin, lancar dan berkesan. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta maaf kepada Dewan dan ahli-ahli sekalian kalau penjelasan saya kurang jelas. Tujuan saya, kalau kita hendak masukkan peruntukan ini, tidak menjadi masalah kepada saya. Kalau orang tidak hendak masuk kerja sebagai polis oleh kerana takut ditekan, kalau orang tidak mahu masuk Agensi Dadah Kebangsaan ini oleh kerana soal undang-undang ini, itu bukan soalan saya lagi kalau kerajaan berfikiran sedemikian. Tetapi saya tahu, saya cukup tahu ramai pegawai polis mengatakan, anak-anak saya tidak akan masuk polis lagi oleh kerana seksyen dalam CPC itu, kata mereka kerana implikasinya, kerana seorang maut, tidak ada orang yang hendak jadi OCPD, orang tidak mahu jadi penyelidik dan tidak mahu jadi OCS lagi, kerana kalau orang itu *negligent* boleh masuk dalam penjara, itu bukan persoalannya, saya tidak persoalkan perkara ini.

Persoalan saya *Select Committee* telah ditubuhkan untuk menyelidik *the substantive content of this* undang-undang sehingga ianya diterima nanti sama ada wajah ini ataupun corak yang lain di bawa ke Dewan pada peringkat itu, seluruh rakyat Malaysia mengikut penyelidikan *Select Committee* itu bersetuju corak inikah ataupun corak yang lain dimasukkan ke dalam undang-undang. Siapalah saya ini hendak *oppose* kan undang-undang itu. Saya Ahli Barisan Nasional, saya menyokong apa tindakan kerajaan. Apa yang saya tidak bersetuju ialah jangan maruah usul Dewan yang mulia ini di cabar, itu sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalau saya, tidak payah lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ya, Yang Berhormat, kita mendengar hujah Yang Berhormat, kita pun dapat input yang baik. Jadi, apakah Yang Berhormat akan mencadangkan sekarang ini supaya akta ini ditangguhkan dengan syarat seksyen 8 ini dikeluarkan. Sebab masalah yang kita hadapi ialah seksyen 8. Jadi, kita harus ingat Akta Makhluk Perosak itu pun baik tetapi ditolak oleh Dewan Negara juga. Jadi, apakah kita meluluskan hari ini dan menunggu Dewan Negara menolak usul yang sama. Jadi, apakah Yang Berhormat akan mencadangkan sekarang ini juga tanpa kita membahaskan dengan lebih panjang?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya bersetuju Yang Berhormat. Kalau usul ini boleh diterima, kalau permohonan saya ini boleh diterima. Saya mengangkat jari sepuluh Tuan Yang di-Pertua, bermohon supaya yang satu ini, seksyen 8 rang undang-undang ini ditarik dahulu. Biarlah undang-undang ini kalau ada mekanisme dalam peraturan yang membolehkan supaya seksyen ini ditarik, tetapi undang-undang ini diluluskan dan saya menyokong rang undang-undang ini. Bukan ada dua perkataan lagi, saya menyokong. Ini sahaja yang saya tidak bersetuju, sebab semangat di sebalik seksyen ini.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Santubong ada dua orang yang bangun

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tunggu-tunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian dengan.. mana hendak beri? Yang Berhormat Kubang Kerian, sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat ayahanda saya daripada Santubong. Tuan Yang di-Pertua, demi menjaga integriti dan untuk menjaga nama baik Ahli-ahli Parlimen dan Parlimen ini sendiri, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Santubong supaya seksyen 8 ini ditarik balik dan saya mengharapkan supaya pihak menteri yang membawa usul ini boleh mempertimbangkan dengan sebijak-bijaknya dan jangan

berlaku dalam sejarah negara bahawa Parlimen Malaysia membuat satu kesilapan dan menjejaskan nama baik kita semua.

Jadi, tidak ada salahnya saya rasa dan tidak ada masalah kalau tarik itu maknanya hilang integriti kerajaan. Bila kita tarik seksyen ini maknanya akan menaikkan imej Ahli Parlimen. Saya rasa tidak timbul masalah itu. Masalahnya ialah biarlah Jawatankuasa Pilihan ini yang diputuskan oleh Parlimen ini membuat kerja mereka dan mereka telah pun bekerja keras untuk mendapatkan pandangan daripada masyarakat awam dan dengan kita tarik balik seksyen 8 ini saya rasa ini akan memulihkan kembali prosedur yang seharusnya kita berikan penghormatan kepada Dewan yang mulia ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya memang bersetuju Tuan Yang di-Pertua supaya persoalan seksyen ini ditarik balik. Saya dalam *Select Committee* kadang-kadang enam jam satu hari sakit belakang, tetapi inilah balasan tugas kita. Jadi, saya minta supaya perkara ini difikirkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat bagi Beluran.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya mendengar dengan teliti Setiausaha Parlimen ketika membentangkan usul ini telah membuat *preempt* perkara ini di Dewan ini dan *explanation* yang diberikan dikatakan bahawa seksyen yang sama juga *appear* di dalam Akta Maritim yang telah kita luluskan pada sesi yang lalu. Adakah Yang Berhormat Santubong juga melihat bahawa kita harus uniform dalam perkara ini, jika *perception* ini tidak boleh dibincangkan dalam akta ini kerana *Select Committee* sekarang ini sedang menjelajah negara mendapatkan pendapat daripada orang ramai dan sektor-sektor yang berkenaan. Sedangkan pada sesi yang lalu kita juga telah meluluskan akta yang sama, Akta Maritim yang juga merangkumi perkara yang sama.

Apakah Yang Berhormat merasakan terdapat ketidakseragaman, ada kekeliruan yang berlaku sekarang ini dengan pihak AG apabila *Select Committee* ditubuhkan dan adakah kita juga bercadang untuk mengkaji seksyen di dalam Akta Maritim yang sama. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. memang saya juga duduk dalam Dewan ini apabila Setiausaha Parlimen membuat pembentangan. Saya meneliti ada alasan-alasan yang diberikan tetapi yang

malangnya Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat Malaysia telah merdeka semenjak tahun 1957 dan Malaysia diwujudkan pada tahun 1963, sekarang kita telah 40 lebih tahun merdeka. Tetapi dalam masa 40 tahun lebih Tuan Yang di-Pertua, kita hanya menubuhkan tiga kali sahaja *Select Committee* ini, satu pada tahun 1970'an yang mana untuk menyelidik undang-undang cerai dan perkahwinan orang-orang bukan Islam.

Yang kedua pada tahun 1985 apabila Undang-undang Dadah Kebangsaan telah ditubuhkan, sekarang kita baru kali yang ketiga. Makna pengalaman kita belum banyak . Ramai Ahli Parlimen tidak pernah melihat dua kali perkara ini berlaku dalam hidupnya di Dewan ini. Jadi, kita tidak mahu membuat kesalahan ataupun hendak *put blame on anybody* dalam soal ini. Biarlah kita semua belajar tetapi pandangan yang saya sebutkan ini ialah mempertahankan maruah Parlimen itu sahaja. Jadi, konsepnya senang sahaja apabila satu perundangan, bentuk perundangan yang dipertikaikan itu diserahkan kepada *Select Committee* dengan sendirinya semua pindaan yang sama tidak boleh dimasukkan ke Dewan lagi. Itu dia

**Tuan Markiman bin Kobiran:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Hulu Langat bangun Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mendengar secara teliti pandangan Yang Berhormat Santubong berkenaan dengan peruntukan Seksyen 8 Akta Agensi Dadah Kebangsaan yang kelihatannya 'pari materia' atau sama perkataan demi perkataannya dengan seksyen 107A, cadangan kepada pindaan Kanun Tatacara Jenayah. Tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Santubong berkenaan dengan seksyen 9 pula pada Akta Agensi Dadah Kebangsaan yang kemudiannya bersamaan dengan peruntukan Seksyen 102, cadangan kepada pindaan Kanun Tatacara Jenayah iaitu berkenaan dengan laporan pegawai polis, sementara seksyen 9 menyatakan tentang laporan berkenaan dengan pegawai agensi.

Oleh itu Yang Berhormat Santubong saya mencadangkan bukan sahaja Fasal 8 tetapi Fasal 9 juga patut dikeluarkan daripada cadangan ini. Mohon ulasan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, sebenarnya saya hendak pergi ke satu seksyen ke satu seksyen Yang Berhormat, belum habis

cerita Fasal 8 tetapi Yang Berhormat sudah *go forward* awal daripada saya. Saya setuju kerana perkara ini masih dalam siasatan Jawatankuasa Pilihan Khas di mana diusulkan oleh Dewan ini untuk menjelajah negara. Dengan itu juga kerajaan telah memberikan peruntukan tujuh orang Ahli Parlimen dengan seorang menteri yang menjadi pengerusi dan disokong oleh 18 orang pegawai kerajaan menjelajah negeri.

Saya ingat peruntukan yang akan kita gunakan untuk jawatankuasa itu untuk membuat tugas mereka nanti memang cukup banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah membuat penyelidikan tentang *Select Committee* ini dahulu, banyak negara tidak boleh melaksanakannya oleh kerana sebab sumber kewangan. Tetapi satu konsep yang mesti diingat apabila satu perundangan telah diserahkan kepada *Select Committee,* undang-undang yang sama, corak yang sama dengan perkataan yang sama tidak boleh dibawa ke Dewan lagi sehinggalah *Select Committee* tamat penyelidikannya.

Apabila keputusan dibuat pada ketika itu nanti, kita ikut apa sahaja keputusan yang telah dibuat. Bukan tugas kementerian, bukan tugas kerajaan, bukan tugas AG's *Chambers* khususnya hendak membuat undang-undang ini bercanggah, membuat satu rang undang-undang lain sampai ke Dewan ini untuk diluluskan yang bercanggah dengan yang kita minta *Select Committee* buat penyelidikan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu hendak bercakap panjang lagi, saya tidak mahu hendak bercerita lain, kalau dapatlah saya bermohon kepada pihak kementerian untuk menarik balik Fasal 8 dan 9 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat boleh menerangkan hujah Yang Berhormat, Yang Berhormat ada masa menerangkan hujah Yang Berhormat tidak ada masalah.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Macam mana Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat boleh menerangkan hujah Yang Berhormat mengikut seksyen-seksyen itu.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya punya penjelasan senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, *Select Committee* telah ditubuhkan oleh sebab-sebab tertentu. Salah satu daripadanya ialah kontroversi seksyen yang sama, kontroversi seksyen yang sama kita serahkan untuk dibuat penyelidikan – jabatan kerajaan hendak buat penyelidikan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta maaf, tunggu sekejap, saya habiskan ini. Yang Berhormat, tunggu, tunggu sekejap, selepas ini.

Kerajaan kena memikirkan bahawa kita hendak libatkan masyarakat umum, libatkan pihak-pihak yang tertentu, pihak-pihak NGO dan orang ramai sebagaimana negara yang maju. Kita hendak *transparent,* kita hendak komitmen daripada orang luar, kita hendak masyarakat Malaysia terlibat di dalam penggubalan undang-undang yang dianggap kontroversi walaupun ini di*resist* oleh pihak-pihak yang tertentu, akan di*resist*, *continue to be resisted*, dengan izin, oleh pihak-pihak yang terlibat dengan undang-undang yang sedemikian, sama ada Kastam, Imigresen, Polis dan sesiapa sahaja – Agensi Antidadah Kebangsaan dan sebagainya.

Tetapi konsepnya tadi kita kena ingat, maknanya *substantive contained* dalam undang-undang ini belum lagi saya bangkitkan. Persoalannya ialah kalau sudah diserah dengan *Select Committee*, undang-undang yang serupa dengan ini sepatutnya jangan dimasukkan ke dalam pindaan untuk undang-undang lain. Apa kita hendak buat? Selepas undang-undang Sele*ct Committee* ini siap, dia kata, sebab *Select Committee* akan sebut Kanun Tatacara Jenayah, jangan dimasukkan ke dalam undang-undang ini. Apa kita hendak buat? Pada masa itu kita sudah ada 20 undang-undang lain yang kita sudah luluskan menggunakan perkataan yang sama. Adakah kita akan bawa lagi ke Dewan ini? Buang masa Dewan hendak gubal, tarik semula, ikut perkataan-perkataan dan cara-cara mengikut apa yang disarankan oleh *Select Committee* selepas tamatnya kajian itu nanti.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi ini yang menunjukkan kerja kita macam …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** …. banyaklah misalan. Yang Berhormat, saya sudah janji dengan Yang Berhormat bagi Penampang tadi. *[Memberi tahu kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Penampang.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sila.

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Adakah Yang Berhormat bagi Santubong setuju bahawa apa yang dipertikaikan adalah kesan dari peruntukan seumpama ini, dan adakah Yang Berhormat bagi Santubong bersetuju peruntukan seperti ini tidak ada *precedent* di mana-mana negara yang sudah membangun. Kesan undang-undang ini adalah untuk menjadikan sesuatu kelalaian seseorang pegawai itu sebagai satu *criminal offence*. Jadi dari itu adakah Yang Berhormat bagi Santubong bersetuju bahawa peruntukan seperti ini harus ditangani secara, dengan izin, *holistic* berkaitan dengan semua, dengan izin, *enforcement agencies* atau badan-badan pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan seumpamanya polis dan Agensi Antidadah ini?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Dalam negara kita, Yang Berhormat, mempunyai berpuluh-puluh agensi kerajaan yang terlibat dengan penyelidikan, pendakwaan dan penguatkuasaan, dan apabila rang undang-undang yang serupa ini dimasukkan di dalam Kanun Tatacara Jenayah, banyak orang mempersoalkan memang patut undang-undang ini dibawa kepada *Select Committee,* kepada masyarakat umum untuk pengesahan, pendapat mereka sebab persoalan yang ditanya, kenapa Jabatan Polis sahaja yang kena, kenapa tidak Kastam, kenapa tidak Imigresen, kenapa tidak *Anti Corruption Agency*, kenapa tidak A-G sendiri, kenapa tidak banyak lagi jabatan-jabatan yang saya boleh katakan kenapa, kenapa dari peringkat pusat sampai ke peringkat negeri.

Okey, jawapan kita senang sahaja - kita akan berperingkat-peringkat bawa pindaan yang sama ke Dewan ini untuk meminda semua undang-undang yang tidak mempunyai peruntukan sedemikian ke Dewan, peringkat negara di Parlimen ini dan ke peringkat undang-undang negeri ke peringkat negeri untuk semua jabatan penguatkuasaan, pegawai penguatkuasaan diberi kuasa dan diberi tugas dan obligasi yang sama. Kalau inilah kita akan buat, Tuan Yang di-Pertua, bermakna persoalan diskriminasi tidak akan berbangkit. Itu satu soalan, diskriminasi.

Soalan yang kedua Yang Berhormat soal saya, kenapa undang-undang yang serupa ini dibawa? Kenapa dibawa? Kalau kita lihat, persoalan penyelidikan, tidak buat penyelidikan, kemudian dia tidak buat laporan, ini satu kecuaian. Adakah kecuaian ini boleh dihukum dengan jel? Pegawai kerajaan yang kita tuduh dan selepas itu kalau tidak buat, masuk jel. Kalau tidak masuk jel sebulan, masuk satu hari

sudah cukup dia akan dibuang kerja, buang kerja. Kalau kerja sudah 30 tahun, buang kerja, jadi OCS, OCPD ataupun pegawai penyelidik sini ataupun pegawai imigresen, pegawai kastam sudah kerja 30 tahun, oleh sebab lambat hantar surat, pap! kena tuduh, kena tuduh macam mana hendak membela diri, memang benar pun tidak buat laporan. Memang tidak ada *chance* langsung untuk membela diri dalam mahkamah.

Kalau ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai ini semua nanti, satu hari polis mogok di Kinrara daripada tahun 1976, RM2 bilion kerugian berlaku. Kalau satu kali pegawai kerajaan yang terkena undang-undang ini berhenti kerja, Tuan Yang di-Pertua, na'uzubillahi min zaalik, saya tidak tahulah apa akan berlaku kepada negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, ….

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Santubong, saya ucapkan terima kasih. Banyak kali saya berdiri kerana ada berkaitan dengan apa yang diperkatakan tadi.

Untuk memberi penjelasan kepada apa yang diperkatakan tadi, ada satu golongan, iaitu bekas polis, Persatuan Bekas Polis yang datang memberi pembentangan mengenai 8(2), iaitu saya bacakan perkara 8(2) itu, "Agensi hendaklah memberikan laporan status tentang penyiasatan kesalahan itu kepada pemberi maklumat tidak lewat daripada dua minggu dari penerimaan permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1)".

Di bawah undang-undang baru itu, disyorkan bahawa pegawai yang tidak memberikan laporan status *(status report)*, dia akan dikenakan satu bulan penjara dan akan kena RM1,000 denda. Maka ada di antara mereka yang menangis, bekas Polis ini dia menangis, Datuk Mansor saya ingat. Dia sangat terharu kerana katanya bagaimanakah polis itu boleh dikenakan hukuman *criminal* sekiranya *status report* tidak disampaikan dalam masa sebulan sedangkan ini adalah satu *negligence of duty*.

Maka apa yang saya utarakan di sini adalah rang undang-undang yang ingin digubal itu telah diteliti secara mendalam, bukan sahaja mengambil pandangan daripada pihak *AG's Chambers* yang merangka undang-undang itu tetapi kita

mengambil pandangan semua orang walaupun perundangan itu tidak boleh mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan emosi, tetapi saya rasa *Select Committee* telah diberi amanah untuk menjelajah ke seluruh negara untuk mendapatkan pandangan, bukan sahaja daripada bekas polis tetapi juga SUARAM, SUHAKAM, supaya setiap kata yang ada dalam ayat-ayatnya dikaji secara teliti supaya mempunyai implikasi perundangan yang amat jitu dan terperinci.

Apabila proses ini sedang dilakukan, tiba-tiba didatangkan di hadapan kita, dua ini *[Menunjukkan kepada Dewan]* yang lebih kurang sama – 107A dan 102, yang lebih kurang sama dan diminta supaya kita buat keputusan berkaitan dengan ini. Mungkin inilah yang diperkatakan di sini.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Santubong bahawa perkara (2) dalam perkara ini perlu diketepikan dulu sehingga setelah habis semuanya, dan yang kedua tadi, *holistic*. Tadi kita bincang hanya berkaitan Polis Diraja Malaysia, apa kaitan dengan semua pihak penguat kuasa yang lain yang terlibat di dalam proses perundangan yang sama?

Apabila semua ini dikaji semula pada bulan Julai depan, kita rasakan benda ini kita sudah pun kaji habis secara menyeluruh, bahawa setiap perkara yang terkandung di dalam 107A, 102 dan semua undang-undang yang berkaitan, barulah kita mengambil keputusan apakah perkara yang perlu diselaraskan untuk semua badan-badan penguat kuasa yang sedia ada. Maka saya mintalah penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong mengenai perkara ini.

**Datuk Haji Wan Juanaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalau saya punya ucapan sudah panjang ini di*summerise,* macam itulah dia Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lain, tunggulah Jawatankuasa Pilihan Khas ini tamat. Lepas itu kita hendak masuk, masuklah insya-Allah. Kita satu blok pun boleh masuk semua undang-undang mengikut apa yang disarankan nanti. Yang Berhormat sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran.

**Tuan Ronald Kiandee:** Yang Berhormat Santubong, saya tidak nampak *how we are going to proceed* Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membincang perkara-perkara lain dan mengetepikan Perkara 8 dan 9 dalam Akta ini, jika ianya harus di bincang dan diluluskan oleh Dewan.

Saya tidak nampak apa peranan, sekarang ini kita setuju, Ahli-ahli bersetuju dan memang jelas sekali bahawa Seksyen 8 dan 9 ini termaktub di dalam CPC, 107A

dan 102 dan ini merupakan perkara-perkara yang sedang dibincang diambil pendapat daripada umum dengan penubuhan *Select Committee* yang telah diluluskan dan sekarang sedang menjalankan fungsi mereka dan kita hari ini membincang tentang rang undang-undang yang memasukkan perkara ini, *we will been going around,* sudah jelas sekarang Tuan Yang di-Pertua dan Santubong sama ada kita harus meneruskan usaha untuk meluluskan undang-undang ini apabila kita tahu ianya bercanggah dengan penubuhan *Select Committee*. Ya, apa tindakan seterusnya yang harus kita lakukan Sanatubong?.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Yang Berhormat Santubong, hendak tanya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Datuk saya setuju, Datuk.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Santubong, hendak tanya, jawab bersekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey, okey.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Ini kita, Tuan Yang di-Pertua kalau bolehlah kita minta Santubong mencadangkan kepada kerajaan, supaya fasal 8 ini dikeluarkan daripada apa Akta yang baru yang kita bahaskan sebab saya melihat Akta 8 ini tidak begitu *urgent,* tidak begitu diperlukan dan kenapa tidak fasal 8 ini kita masukkan sama-sama dengan cadangan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas ini, supaya kita tidak dikelirukan oleh suasana sebab kalau saya berterus terang selaku Ahli Parlimen saya tidak akan mengundi untuk menyokong fasal 8 ini, sebab ianya merupakan penghinaan kepada Parlimen, *Select Committee* ini lebih tinggi daripada *royal commission* yang lain-lain, sebab kita lulus di Parlimen, jadi saya minta Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan, kepada kementerian supaya fasal 8 ini kita *defer*, kita tangguh dan akan dibawa bersama-sama dengan cadangan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas yang dibentuk oleh Parlimen. Terima kasih

**Datuk Haji Wan Juanaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengikut, akur dengan cadangan-cadangan Ahli Parlimen yang ramai, walau pun yang lain tidak cakap, saya ingat semua kita setuju, bahawa ..

**Seorang Ahli:** Setuju.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kalau saya tanya minta berdiri Tuan Yang di-Pertua, memang saya ingat semua akan berdiri, cuba Ahli Parlimen berdiri tengok siapa setuju dengan tarik seksyen ini dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak payahlah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tidak payah? *[Ketawa],* tidak payah, Tuan Yang di-Pertua kata tak payah. Kita akur dengan arahan Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mintalah Tuan Yang di-Pertua Seksyen 8, Seksyen 9 daripada cadangan kita, tariklah dahulu seksyen ini barulah bawa undang-undang ini ke sini, justifikasi kita sudah cukup iaitu *Select Committee* masih bertugas dan tambah sedikit pada masa yang akan datang sebelum *Select Committee* buat keputusan, jangan bawa perkataan atau seksyen-seksyen yang sama untuk meminda mana-mana seksyen lain Perundangan Malaysia ke Dewan ini hinggalah *Select Committee* itu tamat menjalankan tugas mereka pada pertengahan tahun hadapan. Tuan Yang di-Pertua, mohon duduk dan mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain, ya. Sabak Bernam.

**11.55 pagi**

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, hadirin sekalian, sebenarnya saya hendak tanya kakanda saya daripada Santubong tadi berkaitan dengan Akta ini yang telah dibuat pindaan pula dengan tidak memasukkan fasal 8 dan fasal 9.

Kita harus sedar tentang bahaya dadah, Akta ini dibawa kerana *urgency* nya, kalau boleh saya ingin memberi sedikit pandangan daripada pertanyaan sahabat saya daripada Cameron Highlands. Saya ingin bagi tahu bahawa ketika ini sendiri, pada ketika ini sendiri anak-anak kita terus terjebak dengan masalah salah guna dadah dan pada ketika ini sendiri anak-anak kita sebenarnya seorang demi seorang mati dan meninggal dunia kerana dadah dengan HIV dan kita harus jelas mengenai perkara ini. Jadi oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berterima kasih kerana saya rasa saya diberi peluang yang khusus ini untuk bercakap mengikut perasaan saya. Kerana saya telah terlibat dalam cuba sama-sama kerajaan dan pihak-pihak swasta untuk menangani isu salah guna dadah ini lebih 15 tahun.

Jadi saya akan cakap dengan maaf, nanti mungkin dengan perasaan saya, bagaimana *urgent* nya, bagaimana sebenarnya perlunya kita semua mengambil tahu secara peribadi mengenai isu salah guna dadah. Saya pernah bertanya dalam Dewan

ini dan saya telah pun pernah hampir mencabar setiap Ahli Yang Berhormat di sini untuk meletakkan jawatan kalau penagih dadah di kawasannya bertambah, tetapi saya hendak bertanya dahulu sekarang ini, tahu ataupun tidak Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing ataupun di daerah sendiri berapa bilangan penyalahgunaan dadah, berapa bilangan penagih dadah tegar, berapa bilangan penagih dadah yang sekarang in berada di Pusat Serenti daripada kawasan Yang Berhormat.

Saya hampir pasti jawapannya biasa. Ini tugas ADK dan ini tugas polis dan ini tugas PEMADAM . Jadi oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap supaya musuh nombor satu negara ini yang telah kita umumkan lebih 20 tahun dahulu, 1983 diumumkan, kalau saya tidak silap oleh Yang Berhormat masa itu Datuk Seri Abdullah bin Ahmad Badawi sendiri, tentang kritikalnya kita dadah ini sebenarnya, kita harus hadapi dan pada tahun 2003 kita menggunakan satu tema yang baru supaya kita menangani dadah habis-habisan, saya hendak tanya sekarang ini, dalam tempoh 2003 sampai sekarang apa yang kita buat untuk menangani dadah habis-habisan.

Malah kalau itu kita lihat daripada ADK, Agensi Dadah Kebangsaan, data yang diberikan kepada kita, saya tidak akan pada kali ini menyebut Tuan Yang di-Pertua, mengenai data-data ini, yang saya pun ada bukunya dalam apa ini pun semua ada dan kita mungkin semua ada, malah dalam kita berucap di mana-mana pun kita akan bercakap mengenai data ini.

Ada yang menyatakan bahawa setiap 39 minit setiap seorang penagih dadah baru lahir. Baru-baru ini ada yang bercakap mengenai dalam tempoh 33 minit seorang penagih dadah baru lahir, ada pula yang terbaharu menyatakan bahawa setiap 15 minit seorang penagih baru lahir. Tetapi yang penting bagi saya Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks Akta ini, saya sebenarnya tidak langsung terlibat dalam membincangkan mengenai ini. Tetapi yang penting bagi saya ialah ia suatu manifestasi bahawa dadah di kalangan masyarakat adalah penting. Ada yang mencadangkan supaya oleh kerana ia musuh nombor satu nagara, maka seluruh angkatan bersenjata harus dihadapkan kepadanya.

Sekarang saya hendak tanya? Kalau ia dilakukan demikian, saya hendak tanya? Senapang ataupun meriam yang hendak dihadapkan kepada musuh kita ini kepada siapa? Sebenarnya, kalau saya ingin bertanya sekarang, siapa sebenarnya musuh kita ini? Dalam konteks dadah ini, siapa? Dadahnya ke, penagih dadahnya ke,

ataupun pengedarnya, tapi yang pasti yang di hujung ialah musuh kita, tetapi boleh kita cari, seperti sahabat saya daripada salah seorang daripada Yang Berhormat menyatakan bahawa dia macam tahu siapa yang terlibat dalam pengedaran dadah, malah disebut bahawa dalam konteks dadah ini ada di antara kita, rakyat negara kita yang telah menjadi kaya raya, boleh menyumbang pula itu dengan kekayaan, boleh memberi derma dan akhir mendapat gelaran Datuk dan seumpamanya. Nampaknya kita macam tahu, tetapi Tuan Yang di-Pertua, perkataan macam tahu ini, sebenarnya tidak tahulah. Atau sebenarnya kita pun tahu, kalau kita benar-benar tahu apa sebenarnya yang kita buat.

Saya pun ingin bertanya juga kepada pihak kerajaan umpamanya, oleh sebab Akta Perlucutanhak Harta ini sudah diperkenalkan pada tahun 1988 kalau saya tidak silap, berapa ramaikah mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah ini sebenarnya yang telah dilucutkan harta bendanya kerana terlibat dalam penagihan dadah. Kalau boleh dipaparkan mereka ini. Supaya mereka yang ingin terlibat lagi ataupun yang hendak terlibat tahu kesan daripadanya.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang lagi sekali sebenarnya bahawa kita setiap pemimpin khususnya Ahli Yang Berhormat, saya ingin merayu kerana saya sendiri terlibat secara khusus dan saya nampak sangat jelas ketidakprihatinan banyak pihak, semua pihak, semua bercakap tetapi ditanya apa yang you buat pula? Ataupun apakah tuan buat di peringkat tuan masing-masing? Dia akan menunjuk kepada tiga pihak yang khusus, yang pertama ialah pihak ADK sendiri kerana ini agensi yang telah dipertanggungjawabkan secara khusus. Yang keduanya ialah polis, khususnya Jabatan Narkotik. Yang ketiganya PEMADAM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang bahawa musuh nombor satu negara kita ini sebenarnya tidak jelas kepada kita, kalau saya kata tadi pengedar, jelas. Tetapi siapa pengedarnya? Kemudian yang keduanya ialah mungkin dadah itu musuh kita. Dadah itu musuh kita. Morfin, heroin, syabu, marijuana – kita boleh sebut, candu.

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Boleh sambunglah, saya ingat, kalau hendak sambung, boleh tekan, tolong bantu saya pun boleh. Jangan tanyalah *stimulants*, bagaimana ia boleh *stimulate* orang, kerana ini semua sebenarnya akan

menyebabkan orang tidak tahu jadi tahu. Ini pun saya akan tegur nanti dari segi kempen kita yang harus lebih tepat dan lebih betul.

Jadi, kalau kita katakan bahawa musuh kita adalah dadah. Sebenarnya dadah itu sendiri tidak bergerak sendiri, letak di situ. Sebenarnya dadah ini mempunyai nilai perubatan. Dadah ini juga kalau misalnya kita minum ataupun kita hisab, ataupun kita suntik, kalau kita sakit, ia mengurangkan kita daripada kesakitan. Ramai yang memberitahu saya bahawa kalau kita gelisah, tidak tenang, suntik, tenang kita, seronok kita.

Kalau saya cakap macam ini, mungkin, “Eh! Betulkah?”

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Lipis bangun. Ada yang bangun.

**Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Sila, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli daripada Sabak Bernam. Jadi, tanpa melihat kepada akta yang tadi ada pertikaian dan sebagainya, yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi. Jadi, di sini apa yang kita lihat tadi kerana Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kata dia tidak melihat ada statistik.

Jadi, saya lihat berdasarkan kepada statistik yang diberi oleh ADK ini sehingga Oktober 2003, golongan yang paling banyak terlibat dengan penyalahgunaan dadah ialah kumpulan buruh am. Dari segi pendidikan, taraf pendidikan, taraf pelajaran pula, golongan yang berkelulusan SRP, PMR ke bawah. Yang paling banyak, hampir 70% daripada mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kalau kita lihat umur pula, 75% …..daripada sehingga 40 tahun.

Jadi, apa yang saya fikirkan di sini ialah kalau kita lihat, bukan sahaja Agensi Dadah Kebangsaan, tetapi ia haruslah bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain. Kerana kalau kita lihat golongan 40 tahun ke bawah ini adalah golongan – dari segi umurnya golongan umur yang utama – *prime age*. Dari segi ekonomi, dari segi kegiatan sosial dan lain-lain.

Jadi, bersetuju atau tidak, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bahawa semua agensi kerajaan harus memainkan peranan untuk memastikan terutamanya golongan

yang menjadi sasaran utama, mungkin pengedar dan sebagainya kita beri perhatian dahulu. Terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih, sahabat saya daripada Lipis. Saya tidak mahu main dengan data kerana data yang sahabat saya, Yang Berhormat bagi Lipis sebut, ada di sini semuanya. Kita hadir dalam satu seminar kebangsaan membanteras gejala dadah yang dilaksanakan oleh *ADK [Memegang satu dokumen]* pada 12 – 14 Ogos yang baru lalu. Ini data terkini. Jadi, maknanya saya mengesahkan betul, data itu daripada Yang Berhormat bagi Lipis dan saya boleh beri lagilah berapa ramai peringkat perkeranian, berapa ramai peringkat profesional yang terlibat, berapa ramai golongan muda yang terlibat. Boleh! Jadi, maknanya yang penting sekali ialah dadah semakin serius. Kalau hendak dapat data ini sebenarnya - oleh Dr. Khairul Azmi bin Muhamad, yang membentangkan ini, data terkini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keduanya ialah permuafakatan jabatan-jabatan kerajaan dan agensi. Ini suatu isu yang kritikal. Saya sangat bersetuju kepada Yang Berhormat bagi Lipis. Ini yang sangat kurang kita lihat. Nampaknya yang terlibat dalam masalah salah guna dadah, biasanya tiga agensi, iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, melalui Jabatan Polis, melalui ADK dan kemudian NGO, PEMADAM sahaja.

Saya ingat jangan-jangan Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak menjadi ahli PEMADAM. Tetapi jangan risau, perkara ini biasa. Biasa macam orang lain, perkara ini biasa sebab musuh nombor satu negara kita ini sebenarnya kita anggap biasa. Sebab soalan yang saya sebut tadi pun sebenarnya susah hendak jawab. Siapa sebenarnya musuh kita?

Kalau bolehlah kita balik ke kawasan Parlimen kita ini, cuba, siapa sebenarnya dalam konteks salah guna dadah ini musuh kita. Saya baru sebut tadi, yang kedua, saya hendak teruskan, adakah musuh kita itu, dadah itu sendiri yang berbagai-bagai jenis, yang berbagai-bagai kegunaan dan kemudian yang ketiganya, ramai yang menyebut musuh kita ialah penagih dadah.

Setujukah Ahli-ahli Yang Berhormat, penagih dadah itulah yang musuh kita? Setujukah? Saya hendak beritahu.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Pengedar.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Mereka ini mangsa. Adakah mereka ini musuh kita. Sila Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, sila.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bahawa ancaman dadah ini adalah satu musuh negara yang pertama. Saya tidak pernah – tadi dalam permintaan penjelasan, bercanggah dengan pandangan tadi. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bahawa dadah ini perlu diberi pengkhususan dan juga diberi tumpuan untuk diperangi.

Soal yang kita bincang tadi adalah undang-undang yang berkaitan iaitu Fasal 8 dan 9. Saya balik kepada perkara memerangi dadah itu adalah soal yang sudah sedia ada, agensi-agensinya sudah ada, penguatkuasaannya sudah ada dan juga proses untuk membanterasnya sedang dijalankan.

Dengan adanya penolakan dua seksyen ini, tidak bermakna bahawa jentera itu akan dilumpuhkan, jentera itu tetap akan ada. Cuma yang dipertikaikan di sini adalah sedikit perkara-perkara teknikal yang berkaitan dengan proses-proses penyiasatan dan juga implikasi-implikasi penyiasatan yang terlibat.

Apabila kita perkatakan dua perkara tadi, proses-proses penyiasatan dan implikasinya. Soalnya adakah kita perlu menindih penggubalan rang undang-undang 10 kali dalam perkara yang lebih kurang sama dan perlu kita selesaikan dan selaraskan semua setelah habisnya siasatan daripada *Select Committee* dan juga syor-syor yang akan dibawa oleh *Select Committee*. Itulah yang diketengahkan di sini. Tetapi sebagai Ahli Parlimen, sebagai wakil rakyat di sini, kita amat setuju dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bahawa dadah itu adalah musuh negara dan perlu kita perangi dan gunakan segala tenaga yang kita sedia ada ke arah perjuangan itu. Itu tetap.

Tetapi soal di depan kita adalah teknikal *matters*, dengan izin, *whether to see this technical changes, and make sure that the coordination and the* penyelarasan itu dibuat secara betul. Itu sahaja di depankan di hadapan kita, bukan soal integrasi dan

juga perjuangan memerangi dadah. Itulah saya ingin menjelaskan di sini dan minta penjelasan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Kita sebenarnya boleh berpolemik, kita boleh bertentangan pendapat, tetapi kalau boleh akhirnya itu, musuh nombor satu negara ini kita dapat tangani.

Saya hendak beritahulah, bukan saya tidak setuju. Saya hendak beritahu tentang implikasi laporan lewat ini. Ha! Begitu kritikal. Bila laporan itu lewat daripada pegawai sama ada mereka daripada Jabatan Narkotik ataupun ADK, maka implikasinya ialah kemungkinan mereka yang terlibat dalam penagihan dadah itu akan terus bermaharajalela di kampung dia.

Kita sangat jelas bahawa 80% daripada jenayah negara kita ini adalah dilakukan oleh penagih ataupun bekas penagih, dengan maaf. Ya! Bekas penagih yang berulang. Jadi, oleh kerana itu, saya ingin mengajak supaya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini melihat isu salah guna dadah ini dalam bentuk yang berbeza. Bagi *special treatment*.

Tetapi saya bersetuju, saya ingin mengulang, bahawa *Parliament is supreme* dan tidak boleh ada pihak lain yang boleh memperkenalkan satu peraturan yang mengatasi pula peraturan yang kita telah sama-sama persetujui di Parlimen. Saya sangat bersetuju.

Jadi, aspek teknikal ini kita boleh bicarakan, tetapi yang penting bagi saya ialah saya ingin mengulangi lagi sekali bahawa saya baru bertanya di akhir tadi, adakah penagih dadah itu musuh kita?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, Yang Berhormat. Dia hendak tanya juga barangkali, dia hendak jawab barangkali.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Ha, sila. Ini abang saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Hujah-hujahnya

bernas, samalah juga hujah-hujah Yang Berhormat bagi Santubong, hujah-hujah dari Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, memang musuh nombor satu ialah dadah.

Dahulu ada lima musuh negara. Lima musuh negara dahulu ialah komunis yang pertama, yang kedua – perkauman, yang ketiga – rasuah, yang keempat – dadah dan yang kelima – masalah-masalah yang berkaitan dengan subversif, yang mengancam keselamatan. Alhamdulillah kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional bersungguh-sungguh menentang kelima-lima musuh ini.

Tetapi musuh yang paling liat nampaknya ialah penyalahgunaan dadah. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana usaha bersungguh-sungguh dengan tenaga profesional, dengan perbelanjaan yang besar, dengan kaedah-kaedah yang diguna pakai dan yang terpenting ialah kita di antara negara-negara di dunia yang mempunyai hukuman yang berat kepada penyalahgunaan dadah. Ada kadar-kadar tertentu sehingga hukumannya boleh membawa kepada hukuman gantung sampai mati. Maknanya kerajaan kita memang bersungguh-sungguh.

Tidak dinafikan kita rasa kecewa kerana usaha kita ini nampaknya, apa pepatah Melayu yang hendak diguna ini, macam… , tidak tahu saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kah atau sesiapa boleh betulkan. Macam menyiram air di daun keladi. Apa itu kalau boleh….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Betullah itu, Yang Berhormat. Menyiram air di daun keladi, tidak lekat, dia lalu sahaja. *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau dikumpul-kumpulkan 20 tahun lebih, saya dahulu Pengerusi PEMADAM Negeri Johor yang terlibat secara langsung bagi memerangi salah guna dadah di kalangan masyarakat. Macam-macam usaha kita sehingga perkara-perkara hendak menyembuhkan penagih dadah ini dengan secara agama, secara kerohanian sampai kita pergi ke Tasik Malaya, Jakarta, Indonesia dan berbagai-bagai lagi. Tetapi nampaknya makin hari makin bertambah. Di mana silapnya? Kita tidak tahu.

Jadi, saya rasa apa yang kita bentangkan di sini Rang Undang-undang Antidadah Kebangsaan 2004 ini, satu lagi usaha kerajaan yang nampak bersungguh-sungguh untuk menekan supaya penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat di negara kita ini dapat kita bendung dan dapat kita beri satu kesan agaknya yang lebih pada masa-masa yang akan datang.

Jelas di sini, saya tidak nampaklah rakan-rakan yang lain macam tidak berapa suka dengan Fasal 8 dan 9, sedangkan Fasal 8 dan 9 itu sebahagian daripada akta ini dan akta ini secara terang berkata, "Menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan untuk meletakkan kuasa kepada pegawai-pegawai agensi untuk melaksanakan fungsi pencegahan, rawatan, pemulihan, penguatkuasaan, penyiasatan, langkah-langkah pencegahan khas, perlucutan hak harta, pentadbiran mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316), Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 (Akta 340) dan perkara-perkara yang perlu atau yang berkaitan dengannya."

Maknanya, kita beri lebih kuasa kepada badan ini untuk mengambil langkah-langkah yang berkaitan seluruhnya. Bermakna ini semua akan membantu ADK, polis dan PEMADAM. Bagaimana supaya kuasa-kuasa ini digunakan dengan sewajarnya dan seluas-luasnya dan mudah-mudahan apabila lengkaplah undang-undang ini dalam usaha kita hendak memerangi salah guna dadah, maka agaknya kita lihat, suatu yang lebih baik yang akan dirasai oleh rakyat dan negara kita pada masa akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bertanya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ya. Silakan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih. Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya sangat berterima kasih. Maknanya Yang Berhormat pun turut membaca akta kita ini. Sebenarnya yang harus dilihat secara menyeluruh di mana ia ingin memberikan kuasa sepenuhnya kepada ADK dan mempertanggungjawabkan sepenuhnya ADK ini. Maknanya pegawai ini boleh di"*hire*" dan boleh di"*fire*" pada bila-bila masa kalau tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Tetapi ini adalah sangat kritikal.

Jadi, kalau kita masih lagi menganggap bahawa dadah ini harus diatasi dengan cara yang biasa, maka perkara itu menjadi biasa.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Ini masalah luar biasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Silakan.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa persoalannya bukanlah kita mempertikaikan kesungguhan ataupun perlunya tindakan-tindakan yang lebih ketat dan lebih bersungguh-sungguh. Saya percaya rang undang-undang ini ialah untuk memperkuatkan lagi usaha kerajaan untuk mengatasi dadah. Seksyen 8 dan 9 memberi banyak ruang untuk kita memperbaiki usaha-usaha ke arah itu kerana kita perlukan laporan dalam masa-masa yang tertentu dan sebagainya.

Saya rasa Ahli-ahli Parlimen kita bersetuju dengan hasrat ini. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dan saya bersetuju ialah apakah perlu kita menjadikan ataupun memberi peruntukan di mana jika pegawai itu gagal menyediakan laporan dalam masa yang ditetapkan, apakah perlu kita jadikan ia satu *criminal offence*. Kita boleh pecat, kita boleh ambil tindakan disiplin, kita boleh gugurkan jawatan dan sebagainya.

Tetapi saya rasa agak luar biasa jika kerajaan atau pegawai-pegawai kerajaan terpaksa bekerja dalam satu keadaan yang menakutkan kerana kadangkala mungkin kegagalan menyiapkan laporan itu puncanya banyak. Kita tahu dalam sistem kita ini banyak arahan, banyak tekanan dan sebagainya.

*So*, dengan izin, saya percaya hasrat yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading itu, kita faham. Kita perlukan tindakan yang tegas, konkrit dan kita memerlukan tindakan-tindakan pegawai-pegawai agensi dengan lebih baik. Tetapi saya rasa memadai jika kita gugurkan peruntukan untuk mendakwa mereka, masuk jel dan sebagainya. Saya rasa memadai kalau kita kekalkan semua peruntukan lain, tetapi tidak perlulah kita kekalkan peruntukan yang boleh membawa kepada yang pada saya adalah tidak adil sebagai pegawai kerajaan yang semata-mata kerana gagal dan semata-mata kerana cuai menjadi seorang penjenayah.

Saya rasa kesannya akan lebih buruk dan itulah sahaja yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Jadi, saya harap kita dapat melihat isu ini sebenarnya dari segi itu dan bukannya dari segi yang lebih luas. Terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Kita mendapat input tambahan daripada beliau dan saya ingin tegaskan bahawa walaupun peraturan itu ada kuasa untuk mengambil tindakan tertentu, sebenarnya kuasa-kuasa itu juga dikawal oleh peraturan-peraturan yang lain. Hanya dalam konteks ini, saya tidak akan berpolemik dari segi perundangannya ataupun teknikalnya, tetapi saya ingin kembali kepada penegasan bahawa isu salah guna dadah ini adalah isu yang sangat signifikan yang memamah dan yang menyebabkan anak kita longlai, terkulai dan pada masa ini sebenarnya kalau kita boleh secara peribadi mengambil perhatian kepada isu ini di kawasan kita, maka insya-Allah perkara ini boleh selesai.

Tetapi saya ingin memperingatkan bahawa walaupun akta ini kita luluskan, walaupun kuasa-kuasa ini kita berikan kepada pegawai ADK dengan pangkat polis tetapi itu tidak menjadi satu jaminan bahawa masalah ini boleh berkurang.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Sekejap, sekejap. Saya takut *flow of ideas* ini lari sedikit. Sekejap, sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Belum beri lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Jadi saya tidak nyatakan bahawa dengan adanya akta ini maka ini *the end of result* bahawa masalah salah guna dadah itu akan kurang kerana saya hendak jurus fikiran kita kepada tindakan ini harus daripada makro ke mikro. Sebab itu saya ingin mencadangkan sebenarnya nanti kalau boleh difikirkan bersama dalam masa ini supaya kita cuba menyelesaikan masalah ini mengikut kampung ataupun mengikut taman di mana kita duduk. Maksud kita ini ialah pimpinan akar umbi, kalau kampung, Ketua Kampung itu dengan JKKnya perlu dipertanggungjawabkan.

Yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, saya sendiri pergi ke 45 kampung di mana saya terlibat apabila tanya kepada Ketua Kampung berapa penagih dadah di kampung ini dia akan jawab, "Ramai". Berapa ramai?, Oh! Ramai…ataupun maknanya biasanya kalau kita pergi dari surau ke surau, masjid ke

masjid kita tanya, ada atau tidak, ada yang menyatakan bahawa tidak. Tetapi oleh sebab saya bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dan ADK, apabila saya sebut nama yang ini, nama yang ini, oh itu ada.

Kalau kita tanya pula umpamanya sekarang ini berapa bilangan yang ada di pusat serenti, mereka tidak akan tahu tetapi yang mereka akan tahu. Saya selalu menyatakan bahawa sesuatu kematian yang disambut dengan 'Alhamdulillah' di suatu kampung ialah kematian seorang penagih dadah. Bayangkanlah tuan-tuan, seorang penagih dadah mati, Alhamdulillah nasib baik dia mati, bayangkan tuan-tuan. Tetapi suatu kepulangan yang diterima dengan ketegangan ialah apabila diketahui bahawa satu, dua, tiga orang baru balik daripada pusat serenti, *tension* kampung itu. Silakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Sabak Bernam dan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Sabak Bernam, kita ini di Dewan ini kita luluskan rang undang-undang ini banyak sangat sudah. Terlampau banyak, masalah kita penguatkuasaan, tidak boleh kita jalankan mungkin disebabkan oleh kekurangan kewangan, tenaga pekerja dan sebagainya. Jadi pertamanya saya bersetuju dengan pandangan dan idea Yang Berhormat dan begitu juga kepada Sri Gading. Yang pentingnya ialah menghalangkan benda ini sebelum ia berlaku. Kes hisap ini, dia hisap apa pun sedap Sri Gading ini. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* Tidak, sungguh.

Hisap rokok sedap, hisap corot pun sedap, budak-budak hisap susu pun sedap, itu yang dia lena selepas hisap susu. Jadi bermaknanya apa salahnya kita bendung daripada awal. Kalau boleh dalam bajet ini Sri Gading ya. Yang Berhormat Sri Gading, sokong kerajaan menaikkan harga cukai rokok…

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hooh!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mempertinggikan cukai rokok atau seboleh-bolehnya jangan merokok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tanya Sri Gading Yang Berhormat, tanya Sri Gading, saya tidak boleh tanya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Sri Gading ya. Sri Gading itu kalau belah dada dia, tiga kilo rokok punya apa? Narkotin, candunya, candu rokok itu. Jadi dia bermula di situ Tuan Yang di-Pertua dan Sabak Bernam, menghisap. Jadi sekarang ini kita halangkan penghisapan rokok, kita halangkan kehidupan sosial, ini yang *skin head* yang kepala botak ini pakai subang ini, merayau-rayau. Dia orang ini

semua lama-lama dia hendak *try something* dia kata, mereka kata kalau hisap benda ini dia jadi karan, dia jadi syok, jadi mereka *try*lah Tuan Yang di-Pertua. Dia syok, dia karan, dia hisap dia syok, dia nampak bintang, dia nampak bidadari, dia nampak itu dan ini, akhirnya dia terikut. Jadi di sinilah kalau kita boleh kita minta Yang kita hendak undang-undang kita ini, tidak apa kita boleh lulus, kita bersetuju. Tapi penguatkuasaan dia Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Keselamatan Dalam Negeri, bagus kelmarin dia pergi di Gurun dari Sungai Petani. Tetapi *surprise* check balai polis bagi syarikat swasta keluar subsidi buat projek, ambil tanah polis buat projek, balai polis macam kandang sahaja dia buat. Rumah macam dengan kandang, tidak akan Polis Diraja Malaysia duduk dalam kandang? Ini pun Timbalan Menteri tolong siasat…

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tetapkah, tetapkah Majlis tertinggi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya? Ya? Eh, Majlis Tertinggi UMNO tetap..*[Dewan ketawa]* Orang yang rajin tidak akanlah kita tidak tolong. Timbalan Pengerusi, Pengerusi sudah hendak bagi.

Jadi adakah Yang Berhormat Sabak Bernam bersetuju dengan saya setelah kita lulus ini bagi peruntukan yang secukup-cukupnya dan kita halangkan benda ini daripada merebak. Ini tidak ada halangan, makin banyak, makin banyak, jadi ini menyusahkan kita mengganggu keselamatan negara kita, tidak tenteram, ibu bapa dipukul, dibunuh, hendak duit, hendak pergi beli hisap dadah.

Jadi inilah saya berharap kalau boleh Yang Berhormat Sabak Bernam, kita bersetuju dan selepas itu *enforcement*nya kena kuat, carilah duit. Kalau tidak, tidak ada guna rang undang-undang kita lepaskan. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan kata, pukul 2.00 pagi di Bangsar tutup. Mengapa di tempat-tempat lain fasal apa tidak boleh tutup pukul 12.00? Kelab-kelab malam ini yang segera, disko-disko tepi jalanan ini, tutuplah awal-awal pukul 2.00 malam Tuan Yang di-Pertua. Yang tidur lambat pukul 2.00 malam ini bukan manusia…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang kerja di hospital…

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu lain, itu kerja syif, itu kerja syif, dia masuk syif dia kena tidur. Ini apabila tidur tidak cukup, macam mana? Jadi di situ macam *lawyer* lainlah dia menelaah kes apa semua kan?

**Seorang Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tetapi tengok di tepi-tepi jalan dalam kelab-kelab malam, disko-disko apa semua.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan Yang Berhormat, Yang Berhormat marah apa? *[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi ini menyebabkan terjurus kepada benda-benda macam itu, jadi kita kena *stop* benda-benda ini, alam sosial yang keterlaluan ini. Ini adalah suntikan daripada bara, Sabak Bernam, hendak melemahkan rakyat negara kita dari segi mental, fizikal dan akhirnya kita akan jadi orang yang ….

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat Sabak Bernam macam mana?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tiru Yang Berhormat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob**]: Ada yang minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih, kekanda daripada Jerai ini dia memang boleh mengolah sedemikian rupalah. Tetapi apa yang penting kita jangan lari daripada isu yang kita hendak laksanakan ini, kita hendak kurangkan masalah salah guna dadah, sebab saya kena bersetuju yang pertama dari segi rokok.

Sebenarnya 100% daripada penagih ini dia buat kajian 100% bekas perokok. Tetapi saya tidak menyatakan bahawa orang yang merokok itu akan menjurus kepada menjadi penagih dadah, tidak. Saya hanya kata kajian yang telah dibuat ini, ADK boleh disahkan. Hanya kempen rokok ini saya tengok perlu kita tegur juga, saya ingat tuan-tuan atau Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia - sepanduk yang dilukis gambar rokok bengkok itu. Dia kata, 'Nak, Tak Nak', jadi apabila saya tanya kepada kumpulan pemuda, dia kata, "Yang Berhormat, macam mana kita hendak 'nak', rokok bengkok itu" Yang hendak tidak hendak, macam benda ini tidak serius, kata 'TIDAK' kepada rokok. Kita lebih kurang macam begitulah, dan tidak boleh lebih kuranglah, begitulah. Ini masalah lebih kurang ini menyebabkan kita tidak begitu serius, jadi oleh sebab itulah kalau boleh rokok itu, kalau iklan rokok itu ialah rokok yang biasa, dipangkah begitu. Dia tidak hendak rokok itu..

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Beluran bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Misalnya begitu, ya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Beluran, Beluran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran, beluran bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Jadi sebelum itu, saya hendak *set*kan *mind* kita, sebenarnya dalam konteks kita menyelesaikan dia harus berpegang kepada prinsip…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak? Nak beri jalan kepada Beluran Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Beluran, sila.

**Tuan Ronald Kiandee:** Ya, terima kasih. Saya tertarik dengan kempen anti-merokok. Perkataan 'Tak Nak, Nak', tetapi *actually* yang 'Tak Nak' itu sahaja, yang bengkok. Kementerian atau agensi yang meletakkan iklan ini kerana *more sensitive* dan *catchy*. 'Tak Nak' , dia tidak laku di Sabah dan Sarawak, *is not* perkataan yang kita gunakan. Selepas itu gambar poster besar wanita, kemudian ada perkataan besar 'Tak Nak' tetapi rokoknya kecil, seolah-olah wanita itu yang tidak hendak *something* kita tidak tahu, apa yang dia tidak hendak, sedangkan rokok bengkok itu di sebelah. *So,* saya setuju bahawa iklan, kempen ini kerana berkesan, jangan untung syarikat pengiklanan. Itu jangan untungkan syarikat iklan tetapi kita mahu mesej itu *come across,* semua orang diperkenalkan, Sabah Sarawak oleh sebab sensitif perkataan 'Tak Nak' kita tidak guna perkataan 'Tak Nak' *so,* Tuan Yang di-Pertua tahulah.

Jadi dia tidak *catchy,* dia tidak ada kesan, yang untung syarikat pengiklanan. Yang tidak berkesan itu biasalah penagih dadah, yang hendak menagih. Terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Beluran. Sebenarnya dari segi rokok itu kita pun boleh pergi ke kedai rokok macam mana hebatnya iklan – Dunhill dengan wanita cantik dengan kereta hebat. Madam mana dalam masa yang sama di luar kempennya 'nak' 'tak nak'. Jadi, ia ada satu *contradiction*. Bolehkah atau tidak kempen seperti itu tulis di situ umpama peringkat pertama 'Terima kasih kerana tidak merokok,' 'Terima kasih kerana kasihan kepada orang yang tidak hisap rokok,'

'Simpatilah kepada orang yang tidak hisap rokok,' 'Malulah kerana merokok.' Boleh? Kalau boleh, itu satu isu. Tetapi saya belum jawab, selesai tadi. Jerai ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Jerai bercakap mengenai bajet kewangan. Saya sangat bersetuju, bila kita bercakap mengenai satu-satu perusahaan, saya hendak menyatakan macam prinsip pengurusanlah – 3M plus 1M, '*man*', '*money*', *'management', and the 'maker'*. Sila Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak masuk balik kepada mauduk asal kita tentang akta ini. Mungkin rakan-rakan ada kebenaran, tetapi mungkin Kota Bharu, Santubong, siapa lagi, mungkin ada kekeliruan tentang ungkapan dia menyatakan 'kenapa kita mesti dedahkan pegawai kerajaan kita kepada tuduhan sebagai melakukan kesalahan yang bersifat jenayah, hasil daripada akta ataupun hasil daripadafasal 8 dan 9.

Tetapi kalau kita baca betul-betul subseksyen 9 (3) itu bukan sewenang-wenangnya pegawai yang bertanggungjawab tentang menguruskan perkara ini hendak kita tuduh dia. Dan denda dia di sini sebenarnya bukanlah satu denda yang begitu tetap. Dia kata di sini 'apabila disabit boleh dipenjarakan selama tempoh yang boleh sampai satu bulan atau denda yang boleh sampai RM1,000.' Tetapi hendak sampai ke situ bukan semudah itu. Takkanlah kita hendak aniaya kepada kakitangan kita yang telah menunjukkan kerja yang bersungguh-sungguh. Ini akan berlaku kepada pegawai-pegawai yang telah ada tempoh masanya tiga bulan, seminggu dan sebagainya yang agaknya tidak serius ataupun boleh menyebabkan perkara-perkara yang lain soal fitnah kepada seseorang yang agaknya tidak melakukan tetapi dikatakan melakukan.

Sebab itu kertas siasatan itu hendak disiapkan. Soal siap tak siap kertas siasatan sahaja, jadi bukanlah sewenang-wenangnya akta ini akan mendedahkan kakitangan yang berkaitan dengan akta ini dituduh ataupun akan dijatuhkan hukuman. Jadi, kalau kekeliruan itu boleh kita selesaikan tidak ada sebab kita bercanggah pendapat di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong dan tidak perlu ditarik balik Fasal 8, 9 ini. Biarkanlah ia ada di sini sebagai pelengkap kepada akta yang sedang kita bahaskan ini. Saya rasa semua orang akan terima perkara ini supaya tidak timbul masalah antara sesama kita seolah-olah bercanggah pula. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Sri Gading. Sebenarnya daripada pengalaman kita masing-masing, mungkin kita tahu kalau kita ambil daripada jabatan kerajaan, pegawai kerajaan yang tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawab sangat jelas dia mengkhianati tugas dan tanggungjawab, tetapi sebenarnya kita tidak boleh dengan sewenang-wenangnya hendak buang dia, ia ada peraturannya. Kalau peraturan kerajaan, kalau saya tidak silap ada sembilan peraturan, daripada *oral warning* kepada *written warning* sehingga akhirnya dia dibuang. Prosedur itu pun harus dilaksanakan. Tetapi yang penting ialah semangat kepada akta ini di mana kita menangani musuh nombor satu negara yang begitu penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak bagi jalan atau tidak, Jasin dengan Santubong?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Santubong dahulu. Dia bagi Santubong, Jasin sila duduk.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya bukan persoalan hendak hantar polis, penyelidik dan sebagainya satu hari dalam jel, sepuluh tahun dalam jel, itu bukan persoalannya Yang Berhormat. Itu bukan persoalan yang saya bangkit. Persoalan yang saya bangkit perkara ini telah diserahkan kepada Select Committee yang diluluskan oleh usulnya di Dewan yang mulia ini dan kenapa pula kita lulus pula sebelum penyelidik oleh Select Committee yang dilantik oleh Parlimen menyiapkan pekerjaan, itu persoalannya. Itu maruah Parlimen. Bukan persoalan penyelidik masuk jel satu tahun, sepuluh tahun. Kalau hendak hantar semua masuk jel pun, kalau semua sudah bersetuju buatlah. Persoalannya Jawatankuasa Parlimen belum siap menjalankan tugas. Itu sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih. Kita harus mengekalkan maruah Parlimen. *Parliament is a supreme* saya setuju. Saya minta daripada sahabat saya, Jasin.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, kita banyak berbincang dua hari tentang Agensi Dadah Kebangsaan yang kita akan luluskan rang undang-undang. Kita tahu bahawa kita sudah berpuluh tahun memerangi dadah. Pada hari ini kita boleh mengatakan dalam Dewan Parlimen ini kita

telah gagal. Bila sudah gagal bermaknanya bermasalah. Kita kena balik ke belakang. Kadangkala itu, ini soal nama pun memainkan peranan. Ini adat kita orang Melayu, kadang-kadang kita namakan anak kita ini, bila tak sesuai ubahlah nama lain. Macam kawan saya daripada Padang Terap, nama dia Al-Ghazali. Ketika itu dia selalu demam, sakit, terberak-berak, akhirnya diubahnya nama di kampung, nama dia Amin. Kalau tidak percaya tanya dia. Sihat dia hari ini jadi Ahli Parlimen Padang Terap.

Begitu juga dengan Agensi Dadah Kebangsaan ini, kadangkala kita tertengok agensi itu macam agensi pelancongan tidak ada ‘ump'. Badan Pencegah Rasuah, kita dengar sudah menggeletar – BPR. Ini politik wang, badan pemantau, calon-calon kelam kabut, takut. Ini Agensi Dadah Kebangsaan. Ia pun tidak ada ‘ump'. Mengapa tidak kita namakan dengan nama yang lain supaya lebih ‘ump' dan orang akan gentar – ‘badan pencegah apa, dadahkah, apakah yang lebih ‘ump'. Ini Agensi Dadah Kebangsaan macam Agensi Pelancongan dan lain-lain, orang tak takut.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya berpengalaman menghadapi bagaimana yang disebut oleh rakan saya daripada Sabak Bernam tadi, keluarga saya sendiri terlibat dengan dadah. Adik saya, puas kita berjalan, hantar pusat serenti, masuk pusat serenti, dalam pusat serenti pula lari, kena tangkap, kena jel, masuk Jel Pudu. Selepas Jel Pudu, pergi buang daerah, pun tak selesai masalah, kerana apa, kerana apabila kita ambil keputusan untuk melarang dia, tetapi emak kita dalam perlahan-lahan dok menghulur kepada dia. Itulah sebabnya saya pernah mengemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam pusat serenti pun boleh dapat dadah pasal adik saya beritahu. Dalam Jel Pudu pun dia kata boleh dapat. Keluarga saya sendiri. Tetapi kita sekarang masalah yang berat ini kita tidak boleh tangani dengan ringan. Akhirnya apabila Allahyarham emak saya meninggal dunia, saya mengumpulkan segala adik beradik saya dengan adik saya yang penagih dadah tadi, kita bagi dia *last warning,* habis-habisan, “Kalau engkau tidak hendak tegah, tidak hendak tinggalkan dadah ini kita putus saudara.” Sampai cakap macam itu, baru dia meleleh air mata. Hari ini alhamdulillah, dengan cara kita buat kekerasan ini, hari ini dia sudah berhenti menagih dadah, malah berhenti sekali hisap rokok. *[Disampuk]* Saya tinggal merokok sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini masalah sekarang masalah perang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jadi, Yang Berhormat hendak cadang peranan keluarga penting itulah.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Keluarga ini penting. Kerana kita tengok kalau hendak cakap daripada – kerana Kerajaan Negeri Melaka minggu sudah hari Jumaat, khutbah di setiap negeri Melaka, 'Dadah mengancam keselamatan negara dan umat.' Dihebahkan macam itu. Kalau kita lihat mengikut perangkaan, mungkin sahabat saya pun ada perangkaan ini. Kita dapati bahawa anak-anak muda kita ini menagih dadah 48% ini terpengaruh daripada kawan-kawan, 26% perasaan ingin tahu, 16% hendak seronok-seronok, yang tekanan jiwa, yang tidak tahu apa hendak buat baru hendak menagih dadah baru 5%. Oleh yang demikian, masalah kekeluargaan ini penting. Yang inilah yang kita hendak kena bendung.

Kita ada tiga agensi, PEMADAM ada, Polis Narkotik ada, ADK ada. PEMADAM biarlah buat kerja untuk menerangkan tentang bahayanya dadah. Penerangan, keluarga dan sebagainya. Yang polis ini untuk mencegah yang kecil-kecil yang lain apa sahaja untuk menangkap pengedar-pengedar. Tetapi ADK kita harus pekasakan. Yang mana sebagaimana telah saya katakan kelmarin semasa perbahasan minggu sudah, supaya ADK ini boleh berfungsi dengan menyeluruh, mengawal selia dan mewujudkan badan *intelligent* untuk kita mencegah dadah daripada yang besar-besar ini, *Kingpin* dia, yang sekarang ini yang ditangkap, orang yang mengambil upah daripada sempadan pergi masuk dalam negeri, itu yang ditangkap. Ejen-ejen yang kecil-kecilan ini yang ditangkap tetapi yang besar-besar belum lagi tertangkap.

Oleh yang demikian, kita harap dengan memperkasa rang undang-undang ini untuk Agensi Dadah Kebangsaan dan kalau direstui, kita tukar nama agensi ini, kita berharap supaya masalah dadah ini dapat kita selesaikan, kalau tidak ada bangsa, agama dan negara kita akan hancur. Itu sahaja kalau Yang Berhormat setuju. Terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Mungkin kita boleh cari nama baru untuk memberikan dia suatu kekuatan *special task force* kah ataupun *royal* mungkin untuk memberikan suatu nama baru yang menggambarkan bahawa kita lebih serius lagi dalam menangani isu salah guna dadah dan dari segi apa yang dinyatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin itu sebenarnya kita tidak perlu lagi mensensasikan, umpamanya ada penagih dadah sembelih emak dia, sembelih bapa dia. Jadi, memang sudah ada tetapi yang penting sekali ialah yang di peringkat akhir yang hendak saya disebutkan

ialah mengenai agenda bertindak kita yang harus diberikan perhatian secara khusus oleh Pegawai ADK.

Kita berharap dalam konteks 4M yang saya sebutkan itu, *'Men, Money, Management and the Maker'* itu, yang pertama ialah dari segi pegawai yang akan ditugaskan dalam ADK ini haruslah pegawai-pegawai yang cukup istimewa wibawanya, selain daripada dia berilmu, berkemahiran tetapi dia harus mempunyai jati diri yang unggul. Ini haruslah seorang pegawai yang istimewa dan kerjanya bukan waktu bekerja dari 8.00 pagi hingga 4.30 petang tetapi 24 jam, sebab masalah salah guna dadah ini boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja walaupun 'pot' itu berlaku biasanya pada waktu malam di mana penagih ataupun bekas penagih ini berkumpul pada waktu itu, tetapi sebagai seorang pegawai daripada ADK ini untuk memastikan keberkesanan tugas dan tanggungjawabnya, dia harus merupakan manusia yang istimewa.

Kalau boleh saya menyatakan bahawa manusia yang luar biasa kerana keluarbiasaan musuh nombor satu negara yang sebenarnya berada bersama-sama dengan kita. Saya ingin mengulang bahawa saya hampir pasti bahawa kita sebenarnya tidak mengenali musuh kita. Ramai di antara kita tidak kenal siapa musuh kita dalam konteks salah guna dadah.

Jadi, bagaimana kalau kita tidak mengenali mereka, kita hendak umpamanya hendak berperang dan mereka kita tidak tahu bilangannya, kita tidak tahu jumlahnya, kita tidak tahu strateginya. Kalau itu, maka harus kita berikan perhatian, yang pertama, saya katakan tadi mengenai manusianya, insan yang akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab itu.

Oleh kerana itu dalam konteks akta ini tadi sebenarnya semangatnya ialah kita hendak memastikan bahawa mereka yang terlibat dalam menangani salah guna dadah ini khususnya daripada ADK ini harus dipertanggungjawabkan sepenuhnya dan pertanggungjawaban ini harus di nilai dari masa ke semasa dengan *indicator* keberkesanannya.

Kalau boleh saya gambarkan dalam konteks *management* strateginya saya hendak gambarkan umpamanya kita dalam waktu peperangan di mana hampir setiap waktu maknanya pasukan bersenjata kita yang hendak memerangi musuh kita itu akan berkumpul mengatur strategi, menilai strategi, mengatur strategi baru sehingga begitu sekali, oleh kerana ini musuh yang cukup luar biasa.

Kalau kita tangani dalam keadaan biasa seperti sekarang. Saya ingat kalau kita balik kampung pun sebenarnya kita macam tidak ada masalah dengan musuh nombor satu negara kita. Malah ada yang menyatakan bahawa inilah musuh yang mesra rakyat. Memang sebenarnya mereka ini bersama kita. Tetapi saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat umpamanya, berapa orang yang sanggup minum kopi dengan mereka, satu meja? Berapa orang yang sanggup menulis surat kepada penagih dadah ini? Dengan maaf, saya ada tulis surat kepada 106 orang penagih dadah di kawasan saya sewaktu saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Penggal Pertama.

Tengok ya? Bila kita tulis surat kepada penagih dadah, apa kata *respond* yang bukan penagih. Dia tidak tulis surat kepada penyokong dia, maka kepada penagih dadah dia tulis. Ini apa punya pemimpin? Saya jawab senang sahaja Tuan Yang di-Pertua: “Jadilah penagih dadah, saya akan tulis surat kepada kamu”. Tetapi yang penting sekali sebenarnya ialah bila kita berikan sentuhan, ini sangat penting, ini agenda yang sangat penting berikan sentuhan kasih sayang kepada penagih dan bekas penagih ini.

Sebenarnya surat itu sebenarnya lambang bahawa kita mengiktiraf mereka, ahli masyarakat kita, itu penting! Ramai di antara kita sebenarnya mungkin kita kata kita mengiktiraf, tetapi tidak nampak pengiktirafan itu tetapi melalui surat ini, apabila mereka baca dan mereka pula dikehendaki memberi *feedback* kepada kita, dengan izin maklum balas maka mereka merasa terkejut sebenarnya.

Saya ingat dalam pilihan raya yang lepas, 50% daripada penagih dari kawasan Sungai Air Tawar itu adalah pengundi. Saya ingat 100% mereka mengundi saya, insya-Allah tetapi yang penting bukan itu Tuan Yang di-Pertua. Yang penting ialah keberkesanan tindakan kita. Oleh kerana itulah maka apabila Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tentang anggaran belanjawan, apabila Jerai menyebut tentang kewangan, bajet, ini adalah sangat kritikal.

Saya telah mengesan daripada Jabatan Narkotik polis daripada ADK sendiri, dari PEMADAM sendiri, masalah mereka ingin bertindak dengan lebih bersungguh-sungguh ialah masalah kewangan. Ini harus diberikan perhatian kerana kalau tidak ada kewangan, maka kita akan menghadapi masalah yang sangat besar. Kita akan hanya rancang dan rancangan akan tinggal rancangan kerana kalau musuh nombor

satu negara ini ingin diatasi maka kita harus mempunyai kewangan yang cukup, oleh kerana itulah cabaran saya itu kepada semua Ahli Parlimen, saya ingin *qualified* begini.

Bila saya cabar setiap Ahli Parlimen jika penagih dadah bertambah di kawasan Parlimen Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat harus memikirkan untuk meletak jawatan. Saya hanya bercakap dalam konteks ini. Tetapi kalau boleh, saya *qualify* begini, pada setiap orang penagih dadah, boleh atau tidak peringkat awalnya diperuntukkan RM1,000.

Di tempat saya di Sabak Bernam, saya ada 484 orang penagih dadah, tidak banyak. Saya kata tidak banyak, sebenarnya saya banyak belajar dari Yang Berhormat bagi Mambong tentang hal alam sekitar ini. Dia sebenarnya begini, boleh atau tidak satu penilaian dibuat, kerosakan yang dilakukan oleh seorang penagih dadah dalam hidup dia. Ahli-ahli Yang Berhormat bukan seribu, bukan dua ribu tetapi ratusan ribu. Tetapi tidak pernah dibuat penilaian.

Saya ingin mengulang, kalau boleh saya mengambil contoh di Sabak Bernam, saya kata kita ada 484 orang penagih dadah. Apabila saya bercakap dengan OCPD, Ketua Polis, apabila saya bercakap dengan Pegawai ADK apabila saya bercakap dengan Tuan DO, dia pun pening kepala hendak mengatasi 484 orang.

Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dato' Timbalan Menteri, kalau kita cuba mengatasi, masalah ini secara mikro. Biasanya daripada mikro kepada makro mengikut kampung. Kalau saya ambil satu kampung yang saya telah tinjau selama tiga tahun dan kita bantu Kampung PBB di Sabak Bernam iaitu Kampung Parit Baru Baruh. Data polis untuk kampung itu hanya dua orang. Apabila kita melaksanakan Program PROKADAS. PROKADAS ini ialah Program Ke Arah Dadah Sifar.

Jadi maknanya, kita mengambil pendekatan ataupun kaedah Pendekatan Mesra Pesakit (PMP). Kita menemui penagih dadah itu sendiri, mereka inilah yang akan bercerita dengan kita, berapa sebenarnya kawan mereka, daripada dua sudah menjadi lima. Ada tiga lagi yang kita tidak boleh kesan.

Jadi, kita mempunyai data yang sebenarnya. Begitu juga kalau saya ingin mengambil satu kampung di Sabak Bernam, Kampung Nelayan namanya, dia ada 28 orang penagih dadah (data polis). Apabila PROKADAS masuk, kita ada 38 orang. Kalau ini kita boleh mengambil tindakan pertama mendapatkan data dan statistik mengikut kumpulan kecil ini, yang penting selepas itu ialah apakah tindakan kita?

Jadi, kita boleh ada data dan statistik tetapi selepas itu apa hendak buat? Sebab saya biasa bertanya orang rumah sebelah, sebelahnya penagih dadah, saya tanya dia: ”Kenapa tidak tolong, kenapa tidak ziarah pun rumah penagih dadah di sebelah ini,pada hal penagih dadah berada di pusat serenti”? Jawab dia paling mudah: ”Takut”!

Ini biasa. Kalau kita takut, memang kita tidak akan berbuat apa-apa. Tetapi kita mungkin ADK harus mengambil perhatian supaya mereka ahli komuniti ini, yang bertanggungjawab, yang boleh bersama kita, harus kita berikan ilmu dan kemahiran untuk mengatasi masalah itu. Jika tidak, masalah ini akan berterusan. Oleh kerana itu saya sangat bersetuju apabila tadi disebut permuafakatan di kalangan agensi ataupun kementerian ini harus diberikan perhatian.

Jadi, dalam konteks kampung itu, yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil tindakan dan perhatian ini secara berterusan, kerana kita lihat cara menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah ini *one off*. Kita adakan seminar, kita adakan satu taklimat, kita adakan pameran tidak berterusan dan malah tidak ada kesan apakah impak kepada pameran itu ataupun makna tindakan itu.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, di akhir ini saya ingin menegaskan bahawa kita berharap Akta Agensi Antidadah Kebangsaan ini dapat disokong kerana kepentingannya. Sabah Bernam menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kubang Kerian.

**12.51 tgh.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi pada bulan Julai yang lalu Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) telah mengeluarkan indeks pembangunan manusianya bagi tahun ini dan sekali lagi menyaksikan sebuah lagi negara Scandinavia iaitu Norway telah mendapat tempat yang pertama dan tempat yang kedua diikuti dengan Sweden dan seumpamanya.

Apa yang menarik di sini ialah tentang sikap yang menjadikan negara Norway ataupun negara-negara Scandinavia ini mendapat tempat pertama negara yang paling selamat didiami ialah kerana sikap rakyatnya yang memiliki *civic minded* yang tinggi.

Dalam erti kata yang lain, apa yang saya hendak menarik dalam Dewan yang mulia adalah tentang berjayanya negara ini menjadikan setiap rakyatnya seorang negarawan.

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, untuk saya hubung kaitkan tentang penyelesaian kita untuk memerangi musuh nombor satu ini iaitu dadah, ialah tentang sikap yang mesti dimiliki oleh setiap rakyat dalam negara kita bagaimana kita melihat tentang bahayanya masalah dadah ini yang sedang mengancam negara kita.

Kalaulah bangsa Norway ataupun bangsa Scandinavia ini yang dahulunya kita pelajari dalam Sejarah ialah tentang bagaimana ganasnya mereka. Mereka digelar sebagai Kumpulan Viking, perompak ataupun lanun di laut tetapi pada hari ini tiba-tiba boleh menjadi sebuah bangsa, sebuah negara yang dihormati sebagai *peacemaker* yang telah merubah – telah melakukan satu anjakan paradigma yang akhirnya menyaksikan bagaimana mereka mengambil suatu tindakan untuk menganjurkan dan menjadikan negara mereka tempat yang paling selamat untuk didiami dan tempat berlakunya banyak persidangan untuk mendamaikan misi-misi kemanusiaan di peringkat antarabangsa, sedangkan negara kita Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu, Cina dan India juga memiliki sejarah tamadun yang agung, tamadun Melayu, tamadun India, tamadun Cina. Malangnya sampai ke hari ini hampir 47 tahun kita merdeka masalah dadah ini masih tidak dapat kita ambil satu jalan penyelesaian yang terbaik.

Pertamanya yang ingin saya tekankan di sini ialah tentang masalah yang mana telah pun diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang masalah penguatkuasaan, masalah undang-undang yang telah kita peruntukkan dan telah terlalu banyak rang undang-undang dan undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, tetapi nampaknya masalah yang kita hadapi ialah bukan sekadar untuk kita menyatakan tidak berpuas hati dengan apa tahap pencapaian kita, jauh sekali daripada kita dapat menyaksikan satu penyelesaian yang konkrit dapat kita laksanakan.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, negara Singapura saya rasa telah mendapat suatu perhatian dunia bagaimana mereka telah mencapai indeks yang rendah di dalam masalah mereka menghadapi musuh nombor satu seperti mana dalam negara kita ialah masalah dadah. Di mana di Singapura kita melihat bukan sekadar undang-undang yang dikuatkuasakan itu menggerunkan rakyat mereka. Sebagai contoh yang mudah kita lihat pemandu-pemandu Singapura yang keluar

daripada tanah air mereka. Walaupun mereka bersifat kurang sopan di jalan raya kita, tetapi mereka cukup berhemah dengan undang-undang dalam negara mereka. Kita juga sebagai pemandu dari Malaysia sebagai contoh, masuk ke dalam negara mereka dan ingin membuang sampah di dalam negara mereka, rasa gerun itu wujud.

Ini menunjukkan bahawa undang-undang dalam negara mereka itu cukup digeruni oleh rakyat mereka, tetapi apakah halnya yang sedang berlaku dalam negara kita? Kita ada undang-undang yang cukup hebat. Kita ada Seksyen 39B yang mengambil hukuman mandatori terhadap pengedaran dadah, tetapi masalahnya mengapa masalah dadah ini tidak dapat diselesaikan? Di manakah silapnya? *What went wrong?*

Di sinilah saya merasakan bahawa di sana terdapat lagi unsur-unsur ataupun elemen-elemen yang berkaitan. Sebagai contohnya masalah penguatkuasaan, masalah rasuah dan seumpamanya yang mesti kita selesaikan.

Jadi, dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan sudah sampai masanya bagaimana kumpulan penguat kuasa ini yang diberikan tanggungjawab, mandat dan kuasa oleh Dewan yang mulia ini, oleh Parlimen yang tertinggi ini supaya mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, menjadikan diri mereka sebagai seorang negarawan, menjadikan diri mereka sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk menyelamatkan anak bangsa mereka.

Di sini saya ingin menekankan tentang dua konsep yang dianjurkan oleh Islam yang kita tidak boleh lari ialah tentang konsep *amal makruf dan nahi mungkar.* Kita ada undang-undang, kita ada undang-undang yang berat, kita ada undang-undang yang dilihat zahirnya sangat menggerunkan, tetapi dari segi konsep mengaplikasikan tentang *nahi mungkar* ini saya melihat bahawa negara kita masih lagi di tahap yang paling minimum.

Sebagai contoh yang sering disebut oleh Ahli Parlimen sendiri ialah tentang bagaimana punca masalah dadah ini. Di antara faktor yang besar yang menyumbang ke arah penagihan dadah ialah tentang tumbuhnya bagai cendawan selepas hujan iaitu adalah disko dan karaoke terutama di bandar-bandar besar dalam negara kita.

Hari ini kalau kita lalu jam tiga pagi, empat pagi, lima pagi di Jalan Sultan Ismail, di Jalan Ampang masih terdapat lagi disko-disko dan karaoke-karaoke yang beroperasi, yang menyaksikan bagaimana anak-anak muda kita yang menjadi masalah dadah jenis syabu ini, yang memang telah dikenal pasti di disko dan karaokelah tempat

penyebaran, tempat mereka membeli dan mereka mengambil dadah yang sangat merbahaya ini.

Jadi, di sini Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi berdiri di dalam Dewan yang mulia ini ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kota Bharu bangun.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Di Kelantan tidak ada disko dan tidak ada kelab malam sekurang-kurangnya secara rasmi sudah 20 tahun, tetapi Kelantanlah yang mempunyai penagih dadah yang baru, yang paling ramai di Malaysia. Saya inginkan penjelasan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Kota Bharu. Saya menyebut tadi adalah antara punca ataupun faktor terbesar. Di sana masih lagi terdapat faktor-faktor yang saya rasa memberikan sumbangan terhadap pengaliran kemasukan ataupun masalah penagihan dadah ini. Saya mengakui bahawa Kelantan adalah antara negeri yang tertinggi dari segi faktor penagihan dadah ini. Saya rasa masalah-masalah nasional yang perlu kita hadapi bersama dan faktor masalah *drug trafficking* ini juga adalah masalah yang berkaitan dengan negara sempadan, kita berhadapan dengan masalah ataupun negara jiran, negara Thailand yang memang menjadi pusat yang termasuk dalam segi tiga (*triangle)* pembuatan dan juga pengedaran dadah yang mengancam keselamatan bukan sahaja di peringkat negara, tetapi juga di peringkat serantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai masanya untuk kita mengambil satu pendekatan. Kalau kita mahukan hukuman yang lebih dilihat bukan sahaja sebutannya menggerunkan, tetapi dari segi pelaksanaannya sangat menggerunkan.

Baru-baru ini saya sangat bersetuju dengan cadangan daripada Kementerian Dalam Negeri khususnya Timbalan Menteri Dalam Negeri yang ada dalam Dewan ini supaya undang-undang yang lebih keras, sebagai contoh, sebatan di khalayak ramai cuba untuk diaplikasikan dalam negara kita. Saya yakin dan percaya kalau undang-undang sebatan di khalayak ramai ini dapat …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak sambung atau hendak habiskan?

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Sedikit lagi. Dua minit. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan ayat itu.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Dua minit. Jadi saya merasakan undang-undang yang cuba diaplikasikan oleh Kementerian Dalam Negeri ini, yang pernah dicadangkan walaupun masih lagi di peringkat kajian, di peringkat satu penyelidikan yang teliti perlu dibuat. Saya sangat mengalu-alukan supaya undang-undang ini setidak-tidaknya dapat melahirkan rasa gerun dalam hati rakyat dalam negara ini khususnya dalam kita memberikan satu bentuk kerjasama, satu bentuk komitmen kita untuk kita memerangi musuh nombor satu negara ini iaitu tentang masalah dadah yang sedang kita perbincangkan dalam Dewan yang mulia ini dan juga oleh masyarakat di luar sana.

Jadi, setakat itulah Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih di atas laluan yang diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00 tengah hari. Oleh itu saya tangguhkan sidang Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 ptg***

**[**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kubang Kerian sudah habis ucapan ya?

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Bharu. Ada berapa ramai lagi?

**2.32 ptg.**

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-Undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004. Memanglah hasrat kerajaan dan juga orang ramai untuk kita semua mengatasi masalah penagihan dadah yang begitu serius

di kalangan masyarakat kita dan khususnya pada orang Melayu dan umat Islam kerana daripada statistik yang kita dapati kita tahu masalah ini yang lebih ketara ialah menimpa orang Melayu.

Persoalannya selain daripada cadangan-cadangan dan rang undang-undang yang dikemukakan, penguatkuasaan dan penubuhan sesuatu agensi baru dan sebagainya, saya ingin mengambil perhatian Tuan Yang di-Pertua tentang perlunya satu pendekatan yang agak baru dan berbeza untuk mengatasi masalah ini. Saya lihat kecenderungan kita ialah bila ada sesuatu masalah seperti masalah dadah, yang kita ambil tindakan ialah satu cara penghapusan.

Kita hendak hapus dadah, kita tangkap dia, kita gunakan segala kuasa yang ada untuk mengatasi masalah ini. Kita juga memberi banyak nasihat bukan sahaja daripada golongan-golongan agama iaitu pemimpin-pemimpin masyarakat tentang bahayanya dadah dan semua perkara ini adalah satu perkara yang kita semua tahu. Anak-anak muda kita tahu bahayanya dadah, mahalnya dadah. Kita semua tahu perkara ini tetapi ia terus juga berlaku.

Jadi saya percaya satu pendekatan baru perlu diambil oleh kerajaan dalam melihat soal dadah ini sebagai satu masalah yang lebih luas. Bila saya katakan masalah yang lebih luas ini ialah masalah kekosongan jiwa manusia kita. Kalau kita lihat daripada statistik itu kita dapati yang kalaulah setiap tiga orang penagih dadah itu seorang bukan Melayu dan tiga orang Melayu maka persoalannya mengapakah kita orang Melayu ini begitu cenderung kepada dadah sedangkan agama kita melarangnya dan hubungan keluarga orang Melayu pun tidak kurangnya kasih sayang daripada keluarga-keluarga bangsa lain. Jadi apakah masalah sebenar?

Pada hemat saya masalah sebenar ialah kita tidak memberi kebebasan yang secukupnya kepada pembangunan jiwa bangsa orang kita. Lihat budaya, kita tidak memberi penekanan kepada budaya, kepada *culture*, kepada kesenian. Walaupun ada dari peringkat elit adalah penaung-penaung orang-orang kaya yang mempromosikan *culture* tetapi bukan satu budaya kita. Maka kekosongan itu diisi dengan apa?

Malah kita bukan sahaja tidak meng*encourage* ataupun menggalakkannya, kita menahan. Ada unsur-unsur budaya kita diharamkan. Budaya nenek moyang kita beribu tahun dianggap bertentangan dengan agama dan sebagainya. Pergaulan yang sihat juga tidak dibenarkan, kita pegang tangan pun tangkap. Satu kongkongan yang

begitu hebat dalam masyarakat. Semua perkara tidak boleh dilakukan. Kita keluar fatwa dengan begitu mudah. Kita katakan itu haram, ini haram.

Persoalan di sini bukan persoalan agama semata-mata. Persoalannya bagaimana kita mengatasi masalah masyarakat kita yang liar. Kita lihat dalam soal *concert* pun kita ada masalah. Soal drama pun tidak boleh, semua tidak boleh. Jadi sebab itulah pada hemat saya bangsa lain mungkin ada *outlet*nya. Dia boleh pergi disko, kita kalau pergi disko pandang serong. Saya sendiri pun suka pergi disko tapi tidak bererti kita pergi hisap dadah atau mencari dadah. Kita terlalu banyak larangan-larangan dalam masyarakat kita.

Jadi saya harap kerajaan dan agensi yang ditubuhkan ini juga memandang perkara ini dan memikirkan cara-cara untuk memberi semangat baru. Suatu perkara yang perlu ditanam dalam bangsa Melayu kita ialah perlunya ada sesuatu untuk mengisinya. Dalam sukan juga kita gagal. Di sekolah-sekolah hari ini tidak ada aktiviti sukan seperti pada zaman saya dahulu. Tidak ada penekanan. Di sekolah-sekolah PIBG buat apa yang ada dalam mesyuarat PIBG. Kalau ada pameran ataupun pertunjukan hanyalah satu dua lagu nasyid.

Jadi bangsa kita tidak ada. Kita tidak mahu memberi ruang yang secukupnya untuk dia menghidupkan hasratnya, impiannya. Jadi bila dia jadi beku, bila pemikirannya beku, jiwanya lesu, dia pergi cari pil kuda. Jadi sebab itulah masalah dadah ini mesti kita ikhlas. Kita jangan terlalu mudah untuk menunjukkan kita ini lebih daripada orang lain. Ini masalah manusia dan kadangkala kerajaan harus memikirkan bukan sahaja untuk menghapuskan sesuatu yang tidak baik. Matlamat kerajaan ialah mengurangkan kemudaratan yang ada dalam masyarakat.

Kalau sesuatu kegiatan itu mungkin tidak baik, tetapi kurang bahaya maka kita harus benarkan. Kalau Konsert Sure Heboh itu mungkin tidak baik, tetapi jika ia tidak memberi kemudaratan yang begitu besar, kita harus benarkan. Janganlah kita ikut telunjuk atau cara pendekatan parti PAS. Parti PAS, semua yang dalam dunia, yang tidak betul mengikut pandangannya mesti diharamkan, tetapi kita lihat kegagalan di Kelantan sendiri, budaya kita mati, dadah begitu tinggi, bangsa tidak ada jiwa.

Jadi sebab itulah saya mengharapkan kerajaan dan agensi yang baru ditubuhkan ini dan mereka yang mengisi badan-badan yang seperti ini harus memikirkan cara-cara baru. Kadang-kadang penyelesaian masalah yang rumit, yang

telah bertahun-tahun, yang meragut nyawa begitu ramai, yang memusnahkan *fabric of society* kita.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya hendak tanya sedikit sahaja pasal isu Sure Heboh ini yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya tengok, ini satu agenda ataupun acara yang cukup mudah memanggil, mengumpulkan anak-anak muda begitu ramai. Boleh atau tidak kita beri nilai tambah, dalam Program Sure Heboh itu, kita ada satu program pencelahan, Kempen Antidadah dalam majlis seperti itu. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kota Bharu?

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Saya, kalau dalam kempen untuk menyedari anak-anak muda tentang bahayanya dadah, saya rasa adalah baik kita perluaskan, pertingkatkan, termasuklah juga seperti yang saya katakan program-program atau aktiviti-aktiviti seperti konsert, sukan dan sebagainya. Tetapi kita perlukan kegiatan budaya, kita perlukan sukan yang memberangsangkan, kita perlu orang ramai hadir, terlibat sama, yang ada semangat baru, biar ada *energy* dia, tenaga dia itu boleh kita salurkan kepada satu pendekatan ataupun produktiviti yang lebih baik.

Jadi saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Gunalah apa sahaja cara, janganlah kita mengambil pendekatan mudah, pendekatan yang telah gagal, *it's very clear*, cara kita ini gagal. Kalau kita lihat di negara-negara lain, Holland, Norway, Sweden yang disebut tadi, ini juga tempat dadah bermula dan Hippies dalam tahun 70-an, tetapi mereka mengambil pendekatan yang lain, mereka kadang-kadang menggalakkannya dengan erti kata lain, mereka memberi bantuan dengan harapan dan ini terbukti pertolongan yang diberi itu dapat membantu penagih-penagih dadah itu keluar daripada penyakit ini ataupun penagihan ini.

Jadi itulah yang saya katakan tadi, mereka yang bertanggungjawab Tuan Yang di-Pertua, mestilah sanggup berani, mencari pendekatan baru, menghidupkan lagi satu keadaan di mana anak-anak muda kita mempunyai harapan untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Mendengar satu pandangan *lateral*, dengan izin, daripada Yang Berhormat bagi Kota Bharu, saya cukup tertarik. Saya teringat tidak lama dahulu, saya pergi ke Amsterdam. Di Amsterdam, di negara Belanda, terdapat sebuah kawasan di mana manusia dibenarkan menghisap dadah, *it's a free drug area* di mana orang boleh hisap dadah di situ.

*So*, persoalan yang ingin saya tanya kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu, apakah Yang Berhormat bercadang untuk mengambil pendekatan ini, tetapi sedikit *modification* di mana orang yang terlalu teruk menghisap dadah ini dibenarkan untuk menghisap dadah tetapi secara kontrol. Mereka ini dipanggil tetapi bukan mereka yang menyuntiknya, tetapi doktor yang menyuntiknya, kemudian mereka ini diletak *tagging* macam kita *tag* haiwan yang kena penyakit. Kali pertama dia datang, kita bagi dos banyak ini, kali kedua dia datang, dos kecil lagi, kali ketiga lagi kecil, lama-lama dia tidak perlu *dosage* lagi. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk mencadangkan perkara yang sedemikian Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Terima kasih kawan saya, Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya sebenarnya bukanlah Pengerusi Dadah Kebangsaan, jadi saya tidaklah boleh memberi perancangan yang luas, tetapi saya faham maksud Yang Berhormat. Memang itulah yang dimaksudkan tadi. Dadah juga, *it's a generic name*, dadah ini kita gunakan untuk yang tidak begitu serius seperti ganja, rokok pun dadah tetapi kita benarkan kerana masyarakat menerima rokok ataupun tembakau sebagai satu perkara yang okay, tetapi ia juga dadah. Kita ada dadah seperti ganja, kita ada *amphetamine*, kita ada *heroin*, kita ada yang lebih serius. Jadi maksud yang saya katakan, dalam kita mengharamkan semuanya dan gagal dalam mencapai matlamat itu, mungkin baik juga kita membenarkan untuk melonggarkan dadah-dadah yang lebih kurang serius, itu satu.

Kedua, memang apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ketereh itu berlaku dan dilakukan dengan jayanya. Misalnya pada satu masa di New York, *marijuana* itu haram, *it's a criminal possession of marijuana*. Tetapi mereka membuat kajian bahawa lagi haram yang dibuat itu, lagi banyak mafia yang membuka ruang untuk berniaga dengan lebih besar dan makin serius masalah itu. Maka sebab itu

*marijuana* itu di*criminalize* dan bila anak-anak muda itu ada *marijuana*, maka kuranglah kecenderungannya untuk *progress* kepada yang dadah-dadah yang lebih dahsyat.

Jadi memang, di Amsterdam juga soal *syringe* diberi percuma, *syringe* yang bersih supaya ia tidak ada masalah lain, masalah AIDS misalnya. Jadi dengan kerajaan mengeluarkan cara-cara ataupun memberikan peralatan yang bersih, yang *hygienic* ini mengurangkan masalah, jadi saya setuju dengan saranan Yang Berhormat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan bahawa di sekolahlah tempat kita. Soalan pokoknya ialah di persekolahan kita. Kita perlu bukan sahaja untuk meningkatkan mutu *education*, kualitinya tetapi di situlah masalah yang timbul, *our school* ataupun sekolah kita mestilah tempat yang boleh membuka minda, boleh memberikan ruang kepada bakat anak-anak muda kita menjuruskan dalam aktiviti yang lebih luas. Lihatlah kembali kurikulum kita, lihatlah kembali persekitaran sekolah kita, aktiviti kita dan kalau kita dapat selesaikan masalah *bored* di sekolah, mungkin dalam jangka masa yang panjang, kita boleh selesaikan atau mengurangkan masalah ketagihan dadah ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Beluran, ada tiga orang lagi ya, ramai lagi.

**2.48 ptg.**

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah masalah negara yang kita tahu puncanya dan akibatnya. Dalam kita mengatasi masalah ini, kita mengetahui bahawa konsep *supply* dan *demand* itu merupakan dua aspek yang harus kita sekat untuk menyekat penyalahgunaan dadah yang lebih mendalam lagi.

Dalam menambahkuasakan ADK menjadi sebuah agensi yang setanding dengan DEA di US ataupun agensi-agensi dadah yang lain di negara-negara lain, kita melihat bahawa pemberian boleh dikuasai untuk agensi ini berfungsi merupakan satu pendekatan baru, yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan masalah *supply and demand* ini, yang menjadi punca utama kepada penyalahgunaan dadah di negara kita akan dapat kita sekat. Inilah masalah yang kita tahu bahawa dadah harus dibawa masuk ke negara. Kita tahu ia harus melalui *checkpoints* penguatkuasaan yang ada, tetapi hakikatnya kita melihat begitu sukar, begitu ketat *checkpoint* yang kita lakukan,

begitu ramai yang terlibat dalam menyekat kemasukan *supply* ini. Kita melihat masih ada *supply* yang berlaku, bekalan yang berlaku di negara kita.

Kita juga tahu bahawa untuk *supply* ini diambil, ia perlu ada *demand* yang kuat. Kita mengetahui bahawa perlu ada *recruit* baru, perlu ada penagih baru untuk menjadi sebahagian daripada pen*demand* terhadap masalah dadah kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju agar agensi ini diberikan kuasa yang begitu luas untuk menentukan bahawa masalah ini dapat dibendung. Tetapi kita lihat sekian lama hasrat untuk melihat negara kita bebas daripada dadah telah dilaksanakan tanggungjawab kepada polis dan kepada agensi-agensi yang lain yang berkaitan. Tentulah dalam kita membincangkan perkara ini dan memperkasakan kuasa yang ada kepada AAD, AAK ataupun ADK ini, kita ingin melihat pendekatan baru yang diambil oleh agensi baru ini untuk lebih cekap daripada tanggungjawab tugas yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi yang sebelumnya termasuk yang dilaksanakan oleh pihak polis.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Baharu bahawa perlu ada pendekatan baru sesuai dengan kuasa baru yang ada pada ADK untuk memperkemaskan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan dadah ini. Tentulah dengan kuasa ini ramai ingin tahu apakah pendekatan baru yang diambil dan akan diambil oleh ADK untuk menentukan tugasan untuk membasmi penyalahgunaan dadah dapat diselesaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ayer Hitam bangun.

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya minta penjelasan dan pandangan di mana kalau kita melihat masalah najis dadah ini sebenarnya kita lihat kalau kaum Melayu lebih daripada 75% terlibat dalam dadah dan penagih Cina mungkin 11% tetapi berbalik kepada pil-pil khayal *ecstasy*, saya ingat kaum Cina 98%. Ini juga satu masalah yang terbaru dan kita lihat pil-pil itu diseludup daripada negara jiran. Itu memang satu masalah besar yang boleh menjahanamkan generasi muda. Saya minta pandangan Yang Berhormat kerana saya melihat dengan sendiri macam mana pihak penguat kuasa ini menjalankan kerja.

Apabila mereka menyerbu masuk ke pusat hiburan, mereka akan memanggil semua yang tengah berjoget itu, mereka akan menutup muzik, kemudian buka semula, tengok siapa yang masih lagi menggoyangkan kepala dan buntut, orang itulah yang

akan dipanggil ke balai untuk diambil tindakan. Tetapi kita melihat polis sudah malas, membawa begitu ramai sekali, akhirnya orang-orang ini bagaimana kita hendak memulihkan mereka, hendak menghantar ke Pusat Serenti begitu ramai sekali. Jadi, apakah pendekatan terbaru untuk mengawal dari segi sumber dan juga apakah program pemulihan yang kita ada, kerana ini adalah sejenis dadah yang terbaru. Kita tidak mahu generasi muda kita sentiasa menelan pil *ecstasy* ataupun pil khayal ini sehinggakan mereka lupakan kerja-kerja mereka. Saya rasa itu adalah satu masalah yang melanda masyarakat kita. Minta pandangan, terima kasih.

**Tuan Ronald Kiandee:** Saya setuju bahawa dadah dibawa masuk ke negara. Di Sabah satu ketika dahulu, tidak ada nama 'syabu', tidak ada perkataan 'syabu', tidak ada dadah 'syabu', tetapi disebabkan oleh pengaruh pendatang yang datang ke Sabah dan adanya jalan masuk yang longgar maka masalah ini kini menjadi satu masalah yang besar di Sabah. Saya difahamkan ianya telah menular ke Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, agensi dadah baru ADK ini harus melihat perkara-perkara yang lemah yang sekian lama kita ketahui *check point,* penguatkuasaan *check point* yang longgar, adanya kemasukan melalui *check point* ini. Itu dari segi *supply*nya, dari segi d*emand*nya adanya penagih baru di kalangan pekerja asing, di kalangan kakitangan kerajaan, di kalangan *student*. Semalam Timbalan Menteri yang seorang lagi telah mengeluarkan *statement* bahawa memang ada masalah besar di kalangan penuntut terhadap penyalahgunaan dadah ini yang mana dikatakan meningkat kepada angka 139 yang ditangkap untuk tujuh bulan pertama tahun ini.

*We know the problem,* kita tahu masalahnya, kita tahu ada penyalahgunaan dadah di kalangan pekerja asing yang bekerja di luar bandar, bekerja di bandar, kita tahu masalahnya. Jadi, apa pendekatan baru ADK untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita harus memberi pujian kepada polis dan sebagainya yang telah begitu serius untuk menyelesaikan masalah ini. Kita berharap agensi baru ini akan melihat perkara-perkara yang telah dilaksanakan oleh polis sekian lama dan mempelajari daripada kelemahan dari segi penguatkuasaan yang telah dijalankan untuk menjadikan ADK ini sebuah agensi yang disegani terhadap masalah ini.

Tentulah dengan kuasa baru ini kita ingin bertanya bentuk *training* yang akan diberi kepada kakitangan ADK. Adakah polis akan diserap masuk, pihak imigresen akan diserap masuk, pihak kastam yang sekian lama menjalankan tugas ini akan diserap masuk dalam ADK atau ada program lain yang akan melatih kakitangan-

kakitangan baru yang akan diambil untuk menjadi anggota ADK ini? Dalam keadaan yang begitu tentulah proses *training* itu, latihan itu akan mengambil masa. Dalam tempoh antara cekap selepas dilatih dan sekarang ini setelah cekap dilatih oleh agensi ini, siapakah yang akan menjalankan tugas, tempoh yang lama, mungkin setahun, mungkin dua tahun untuk melatih satu agensi baru dengan kakitangan yang cekap. Siapakah yang akan menjalankan tugas sama ada polis akan terus dipertanggungjawabkan ke atas isu dadah di negara ini?

Itu merupakan perkara-perkara yang harus dijelaskan oleh kerajaan sesuai dengan pendekatan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, …

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Dalam menangani masalah dadah ini dan dalam usaha perang kita dengan dadah ini, adakah Yang Berhormat bagi Beluran bersetuju bahawa oleh kerana *origin* dadah ini bukan dari negara kita seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, agensi ini juga harus memastikan perhubungan *bilateral* dan *multilateral,* dengan izin, wujud di antara negara kita dengan negara-negara lain terutama sekali dengan negara-negara yang menghasilkan dadah ini dan dengan negara yang menjadi *transit point* kepada pengedaran dadah ini. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih. Saya merasakan ada hubungan antara negara kita dengan negara-negara jiran yang sudah pun dilaksanakan sekian lama untuk membendung masalah ini. Perkara ini mungkin boleh dipertingkatkan selepas agensi ini diperkasakan kuasanya. Saya bersetuju bahawa perlu ada hubungan antara negara jiran berhubung dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bahawa ada jangka masa untuk melatih dan untuk agensi ini mempunyai kakitangan sesuai dengan kuasa yang ada melalui pindaan rang undang-undang ini. Jadi, soal bila, berapa lama agensi ini boleh berfungsi sebagai satu agensi yang cekap, mempunyai kakitangan yang …

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat baru masuk tahu apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran.

**Tuan Ronald Kiandee:** ..…untuk melaksanakan ……

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan. Yang Berhormat Beluran apa khabar?

**Tuan Ronald Kiandee:** Boleh, boleh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia beri, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik dengan pandangan daripada Yang Berhormat untuk kita mempertingkatkan dan kita akan insya-Allah meluluskan penubuhan dan juga sedikit pindaan kepada antidadah itu, tetapi kita juga harus memahami bahawa undang-undang kita sedemikian rupa. Kadang-kadang pengedar-pengedar itu ditangkap oleh pihak berkuasa tetapi disebabkan kelonggaran teknik dan sebagainya, pengedar-pengedar ini terlepas. Contohnya, macam Yang Berhormat bagi Bayan Baru, dia selalu bela orang-orang yang mengedar dadah. *[Seorang Ahli Dewan menegur]* Ha? Bukit Gelugor? Minta maaf. Saya pun hendak mengucap tahniah kepada dia kerana sudah dilantik menjadi Pengerusi DAP. *[Ketawa]* Jadi dalam dunia ini dua orang Benggali sudah berjaya, yang pertama …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini tidak berkaitan dengan apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Beluran. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Fasal Yang Berhormat seorang peguam yang bijak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu ada masa lain, peluang lain untuk Yang Berhormat membangkitkan perkara ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini saya hendak masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah masuklah, keluarlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okey, saya keluar. *[Ketawa]* Cuma dalam dunia ini ada dua orang, satu Perdana Menteri India, Manmohan Singh dan di sini Pengerusi DAP, Karpal Singh. Bezanya, yang di sana ada pakai *turban,* yang di sini tidak ada *turban*. Itu tidak mengapa Yang Berhormat ya, jangan marah ya, kita bergurau ya! Cuma satu Yang Berhormat, ini Yang Berhormat kena ingat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sepatutnya Yang Berhormat jadi Ketua Pembangkang, elaun Ketua Pembangkang itu Yang Berhormat tidak dapat tetapi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang dapat. Itu tidak patut.

Jadi, Yang Berhormat bagi Beluran, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan ini harus diberi peruntukan yang secukup-cukupnya. Kuasa diberi tidak cukup kalau *manpower* tidak ada. Yang hendak pergi *test* air kencing di *pub-pub*, hendak pergi *test* air kencing di segala tempat-tempat ini, yang kena tangkap – drebar lori, drebar bas ekspres dan sebagainya, adakah kita hendak swastakan urusan pemeriksaan air kencing ini? Sudah tentu tidak!

Jadi, agensi kalau hendak diswastakan saya pun mahu. *[Ketawa]* Boleh juga satu botol dikenakan bayaran lima ringgitkah, ya kan? Tetapi kalau ini tidak mampu dibuat, pasukan polis kena bekerjasama dan sekarang pasukan polis memang bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain. Polis ini macam-macam dia buat, orang mati reput pun dia kena pergi ambil, macam-macam dia kena buat. Jadi di sini, kita berharap bahawa dengan penubuhan agensi ini, dengan nama barunya, dengan pengurusannya yang baru ini, adakah Ahli Yang Berhormat bagi Beluran bersetuju bahawa memerangi dadah samalah juga macam kita memerangi musuh yang cuba menceroboh negara kita, melemahkan negara kita, menghancurkan generasi bangsa kita dan melenyapkan Malaysia menjadi sebuah negara yang teragung dan terkenal di dunia.

Dan saya berharap peguam-peguam pun, kalau hak yang …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kita tidak perlu ADK yang diperkasakan kuasa untuk menangkap, *identify drug addicts*. Kita pergi di belakang Chow Kit pun ada. Kita tahu *where they are*, kita tahu *addicts* ini di mana, cuma sahaja sekarang ini polis tidak tangkap fasal tidak cukup tempat untuk

dipulihkan sebab dia tahu. Di Kota Kinabalu, Sabah, kapasiti untuk pusat serenti 400 orang tetapi sekarang sudah melebihi daripada 400 orang. *So* ada *tendency* untuk tidak melakukan tangkapan ke atas penagih dadah ini disebabkan oleh kapasiti yang sudah meningkat, tidak ada tempat untuk meletakkan mereka.

Saya setuju, kalau itu sahaja ADK, kalau itulah kuasa, peranan yang mahu dilakukan oleh ADK ini, kita tidak perlu buat satu agensi, polis pun boleh melaksanakan. Saya setuju bahawa agensi ini harus diperkasakan, diberi kewangan, diberi kuasa yang begitu besar untuk menentukan pelaksanaan undang-undang, semua undang-undang yang berkaitan dengan dadah ini dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan.

Kita mempunyai undang-undang begitu banyak, hukum mati pun ada, masuk serenti pun ada, hukum penjara bertahun pun ada tetapi kita melihat bahawa hukuman melalui undang-undang ini sahaja tidak dapat melaksanakan tanggungjawab untuk membasmi dadah. Dan kita perlu lebih daripada itu, lebih daripada undang-undang tetapi satu pelaksanaan undang-undang yang berkesan di mana yang longgar, kita sudah *identify* di mana yang longgar. Kalau cakap fasal *demand,* itu dia - penagih dadah yang kita tahu *where they are,* di mana tempatnya kita tahu, berapa orang yang duduk di sana kita tahu, jam berapa mereka duduk di sana kita tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

**Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Bila menyebut tentang pusat serenti, pusat serenti ini telah memainkan peranan yang sangat penting. Ada 28 buah di seluruh negara tetapi yang penting ialah kita dapati 70 peratus daripada bekas penagih dadah yang keluar dari pusat serenti ini, dia mengulangi semula menagih . Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Beluran supaya dalam Agensi Antidadah Kebangsaan ini diwujudkan satu unit untuk bekas penagih dadah ini diberikan pekerjaan?

Kita dapati daripada 70 peratus, dari pengalaman itu, kita telah ada data dan maklum balas, mereka ini sebenarnya kemudiannya setelah keluar daripada pusat serenti mereka mengulangi tabiat lama kerana masalah pendapatan, sumber pendapatan, tidak ada kerjaya. Apa pandangan Yang Berhormat, seperti yang saya

kata tadi, supaya ADK ini juga mewujudkan satu unit untuk mencari pekerjaan bagi bekas-bekas penagih daripada pusat serenti.

**Tuan Ronald Kiandee:** Saya setuju. Ada yang keluar masuk pusat serenti ini yang ada kerja, ada *career*, profesion sebagai penyanyi, pelakon umpamanya, keluar masuk pusat serenti. Saya bertanya, apakah pendekatan baru, kerana saya ingin melihat pusat serenti juga sebagai sebahagian daripada usaha untuk membasmi penyalahgunaan dadah. Program pemulihan pusat serenti harus dilaksanakan secara berkesan. Semua *concern,* semua tahu, 70 peratus daripada yang masuk pusat serenti, apabila keluar menagih balik. Kita ada personaliti yang besar, yang pelakon, penyanyi yang keluar masuk pusat serenti seolah-olah membayangkan bahawa proses pemulihan yang kita laksanakan itu tidak berkesan, dan ini merupakan salah satu daripada perkara yang harus diambil kira oleh ADK dalam menentukan ….

**Tuan Loh Seng Kok:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya bangun.

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Memberi isyarat tangan kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya supaya menunggu sebentar]* …… menentukan masalah ini untuk kita tangani bersama.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Beluran, semasa Yang Berhormat menjawab, memberi penjelasan kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, nampaknya mengatakan bahawa sekiranya penagih-penagih yang kembali itu kalau diberi pekerjaan maka mereka tidak akan terjerumus terus ke dalam gejala ini. Saya ada pandangan yang berlainan sedikit bahawa apakah Yang Berhormat boleh menjelaskan bahawa keberkesanan rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan kerana bagi saya kita nampak bahawa di negara kita memang ada banyak kerja yang ditawarkan. Kalau semua penagih yang telah dipulihkan itu masuk ke dalam masyarakat semula, kita tidak perlu membawa masuk berjuta, beratus-ratus ribu buruh-buruh asing. Peluang pekerjaan memang ada, cuma saya rasa dari segi keberkesanan rawatan dan pemulihan itu perlu dipertingkatkan.

Walaupun tadi Yang Berhormat bagi Beluran telah mengatakan bahawa mungkin latihan perlu diberikan kepada mereka untuk melatih pegawai-pegawai di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan dari segi pencegahan, dari segi

penguatkuasaan tetapi saya rasa yang penting juga ialah dari segi rawatan dan pemulihan. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Beluran bahawa proses pembimbingan (*counselling)* perlu juga dipertingkatkan di pusat-pusat serenti.

Satu perkara lagi ialah tentang peruntukan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran itu bahawa walaupun kita boleh memberikan lebih banyak peruntukan kepada agensi ini, tetapi apakah pertubuhan-pertubuhan lain yang bukan kerajaan yang telah pun begitu efektif memulihkan penagih-penagih tidak pernah diberikan peruntukan. Apakah Yang Berhormat bagi Beluran juga boleh bersetuju bahawa badan-badan NGO ini yang menjalankan rawatan dan pemulihan ke atas penagih-penagih itu diberikan peruntukan? Terima kasih.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Itulah antara aspek yang harus diambil perhatian oleh ADK. Proses pemulihan dan juga badan-badan NGO yang sama melakukan tugasan ini agar diberi peranan yang lebih besar oleh ADK.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kempen yang kita lakukan, kempen terhadap bahaya dadah ini, kempen merokok, kempen dadah besar-besaran, lebih kerap kita melihat dalam masa yang tertentu. Kita tidak nampak kesinambungan aktiviti daripada kempen-kempen yang kita laksanakan.

Pada peringkat negeri, kita mempunyai kempen yang besar, kempen dadah besar-besaran, habis-habisan tetapi kita melihat ianya tidak dapat dilaksanakan, diterjemahkan pada peringkat daerah dan juga pada peringkat kampung. Ini satu lagi aspek yang saya fikir harus diambil kira oleh ADK dalam menentukan usaha ini. Kita harus lari terutama daripada kempen ini, daripada *launching* sindrom tetapi keberkesanannya tidak menepati seperti yang hendak kita sasarkan. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar agensi baru ini………..

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sebelum ini saya nak tahu, panjang lagikah ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Ronald Kiandee:** Saya hendak habiskan .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak habis ya. Baik. Titiwangsa.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kalau dulunya agensi menjaga undang-undang barangkali hanya polis ya, tetapi sekarang kalau kita berjalan sahaja atau dalam kereta, macam-macam orang

boleh tegur kita. Polis barangkali boleh tahan kita dari segi trafik, jenayahkah, dadah ataupun pihak DBKL boleh tahan kita mengenai trafik juga ataupun penguat kuasa, macam-macam lagilah yang tidak jaga geraikah, Tuan Yang di-Pertua, Kastam Diraja pun boleh cekup kita, kalau kita ada barang I *contraband*. ,Kementerian Perdagangan Dalam Negeri kalau kita ada VCD tiruan. Jabatan Alam Sekitar, kalau kereta kita berasap. JPJ, kalau lesen kita tidak berbayar. Imigresen kalau kita bawa orang yang tidak ada permit. Jabatan Agama, kalau kita bawa orang yang tidak patut ada sebelah kita. Yang baru-baru ini kita bincang ialah Dewan Bahasa sama ada kita hendak kuat kuasa orang salah guna bahasa kita dan sekarang pula ada ADK.

Adakah sekarang ini orang makin jahat ataupun undang-undang yang kita ada ini tidak cukup, ataupun penguatkuasaan barang kali tidak cukup, ini adakah disebabkan tidak cekap, ataupun tidak cukup kakitangan, ataupun rakyat lagi cerdik hendak buat jahat, jadi sama-samalah kita pertimbangkan dalam Dewan yang mulia ini. Dan kalau sudah ada banyak agensi ini, barangkali *inter* agensi *revelry,* dengan izin, boleh timbul dan merumitkan tugas yang patut dibuat. Seperti juga macam maritimnya, agensi itu kita khuatir juga kalau ada *inter* agensi *revelry* ini akhirnya tugas tidak dapat dijalankan, barangkali dadah *council* pula kena ditubuhkan.

Pada hemat saya elok juga kalau kita beri penekanan mengenai *preventive action,* dengan izin, kalau saya tanya dalam Dewan yang mulia ini berapa orang dalam Dewan ini adalah penagih dadah, barangkali tidak ada - ada?

**Seorang Ahli:** Penagih rokok.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Penagih rokok, penagih dadah yang serius barangkali tidak ada, barangkali kita harus tanya diri kita mengapa *why*? Mengapa kita bukan penagih dadah dan kenapa orang lain pula yang menagih dadah. Saya rasa sini bersetuju dengan….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak beri ucapan atau minta penjelasan?

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Jadi, saya hendak minta penjelasan selain daripada kita buat penekanan ini eloklah kita buat *preventive action,* dan kita pindahkan juga beban untuk mencegah penagih dadah dari menjadi bertambah ramai lagi kepada keluarga, kepada ibu bapa. Saya yakin Ahli-ahli dalam Dewan ini ada sedikit sebanyak panduan daripada ibu bapa mereka sebelum benda yang tidak diingini ini berlaku. Jadi, saya rasa bersetuju dengan pihak Ahli Kota Bharu tadi, kita

harus memberi penekanan di sekolah dan juga institusi keluarga ini, sebab banyak institusi keluarga tidak berfungsi sebagai keluarga, barangkali di sini ilmu mengenai macam mana hendak mendidik anak mereka membuat pencegahan daripada dadah ini harus ditekankan, jadi…..

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masih berucap lagi.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:**. Jadi saya rasa, saya hendak bertanya adakah agensi ini boleh dapat memainkan peranan ini untuk membuat tindakan *preventive*.

**Tuan Ronald Kiandee:** Dia kena tanya kepada agensi, agensi akan jawab. Timbalan Menteri akan jawab nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini kerana saya ingin melihat bahawa ADK akan menjadi satu agensi yang benar-benar dapat melaksanakan tugasan untuk mengurangkan beban menyalahgunakan dadah di negara kita.

Saya serius dalam perkara ini kerana melihat dadah sekarang ini bukan sahaja masalah di bandar, tetapi juga merupakan masalah yang berlaku di luar bandar, di kawasan saya umpamanya, saya diberitahu bahawa 175 peratus peningkatan dalam penyalahgunaan syabu, tahun ini berbanding dengan tahun yang lalu begitu juga mereka yang telah dikesan melalui ujian air kencing juga meningkat 66 peratus berbanding dengan tahun lalu. Ini merupakan satu genjala yang sudah masuk ke peringkat luar bandar dan segala usaha untuk menangani masalah ini dengan memperkasakan Agensi Dadah Kebangsaan dengan kuasa-kuasa yang begitu luas yang sebelum ini di bawah kuasa polis, agensi yang lain seperti Imigresen dan juga Kastam, tetapi kita melihat bahawa agensi ini begitu diperkasakan kuasanya dan memanglah menjadi harapan kerajaan dan menjadi harapan semua pihak untuk melihat agar agensi ini akan menjalankan tugas dengan berkesan. Sekian, Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ramai sebenarnya telah diberi peluang berucaplah. Jadi, saya hanya dapat memberikan peluang kepada dua ahli berucap sahaja dan setiap orang saya bagi 15 minit. Muar.

**3.17 ptg.**

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana kesungguhan, keseriusan dalam kita memerangi dadah. Saya mungkin ambil masa kurang daripada 15 minit, memandangkan ramai rakan-rakan yang ingin terlibat.

Saya ingin terus menyentuh kepada beberapa perkara yang saya perolehi daripada Agensi Dadah Kebangsaan. Satu bancian atau statistik yang perlu kita renungkan bersama sebelum saya masuk kepada rang undang-undang yang berada di hadapan kita iaitu yang pertama, bila dikatakan jumlah penagih, ini statistik tahun 2003, 36,996 orang yang mana 54 peratus penagih baru dan 45 peratus penagih berulang. Jadi, ingin saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk turut sama memberi penumpuan dalam kita membendung genjala dadah.

Perlu diadakan dua pendekatan iaitu bagi membendung penagih-penagih baru kerana jumlah peratusan penagih yang ada pada tahun 2003 sebenarnya lebih kurang sama di antara penagih baru dan penagih yang berulang, kerana kalau kita tengok banyak pendekatan yang diberikan dalam kita memerangi dadah tidak dibezakan. Kita terpaksa menghadapi dengan penagih baru yang rata-rata 62 peratus, kalau kita tengok statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan ini 62 peratus adalah mereka yang terlibat dalam aktiviti dadah kerana pengaruh kawan, perasaan ingin tahu dan untuk keseronokan. Jadi ini satu statistik, satu jumlah yang sebenarnya merisaukan kerana tidak ada sebab musabab mereka yang tergolong dalam 62 peratus ini menagih dadah.

Kerana sebab lain yang diterakan di sini ialah rangsangan, tahan sakit secara tidak sengaja, tekanan jiwa, ini golongan yang ada sebab, kita bolehlah faham sebab tekanan hidup dan sebagainya mereka mengambil dadah. Tetapi 62 peratus yang tergolong di kalangan 20 hingga 29 tahun tidak ada sebab untuk mereka terjerumus dalam aktiviti penyalahgunaan dadah ini. Maka saya mengharapkan Agensi Antidadah Kerajaan yang rang undang-undangnya dikemukakan di hadapan kita, dapat memikirkan tentang cara bagaimana untuk kita mengatasi masalah 62 peratus anak-anak muda kita yang terlibat dengan dadah tanpa ada satu-satu tujuan yang khusus dan tertentu.

Saya juga ingin menyentuh tentang peratusan penagih berulang tadi supaya agensi antidadah dapat melihat pendekatan-pendekatan tertentu kerana agensi sedia

ada seperti PEMADAM, Pengasih dan saya juga dimaklumkan kita ada apa yang dipanggil pusat pemulihan persendirian yang dijalankan oleh syarikat tertentu selepas mendapat permit dan

Memberi penekanan kepada penagih sedia ada, mereka lebih memberi penumpuan kepada rawatan. Telah banyak disentuh oleh rakan-rakan sebelum saya, yang mana kalau kita tengok juga dalam akta atau rang undang-undang yang dikemukakan, fungsi agensi lebih diberi penumpuan kepada menguatkuasakan undang-undang berkaitan dadah yang sedia ada, dengan memberi tugas dan tanggungjawab untuk membendung kegiatan dadah di negara kita, dan meletakkan fungsi untuk mencegah di perenggan yang lebih bawah. Kerana kalau kita lihat statistik yang saya sentuh tadi, perkara untuk kita membendung perkara ini adalah lebih penting dan lebih perlu dibuat segera kerana dengan tertubuhnya Agensi Antidadah Kebangsaan ini, kita mengharapkan agar satu pencapaian dalam mengurangkan kadar penagih dadah di negara kita dapat dikurangkan.

Ini perlu kerana kalau tidak sejumlah masa, tenaga dan usaha yang dilakukan bakal sia-sia kalau kita tidak dapat mengurangkan jumlah penagih dadah setiap tahun yang kita semua tahu rata-rata jumlah sering meningkat. Saya mengharapkan pihak kerajaan dapat memikirkan kaedah ataupun sasaran bagaimana dapat kita kurangkan supaya penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan ini mencapai tujuan dan matlamatnya. Kerana kita harap agensi yang khusus untuk melihat dan membendung penularan salah guna dadah di negara kita dapat dikurangkan dengan penubuhannya kelak.

Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan dan selepas Yang Berhormat, Menteri menjawab.

**3.22 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan tetapi saya ingin membangkitkan sedikit persoalan. Dengan penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan ini, apakah beza agensi ini dengan Bahagian Narkotik Polis yang sedia ada ini? Adakah anggota polis tidak lagi boleh melakukan kuasa-kuasa untuk membanteras dadah?

Tuan Yang di-Pertua, selepas penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan, saya ingin memperingatkan dan menasihatkan bahawa perlulah kita belajar dari pengalaman-pengalaman tentang salah guna kuasa yang telah dilakukan atau didakwa oleh orang ramai supaya kesalahan-kesalahan ini tidak diulangi oleh Agensi Antidadah Kebangsaan ini.

Agensi ini perlu menjalankan tugas secara profesional dan penuh dengan disiplin. Antara salah guna kuasa yang didakwa oleh orang ramai ialah:-

(i) apabila anggota penguat kuasa memasuki rumah atau premis, mereka dengan sesuka hati menghalau ahli-ahli keluarga ke satu tempat dan menggeledah seluruh rumah dengan tidak mengizinkan ahli keluarga untuk mengiringinya untuk memeriksa rumah mereka;

(ii) Ini boleh berlaku bahawa anggota penguat kuasa boleh menanam bahan bukti asing di dalam rumah dan mendakwa bahawa bahan bukti ini adalah kepunyaan tuan punya rumah;

(iii) selepas menggeledah rumah itu, ada juga dakwaan bahawa barangan kemas dan wang ringgit turut hilang berikutan penggeledahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dan juga sekiranya didapati ada bahan bukti di dalam rumah itu maka seluruh ahli keluarga di tangkap untuk dibawa ke balai untuk diperiksa. Saya baca dalam surat khabar bahawa seorang bayi berumur 1 tahun pun dibawa bersama-sama ibu bapanya untuk pergi ke balai polis. Dalam hal ini saya menganggap remaja-remaja di bawah umur seperti satu tahun, dua tahun atau mungkin lima tahun, enam tahun, mereka tidak mengetahui apa-apa pun. Dalam hal ini, mereka tidak perlulah dibawa ke balai untuk ditahan di sana.

Satu rungutan oleh orang ramai ialah mereka ditahan di bawah seksyen 117 dan lepas itu direman oleh majistret…….

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Saya tertarik dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan tentang pihak penguat kuasa mengambil kira bayi, mereka yang di bawah umur dalam usaha untuk menegakkan peraturan mengenai penyalahgunaan ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Bagan, adakah Yang Berhormat bagi Bagan pernah terjumpa ataupun pernah melalui keadaan di mana

pengedar-pengedar dadah ataupun penagih-penagih dadah yang tidak bertanggungjawab ini menggunakan kanak-kanak di bawah umur bahkan bayi-bayi ini untuk memudahkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti penagihan dan pengedaran dadah ini?

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Ya! Pernah, kami dengar bahawa budak-budak atau remaja ini diperalatkan untuk membawa dadah tetapi maksud saya ini apabila pasukan penguat kuasa datang ke rumah untuk menggeledah dan memeriksa rumah, mereka bawa sekali budak-budak dalam rumah itu pergi ke balai untuk ditahan satu malam atau dua. Itulah kita tidak bersetuju. Sebab tuan rumah, mereka telah dibawa – yang dewasa itu sudah di bawa, tidak perlulah bawa budak-budak ini.

Kalau budak-budak di dapati membawa dadah maka dia boleh dibawa ke balai dan kita juga baca dalam surat khabar bahawa terdapat juga mayat bayi dibelah dan simpan dadah dalam mayat bayi itu untuk melepasi *check point*, tetapi ini berlaku di lain aspeklah.

Saya kata seksyen 117, Tuan Yang di-Pertua, mereka merungut bahawa kadang-kadang ada sedikit masalah sahaja mereka direman sehingga tiga hari, empat hari, mungkin lima hari. Ini saya ingat sudah terlebih. Oleh kerana sedikit kesalahan saya pasti IO atau *Investigation Officer,* bolehlah menghabiskan kerja mereka dalam satu, dua hari sahaja dan tidak perlu menahan mereka dalam lokap tanpa membuat siasatan apa-apa, tanpa soal siasat langsung dan meletakkan dalam lokap begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pernah mendengar dakwaan orang ramai, apabila pasukan penguat kuasa selepas memberkas atau menangkap orang-orang atau OKT-OKT, mereka boleh melalui pihak ketiga untuk menjalankan rundingan untuk melepaskan OKT dengan balasan rasuah. Saya juga dengar ada dakwaan bahawa ada isteri-isteri OKT apabila hendak meminta pertolongan daripada pegawai penguat kuasa maka dipelawa untuk bermalam, untuk menemani pegawai keluar bermalam sebagai balasan melepaskan suami atau meringankan dakwaan terhadap suaminya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendengar rungutan bahawa selepas diambil spesimen air kencing, air kencing itu juga boleh ditukar dengan balasan rasuah dan perkara-perkara inilah kita tidak mahu berlaku lagi dengan penubuhan Agensi Antidadah Kebangsaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Seksyen 8 yang banyak dipertikaikan oleh *Backbenchers* ini yang memerlukan pegawai penyiasat menjawab atau memberi laporan status tentang kesalahan kepada pemberi maklumat dalam dua minggu, sebenarnya ini adalah satu perkara yang baik dan perlu disokong. Oleh kerana selalu terdapat bukan sahaja di dalam pasukan polis atau di pejabat kerajaan lain, selalunya kita menghadapi masalah apabila membuat satu aduan atau menulis sepucuk surat untuk meminta jawapan atau apa-apa, ia tidak dapat dibalas dengan seawal mungkin dan mungkin mengambil masa berbulan-bulan.

Jadi, sekiranya ada peraturan di mana mereka perlu menghabiskan satu siasatan dalam satu tempoh yang dihadkan dan diberitahu kepada pemberi maklumat, maka ia boleh mencekapkan lagi pentadbiran atau penguatkuasaan ini.

Jadi, dalam Seksyen 11 ini adalah pengenalan diri. Saya ingin bertanya sama ada ahli Agensi Antidadah Kebangsaan yang akan ditubuhkan itu ada *uniform*, boleh pakai *uniform* seperti pasukan bersenjata yang lain supaya mudah dikenali oleh orang-orang awam.

Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**3.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004. Saya akan cuba menjawab isu-isu yang telah disentuh dan yang memerlukan penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah membangkitkan tiga isu iaitu peranan agensi yang hendak ditubuhkan hendaklah tidak bertindih dengan peranan agensi-agensi penguatkuasaan lain yang sedia ada. Mempersoalkan bagaimana bekalan dadah boleh masuk ke negara ini dan adakah pihak berkuasa dapat mengesan dan menangkap *Kingpins* dalam sindiket pengedaran dadah. Ini juga banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang lain. Mencadangkan kerajaan mengambil langkah-langkah drastik untuk mencegah kemasukan bekalan dadah ke dalam negara melalui sempadan dan juga pintu-pintu masuk.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pertindihan, suka saya jelaskan bahawa peranan agensi yang hendak ditubuhkan ini tidak akan bertindih dengan peranan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Seksyen 6A rang undang-undang ini dengan jelas menyebutkan, bahawa fungsi agensi tidak termasuk Seksyen 4, Seksyen 5 dan Seksyen 7, perenggan 9(i)(a), Seksyen 11, subseksyen 12(1) dan Seksyen 16 dan 17 Akta Dadah Berbahaya 1952.

Seksyen-seksyen tersebut adalah berkaitan dengan pengimportan, pengeksportan, pengilangan, penjualan, pelesenan dan perdagangan dadah dan bahan-bahan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Berhubung dengan fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Bahagian Narkotik, PDRM sekarang ini, suka saya jelaskan bahawa dengan pemberian fungsi-fungsi penguatkuasaan oleh akta ini kepada agensi, fungsi-fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia akan *compliment* kepada ADK. Dengan yang demikian, negara akan mempunyai lebih *manpower* untuk melaksanakan penguatkuasaan ke atas undang-undang dadah pada masa depan.

Kita berharap dengan kekuatan yang bertambah itu, tindakan penguatkuasaan akan dapat dipertingkatkan dan diperhebatkan lagi untuk mencapai matlamat menghapuskan bekalan, pembuatan dan juga pengedaran dadah dalam negara.

Mengenai persoalan Yang Berhormat bagi Kinabatangan bagaimana bekalan dadah boleh masuk ke dalam negara ini, adakah pihak berkuasa dapat mengesan dan menangkap *Kingpins* dalam sindiket pengedaran dadah. Suka saya menjelaskan bahawa pihak PDRM, Jabatan Kastam dan Unit Pencegah Penyeludupan telah berusaha menjalankan tugas mereka untuk mencegah kemasukan bekalan dadah ke dalam negara kita ini sama ada melalui darat, laut dan udara dengan bersungguh-sungguh.

Jabatan Kastam misalnya, telah dibekalkan dengan peralatan seperti *scanner* yang terkini di pelabuhan dan di pintu-pintu masuk lain untuk mengesan dadah yang disembunyikan dalam kontena, kenderaan, barangan seperti cakera padat, komputer, buku dan sebagainya. Seterusnya pihak polis melaksanakan rondaan di kawasan sepanjang pantai, mengadakan hubungan dengan Interpol, perhubungan bilateral dengan polis negara-negara jiran seperti Thailand, Singapore dan juga Brunei.

Mesyuarat *working group* dan operasi bersama dibuat secara *regular* untuk membanteras penyeludupan dadah merentasi sempadan. PDRM juga mengadakan

hubungan kerjasama teknikal secara *ad hoc* dalam bidang penyiasatan dengan badan-badan yang berikut:

(i) *Australian Federal Police*;

(ii) *Drug Enforcement and Administration* (Amerika Syarikat);

(iii) *New Zealand Custom and Police*;

(iv) *Narcotic Bureau* (Hong Kong);

(v) *Royal Canadian Mounted Police*; dan juga

(vi) *National Narcotic Control Commission* (China).

Kesungguhan kita mencegah kemasukan bekalan dan pengedaran dadah dapat dibuktikan dari perangkaan jumlah rampasan dadah yang dibuat. Untuk makluman Dewan ini, sejak tahun 1975 hingga 2003, agensi penguatkuasaan telah merampas heroin sebanyak 4,887.71 kilogram, morfin – 277.81 kilogram, candu mentah – 8,024.4 kilogram, candu masak – 576.9 kilogram, ganja – 33,225.9 kilogram, pil ecstasy sejak tahun 1988 sebanyak 985,968 biji, pil psychotropic sejak tahun 1998 sebanyak 8,627,951 biji, syabu yang mula kita kenali sejak tahun 1995 seberat 324.5 kilogram telah dirampas.

Bilangan makmal memproses dadah haram yang dapat dikesan ialah 146 buah. Baru-baru ini dalam bulan April 2004, pihak penguat kuasa telah dapat mengesan makmal memproses dadah ATS di Semenyih, Selangor yang melibatkan rakyat negara asing. Makmal tersebut menyimpan hampir dua tan bahan kimia 'prekursor', *semi product* dan *ephedrine* yang digunakan untuk menghasilkan dadah ATS seperti ecstasy dan juga syabu. Makmal tersebut dipercayai berupaya mengeluarkan hampir satu tan dadah jenis *ice* ataupun syabu.

Sungguhpun demikian, memang tidak dinafikan bahawa bekalan dadah masih lagi dapat membolosi kawalan kita. Ini adalah kerana pihak-pihak yang melakukan kerja menyeludup dan mengedar dadah ini sentiasa mencari kelemahan-kelemahan pihak penguat kuasa terutamanya kerana kita tidak mempunyai keupayaan *manpower* yang cukup untuk mengawal sempadan perairan yang panjang dan juga keupayaan kelengkapan termasuk bot dan alat pengesan *(scanner).*

Pada hari Jumaat lepas, saya sempat melawat sempadan di antara Bukit Kayu Hitam dengan Thailand. Kita akan mempertingkatkan kawasan sempadan ini dengan kita meletak CCTV dan juga kita akan pasang lampu di sepanjang 60 kilometer

sempadan ini. Namun demikian kita lihat di kawasan Bukit Kayu Hitam membawa ke arah sebelah Kelantan, ini masih lagi kita lihat tidak ada pagar yang kita pasang.

Begitu juga bila saya melawat di Sandakan, kita lihat bahawa pos-pos yang PGA jaga ini, kita lihat di setiap pulau, setiap pos memang ada PGA kita ditempatkan. Namun, memang kita tidak boleh nafikan dengan lautan yang luas, kita kadang-kadang mengakui memang berlaku juga penyeludupan yang dibuat oleh pihak pengedar dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyeludup menggunakan pelbagai modus operandi untuk menyeludup dadah antaranya seperti berikut:

(i) kompartmen yang diubahsuai di dalam *luggage;*

(ii) *body packing;*

(iii) *internal insertion;*

(iv) kompartmen yang diubahsuai dalam kereta;

(v) CPU komputer;

(vi) *video compact disk;*

(vii) *parts* kelengkapan jentera;

(viii) bungkusan yang dihantar melalui *express courier service;* dan

(ix) Pakaian yang dibasahkan.

Mengenai jumlah *kingpins* yang ditangkap, saya tidak mempunyai perangkaan yang *detail*. Bagaimanapun saya suka jelaskan pencapaian PDRM pada tahun 2003 dan 2004 adalah seperti berikut ;

i) dalam bulan Januari 2003 PDRM telah menangkap 5 orang terdiri dari rakyat Malaysia dan Singapura yang terlibat dalam sindiket penyeludupan *ecstasy* antara Belanda dan Malaysia dan merampas 25,000 biji pil *ecstasy;*

ii) dalam bulan April 2003 PDRM telah menangkap 6 orang rakyat Malaysia yang terlibat dalam sindiket penyeludupan 123 kilogram, *high grade ecstasy powder* dari Malaysia ke Australia;

iii) dalam bulan Mei 2003 PDRM telah menangkap seorang rakyat Singapura yang terlibat dalam sindiket penyeludupan *ecstasy* bersama tiga orang lagi rakyat Malaysia yang ditangkap di *Brazil International Airport* yang merampas 52 kilogram *ecstasy;*

iv) dalam bulan November 2003 PDRM merampas 19,280 biji pil *ecstasy* dari penerbangan Malaysia dalam laluan Paris ke Kuala Lumpur; dan

v) dalam bulan April 2004 PDRM telah menangkap 15 orang terdiri dari rakyat Malaysia dan China yang terlibat dalam sindiket makmal haram ATS di Semenyih, Selangor dan merampas 29 kilogram Syabu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Banyak juga saya memaklumkan bahawa sejak tahun 1975 hingga 2003 agensi penguat kuasa kita telah berjaya menangkap seramai…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dua ahli Yang Berhormat bangun, Kuala Krai dan Rantau Panjang.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Kuala Krai.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin tahu oleh sebab dadah begitu berbahaya, kawan-kawan kita serta rakan-rakan kita telah berbahas begitu panjang dan lebar. Saya juga baru-baru ini apabila balik ditanya oleh anak buah saya di Kuala Krai kerana ditahan di bawah dadah ini. Mula-mulanya dia ini begitu kacak, orangnya tiba-tiba ditanya oleh ibu bapa dia sudah ditahan di dalam lokap.

Saya ingin tahu daripada pihak kementerian sejauh mana keberkesanan daripada ini PEMADAM, ADK ini, antidadah, penjara, Kastam, Polis Diraja Malaysia dan tentera ini.

Yang kedua, adakah pihak kementerian bercadang untuk bagi uniform kepada mereka ini supaya kita boleh kenal pasti mereka ini daripada dadah. Umpamanya polis kita tidak tahu yang mana, begitu juga penjara dan PEMADAM sendiri?

Di kawasan saya ini ramai yang terlibat dengan dadah, tetapi jawatankuasa PEMADAM pun kita tidak tahu. Lebih ramai yang dadah daripada ini dan kita harap kalau boleh pihak kementerian banyakkan lagi PEMADAM dan keberkesanan kita hendak tengok. Keberkesanannya kepada rakyat itu sendiri dari segi aktivitinya dan sebagainya, kerana inilah yang merupakan masalah di kawasan-kawasan kita,

terutama sekali Yang Berhormat-Yang Berhormat ini didatangi oleh ibu bapa kononnya anak-anak terlibat dengan dadah dan sebagainya, jadi kita hendak supaya masyarakat juga tahu di sini, ini dia yang antidadah, yang ini jawatankuasa PEMADAM dan ini pihak polis yang bertanggungjawab.

Dan kegiatan-kegiatannya dilipatgandakan seberapa banyak untuk menghapuskan ataupun setidak-tidaknya mengurangkan gejala yang begini hangat berlaku. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Krai. Saya hendak jelaskan makna PEMADAM, PEMADAM ini sebenarnya satu badan pertubuhan sukarela. Ia ditubuhkan untuk menjalankan kempen-kempen untuk mencegah penggunaan dadah. Begitu juga tugas ADK (Anti Dadah Kebangsaan) pula ditubuhkan ialah untuk kita membuat rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah yang telah ditahan dan Jabatan Narkotik di bawah PDRM, mereka ini menjalankan penguatkuasaan undang-undang.

Jadi di antara tiga ini kita lihat mereka telah menjalankan tugas masing-masing dan daripada peranan yang dimainkan sudah tentu uniformnya tidak sama. Oleh sebab itu kita sekarang ini apabila akta ini diluluskan, kita akan berusaha untuk mewujudkan satu *leading agency*, ADK dia akan *deal* dengan dadah sahaja, tidak payah fikir tentang perkara-perkara yang lain.

Jadi segala pandangan Yang Berhormat kita akan ambil kira, namun demikian saya juga ingin menyeru kepada semua Ahli Parlimen kalau boleh, kita mesti berani tampil ke hadapan dan kalau boleh, kalau kata PEMADAM biar kita menjadi pengerusi PEMADAM di kawasan Parlimen kita dan saya tertarik dengan cadangan daripada Sabak Bernam supaya kita sama-sama bukan sahaja dalam mesyuarat untuk kita mengkajikan pembangunan infrastruktur di dalam kawasan pilihan raya kita, tetapi kalau boleh kita hendak juga perangkaan berapa banyak penagih dadah yang ada dalam kawasan Parlimen kita masing-masing.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Jadi kalau ini boleh kita buat, kita serang bersepadu saya yakin kita boleh memerangi dadah yang menjadi musuh nombor satu negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada tiga Yang Berhormat. Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kerajaan telah menangkap Ketua Mafia yang bergerak di sekitar Bukit Bintang termasuk perniagaannya mengedar dadah dan meniaga perkara-perkara maksiat. Saya hendak tahu, sejauh mana tindakan kerajaan terhadap mereka ini? Mereka ini dikatakan bergelar Dato' dan mempunyai syarikat lebih daripada 1,000 buah syarikat di Malaysia ini. Saya hendak tahu apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan setelah menangkap Dato' tersebut?

Kemudian kita juga telah mendengar satu sindiket pengedaran syabu yang berpusat di Hong Kong dan mereka ini telah ditangkap di Fiji kalau tidak silap saya, dia menggunakan pasport Malaysia dan saya ingin tahu apakah tindakan kerajaan terhadap mereka ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Mengenai soalan yang pertama, seorang Dato' yang ditangkap kita telah tangkap Dato' ini di bawah *Emergency Ordinance,* di mana saya hendak nyatakan mungkin ada di antara Ahli Parlimen yang tidak berapa sedar bahawa dalam negara kita ini tangkap tanpa bicara ini bukan sahaja ISA, kita ada undang-undang, kita boleh tangkap tanpa bicara dipanggil Undang-undang Pencegahan seperti *Emergency Ordinance* yang kita gunakan untuk menangkap Dato' yang berkenaan, dan prosesnya sama macam kita tangkap ISA. Polis Diraja Malaysia akan tahan dia 60 hari dan kemudian akan serahkan kepada menteri untuk menentukan sama ada hendak dilanjutkan ataupun tidak tahanan tersebut selama 2 tahun. Ini Dato' yang dinyatakan tadi, kita telah pun hantar Dato' tersebut ditahanan Simpang Renggam selama 2 tahun. Namun demikian kita kena ingat bahawa dalam peraturan undang-undang tanpa bicara ini ataupun undang-undang pencegahan mereka yang ditahan ini sebenarnya mereka juga boleh membuat rayuan kepada Lembaga Penasihat.

Apabila seseorang ini ditahan di pusat tahanan ini, mereka akan diberi peluang untuk merayu dan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh rayuan, maka Lembaga Penasihat mesti mendengar rayuan mereka. Kalau Lembaga Penasihat mendapati rayuan mereka ini ditahan tanpa alasan yang munasabah dan mungkin dia tidak berpuas hati dengan sebab-sebab tahanan, maka Lembaga Penasihat akan membuat cadangan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dibebaskan.

Apabila Yang di-Pertuan Agong kata bebas, maka menteri sudah tidak ada kuasa, kita mesti bebaskan orang yang kita tahan, begitu juga kita ada undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Ini juga kita gunakan kepada pengedar dadah, saya lihat cara polis siasat dari pengalaman saya, cara dia menyiasat dan apabila dia ditangkap 5, 6 orang penagih dadah, kemudian dia akan tanya kepada siapa dadah ini dibeli? Kalau lima-lima kata yang A ini yang menjadi pengedar, maka polis akan tangkap A ini selama 60 hari tanpa bicara dan selepas itu akan diangkat kepada menteri untuk kita sambung sama ada kita hantar di Muar ataupun di Simpang Renggam ataupun di Batu Gajah. Lagi satu undang-undang mengenai ini ialah Akta Kediaman Terhad pun prosesnya sama.

Jadi sebab itu sebenarnya kita telah pun menggunakan undang-undang ini yang saya akan baca selepas ini.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bera.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, Bera.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri, saya cuma hendak tanya daripada penjelasan Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat ada menyebutkan tentang pencapaian-pencapaian statistik tangkapan-tangkapan yang dibuat oleh PDRM dan sebagainya tentang rampasan-rampasan dadah dan sebagainya. Jadi saya kira gambaran yang hendak diberikan oleh Yang Berhormat bahawa pihak polis, terutamanya Bahagian Narkotik berjaya dalam tugas mereka.

Jadi, persoalannya jika pihak PDRM dikira berjaya apakah rasionalnya pula kita hendak tubuhkan ADK ini, hendak ditubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan ini yang tugasnya juga adalah salah satunya sebagai penguat kuasa, menyekat dan sebagainya. Mengapa tidak diperbesarkan bahagian narkotik tadi, mengapa perlu diadakan badan baru yang tugasnya adalah sama. Saya hendak tanya dari segi pengambilan pekerja, penguat kuasa dan sebagainya, adakah akan direkrut yang baru ataupun akan dipinjam daripada polis ataupun agensi-agensi lain?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih sahabat saya daripada Bera. Mengenai pandangan Yang Berhormat, perangkaan yang saya baca itu menunjukkan kejayaan polis yang tidak boleh kita nafikan. Namun demikian, kita merasakan lagi banyak kita tangkap, lagi banyak hukuman kita jatuhkan, masalah dadah semakin

bertambah. Sebab itu saya mengatakan kita tubuh ADK ini untuk menambah *manpower* supaya dengan adanya undang-undang yang baru ini maka ia akan memberikan penguatkuasaan yang lebih kuat kepada memerangi dadah ini. Ia tidak timbul soal percanggahan kuasa. Kalau kita lihat sejarah BPR, waktu Badan Pencegah Rasuah mula ditubuhkan, ia mula-mula diambil daripada polis di bawah bahagian Commercial Crime, dan pegawai penyiasat semuanya daripada polis. Hari ini kita tengok BPR boleh berdikari dengan badan mereka sendiri dan mereka ada pula pendakwa sendiri.

Saya percaya langkah yang kita akan buat ialah secara menyusun semula dan kemungkinan apabila sampai masa Jabatan Narkotik mungkin akan diletak di bawah ADK, ini mungkin boleh berlaku. Tetapi undang-undang ini kita kira perlu kita adakan supaya kita hendak pastikan bahawa memerangi dadah ini bukanlah perkara yang kita ambil endah. Kita akan cuba menggunakan secara undang-undang. Walau bagaimanapun, undang-undang sahaja kita tahu tidak akan berjaya kalau tidak dapat kerjasama daripada orang ramai dan juga ibu bapa untuk memerangi dadah ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sudah berbincang soal dadah, soal penangkapan. Setujukah Yang Berhormat bahawa dadah ini merupakan satu ancaman dan ia dikenali sebagai *non-traditional trade*. Ia bukan isu yang kalau perang jelas ia tembak menembak, orang mati. Tetapi dadah ini ia boleh membunuh dengan berbagai-bagai cara menerusi AIDS, menerusi penyakit dan sebagainya. Bererti ia dikenali sebagai *non-traditional issue*. Saya belum mendengar daripada Yang Berhormat sama ada setuju bahawa dadah ini musuh utama. Kalau ia musuh utama, apakah langkah-langkah yang begitu menjuruskan ke arah memastikan bahawa dadah tidak boleh masuk ke negara ini. Apakah idea kerajaan mencegah, sebab apabila ada pembekal memang ramailah lagi penagih. Tetapi kalau tidak ada pembekal, saya tengok dia penagih pun tak jadilah sebab tidak ada yang dia mahu tagih.

Jadi, apa langkah-langkah kerajaan membendung sepenuhnya *supplier* atau pembekal ini, menangkap *kingpin* ini, menangkap raja dadah ini. Siapa raja dadah di Malaysia, takkan pihak polis tak tahu dari sumber-sumber dia, dari mana asal usul dadah ini datang. Kalau ia sepuluh pintu kenapa tidak kita sekat semua pintu ini. Kalau ia sepuluh lawan di lautan, kenapa tidak kita baris 100 kapal marin kita, kapal tentera kita di lautan. Asal ada bot lintas sama ada orang Malaysiakah, orang manakah, tahan,

geledah mereka. Kalau ini saya rasa dilakukan tidak akan ada lagi penagih dadah sebab benda itu tidak akan masuk. Tetapi kalau kita bincang, undang-undang, akta, ini mandatori mati pun sudah cukup, ramai juga yang mengedar.

Jadi, apa langkah-langkah yang drastik agak-agak kerajaan laksanakan untuk memastikan supaya kita *zero supply*. Apabila tidak ada *supply* siapa hendak mahu hisap. Apa dia hisap, hisap batulah. Tetapi kalau *supply* masih ada macam mana pun undang-undang – ini budak-budak sekolah 10 tahun sudah pandai hisap dadah jenis syabu, ini masalah besar. Adakah kita mahu hukum dia, bukan salah dia, tetapi pembekalan itu. Kenapa kerajaan tidak sekat pembekal itu, kenapa masih berleluasa? Kalau kita berjaya kenapa peningkatan penagih dadah meningkat?

Ini saya tengok kita tidak berjaya. Apabila tidak berjaya maka jalan pintas yang kita laksanakan enakmen, undang-undang baru. Ini pada saya bagus juga undang-undang tetapi tidak menjamin bahawa tidak akan ada lagi pembekal dadah dalam negara ini. Kalau undang-undang baru ini boleh mencegah pengedaran dadah, saya ingat kita perlu tambah lagi penguatkuasaan ini. Tetapi saya tengok penguatkuasaan semata-mata tidak boleh membendung gejala pembekalan dadah ini. Yang kita mahu cari siapa pembekal dia, kenapa tidak disekat *border* Thailand dengan Malaysia, *border* Sabah dengan Filipina, Sarawak dengan Indonesia? Apa salah dia? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat. Saya telah mengatakan tadi bahawa banyak rampasan telah dibuat. Ini menunjukkan bahawa pengedar-pengedar dadah ini tidak sewenang-wenangnya mereka boleh masuk di dalam Malaysia ini. Saya sudah mengatakan dahulu kita tidak nafikan bahawa kawalan di sempadan kita masih lagi ada tempat-tempat yang boleh dibolosi di lorong-lorong tikus. Saya pergi di Rantau Panjang memang ada lorong-lorong tikus. Ertinya mereka menyeludup dengan begitu mudah sekali. Kadang-kadang bila saya pergi Rantau Panjang, bot itu di sebelah, kita tidak boleh hendak tangkap kerana dia masih lagi berada di perairan Thailand walaupun kita tahu ada penyeludupan mungkin akan berlaku. Kita hanya boleh bertindak apabila dia telah mendarat di *mainland*.

Jadi, walau bagaimanapun, saya faham apa maksud Yang Berhormat. Kita akan berusaha untuk kita meningkatkan kawalan kita di sempadan dan juga undang-

undang ini salah satu langkah yang baru yang kita cuba pertingkatkan untuk kita mengatasi masalah dadah.

Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan daripada jumlah rampasan yang dibuat, saya juga ingin memaklumkan bahawa semenjak tahun 1975 hingga tahun 2003 agensi penguat kuasa telah berjaya seramai 328,230 orang pesalah dadah termasuk *kingpin* di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Dari jumlah tersebut seramai 22,872 orang ditangkap di bawah seksyen 39P yang sabit kesalahan hukumannya mati mandatori. Bermaknanya ramai yang sudah hendak menunggu hukuman mati, 22,872 termasuk mungkin raja dadah Yang Berhormat maksudkan mungkin termasuk dalam bilangan 22,872 ini. Di samping itu juga 40,272 orang ditangkap di bawah seksyen 39A sabit hukuman penjara maksimum seumur hidup dan seramai 265,086 orang ditangkap di bawah lain-lain seksyen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak habiskan. Seterusnya bila ketika itu tidak cukup maka kita perkenalkan pula undang-undang baru iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang berkuat kuasa pada tahun 1985 yang mana di bawah undang-undang ini seramai 21,682 orang telah ditahan. Ini satu undang-undang yang kita tangkap tanpa bicara. Sementara itu di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 sebanyak 15,809 kes telah kita kesan. Ia melibatkan nilai harta disita berjumlah RM229,857,752 dan nilai harta dilucuthakkan berjumlah RM21,140,283.

Daripada perangkaan-perangkaan yang saya baca menunjukkan bahawa pegawai-pegawai kita menjalankan tugas dengan baik tetapi kita juga tidak nafikan bahawa kemasukan dadah di dalam negara kita mungkin akan berterusan.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Pertama soalan tadi belum terjawab. Adakah dadah ini musuh utama negara? Belum terjawab. Kedua, seperti yang saya katakan tadi, dalam kejayaan-kejayaan kita ini, kenapa masih banyak barang ini berlonggok dalam negara kita? Apakah masalah dia? Di mana kesilapan penguatkuasaan kita? Kalau di Sabah, kita ada tentera mengawal, ada marin polis, ada kastam. Ini jalan-jalan tikus tidak lagi seharusnya menjadi masalah sebab kenapa kerajaan tidak bina bot-bot yang boleh masuk jalan yang kecil ini, kena mundur, kenapa pengedar boleh

menggunakan bot-bot kecil, kenapa kerajaan tidak boleh? Apa kurangnya kita dengan kerajaan?

Saya mencadangkan agar kerajaan menggunakan kekuatan yang ada ini. Kita ajak semua rakyat Malaysia membanteras dadah ini termasuk mereka yang telah menjadi kaya raya, yang mendapat berbilion keuntungan, dermalah sedikit untuk memerangi dadah ini. Simpanlah kita punya anggota tentera, anggota PGA ataupun apa jua anggota-anggota keselamatan untuk memerangi, berada di sempadan, berada di pintu-pintu masuk. Jangan benarkan biarpun tikus satu ekor membawa dadah. Kalau ini boleh dilaksanakan, pusat serenti tidak akan wujud lagi sebab tidak akan ada lagi penagih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Yang ketiga, apa pasal 22,000 ini tunggu hukum gantung? Apa pasal tidak gantung terus? Dia sudah salah, salahlah. Kita ada akta menunjukkan salah, dia gantung mati. Apa mahu tunggu, gantung sahajalah. Gantung di khalayak ramai. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu perasaan Yang Berhormat. Hari itu pun kita sama-sama melawat kawasan Yang Berhormat, kita naik bot sampai 12 jam. Kita juga kena akui, Yang Berhormat juga akui bahawa laut begitu luas bukan mudah untuk kita mengatasi masalah ini.

Saya telah menyatakan tadi bahawa usaha-usaha kita telah pun buat. Namun pandangan-pandangan Yang Berhormat ini, pihak kementerian akan mengambil kira bagaimana untuk kira menguatkan lagi kawalan di sempadan.

Dengan penjelasan kedudukan rampasan dadah, jumlah pendapatan pesalah dadah dan juga jumlah harta yang disita serta dilucuthakkan yang saya sebutkan tadi, saya berpendapat bahawa agensi-agensi penguat kuasa kita telah dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Kita wajar berterima kasih kepada mereka kerana berjaya mengekang dan mengawal gejala dadah dalam negara kita daripada menjadi epidemik yang tidak terkawal seperti berlaku di beberapa negara lain termasuk negara yang maju.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Timbalan Menteri, Kepong.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Nanti, saya hendak bagi habis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Beberapa negara maju yang lain, penagih dadah diberi kawalan dalam bentuk *'hump reduction'* disebabkan epidemik ini amat sukar untuk dicegah atau dikawal.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Daripada angka yang saya dapati tadi sama ada yang ditangkap di bawah beberapa seksyen dan juga dirampas dan harta benda diambil oleh pihak kerajaan, adakah Yang Berhormat sudah mempertimbangkan bilangan yang sudah digantung? Sekarang berapa yang sudah digantung di atas Akta Dadah Berbahaya dan juga bilangan yang masih menunggu untuk ....... *they are stay of execution* dan dengan bilangan yang digantung ini, apakah keberkesanan terhadap pengedaran dan penagihan dadah di negara ini sama ada akta dan penguatkuasaan akta ini membawa kesan ataupun tidak? Kalau tidak apakah selain daripada memberi status undang-undang kepada ADK (Agensi Dadah Kebangsaan), apakah langkah yang lain lagi yang perlu diambil untuk mencegah musuh yang utama ini.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada undang-undang, satu masa dahulu undang-undang 39B ini dikecam. Kita dikecam kata undang-undang yang zalim dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat tanya saya berapa ramai yang belum digantung, saya tidak boleh bagi. Tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat kalau di penjara Kota Kinabalu, saya sudah pergi sendiri melawat ada 6 orang yang saya jumpa tengah menunggu hukuman gantung.

Kita kena ingat bahawa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan di dalam proses undang-undang tidak semudah itu kita hendak gantung orang. Ada prosesnya. Sampai di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan masih lagi didapati bersalah, dia masih lagi boleh merayu kepada *Board of Pardon.* Setelah mendapat keputusan daripada *Board of Pardon* barulah hukuman gantung ini kita boleh jalankan. Perangkaan di seluruh negara, saya tidak tahulah. Tetapi di Sabah, saya sendiri jumpa ada 6 orang sedang menunggu hukuman gantung.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sabak Bernam bangun.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya apakah iktibar yang kita boleh ambil daripada tindakan yang dilakukan oleh negara Thailand yang begitu berkesan nampaknya menangani masalah dadah.

Saya ingin memetik laporan CNN pada 7 Mei dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*Thailand controversial war on drugs has resulted in 2,274 death in three month's period leaving human rights group to criticize the government for authorizing "shoot to kill" policy. Thailand Prime Minister defended the government toughened on drugs calling the campaign as success.*

Diikuti pula oleh laporan *Reuters* yang menyatakan, "*a Thai anti drug cracked down the claim that the lies of 100 of dealers and traffickers in three months has drugs used among young people by two-third" - an independent study said on Friday. The survey found that drugs used has fallen 67.3% among the people between the ages of 11 and 26,* dan yang akhir *the study showed that 90.7% cut in the use of Amphetamine drug.* Apakah iktibar yang kita boleh ambil daripada sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dengan izin Yang Berhormat. Dengan izin Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita juga tahu bukan sahaja di Thailand, di negara-negara lain pun mereka ada cara mereka tersendiri bagaimana cara mereka memerangi dadah. Tetapi saya tidak tahu, saya tidak ada apa-apa memberi jaminan sama ada negara kita patut mengikut cara-cara negara-negara lain sebab negara kita, kita lihat kita mengamalkan demokrasi, kita menghormati undang-undang dan sebagainya.

Walau bagaimanapun kita lihat bila ada undang-undang pencegahan yang kita laksanakan pun, kita mendapat kritik yang begitu kuat daripada pihak-pihak yang tertentu. Kita sedia maklum dan saya juga faham dan tahu bagaimana cara mereka mengatasi masalah dadah ini di negeri masing-masing.

Soalnya apakah kita mesti mengikut langkah mereka dan kalau kita mengikut langkah mereka apakah rakyat boleh terima pada keseluruhan. Ini saya tidak boleh beri komen Yang Berhormat. Memang hukuman-hukuman yang dijatuhkan itu

mungkin tidak meninggalkan kesan walau banyak yang kita tangkap, banyak yang kita gantung, tetapi kita lihat dadah ini masih lagi berterusan. Sebab itu kita tidak boleh mengalah apa juga cara, pihak kerajaan akan tetap menggunakan apa cara pun untuk kita memerangi dadah dan saya hendak ulang sekali lagi bahawa dadah ialah musuh nombor satu negara seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi, saya hendak nyatakan kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan memang kerajaan telah mengisytiharkan dadah ialah sebagai musuh nombor satu negara.

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Mambong bangun Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya daripada perangkaan tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Agensi Dadah Kebangsaan ini berkesan jugalah bagi mencegah pengedaran dadah, tetapi masalah ini masih berlaku dan pada setiap tahun bilangan penagih semakin meningkat.

Saya telah mendapat perangkaan daripada negara-negara lain bahawa *business* dadah ini, nilai *business* dadah ini adalah RM400 bilion setahun, iaitu 8% daripada nilai perdagangan antarabangsa dengan komoditi-komoditi yang lain dan *profit*nya pula dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *profit*nya pula untuk *Amphetamine* 240% keuntungannya. Ini *profit* sahaja. Untuk dadah *crack* – C-R-A-C-K 300% *profit*nya dan untuk heroin 100% *profit*nya.

Inilah sebab pengedaran dadah ini, walaupun undang-undang negara kita memang amat ketat, namun pengedar-pengedar dadah terus juga bermaharajalela di negara kita. Cuma di negara-negara yang lain, saya lihat di Amerika Syarikat, mereka berbelanja lebih banyak lagi untuk pencegahan. Umpamanya untuk mengawal sempadan dengan Mexico, Kerajaan Amerika Syarikat berbelanja RM34 bilion satu tahun untuk tugas pengawalan. Program-program anti dadah di syarikat-syarikat di mana mereka bekerja juga amat memuaskan kerana dengan adanya program begini, maka syarikat yang besar yang ada duit boleh melaksanakan program dan ini telah pun mengurangkan masalah-masalah *absenteeism* di tempat kerja. Adakah kerajaan kita akan melihat amalan negara-negara lain ini untuk dilaksanakan di negara kita? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Kita sedar bahawa masalah dadah ini memang menjadi masalah utama sebab itulah kita isytiharkan sebagai musuh nombor satu negara. Kita akan berusaha dari segi peruntukan. Dari segi peruntukan kita membelanjakan hampir RM100 juta setahun peruntukan yang kita beri kepada ADK untuk kos pemulihan sahaja. Untuk kos pencegahan itu lain pula. Itu diberikan melalui pasukan-pasukan polis dan juga penguatkuasaan.

Saya ingin menegaskan bahawa usaha untuk kita memerangi dadah ini, saya sudah berikan perangkaan tadi memang bukan perkara yang mudah. Kita lihat dadah ini ia bukan seperti kita memerangi komunis kerana dadah seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa ia merupakan suatu perniagaan yang amat menguntungkan.

Oleh itu ia berbeza sedikit dengan masalah komunis. Dahulu ada yang berkata, kalau kita serang komunis berhabis-habisan, mengapa dadah tidak boleh? Kita lihat daripada perbezaan di antara masalah dadah dengan komunis ini berbeza. Di mana dadah merupakan masalah global dan menjadi perdagangan yang menghasilkan pulangan yang amat lumayan seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, sedangkan masalah komunis lebih merupakan masalah dalaman negara.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Punca bekalan dadah kita tahu. Punca bekalan dadah terletak di luar negara. Yang terbesar ialah di *Golden Triangle*, Myanmar, Thailand, Laos, Golden Creation, Afghanistan, Iran, Pakistan dan di *Emerald Triangle* Colombia, Mexico dan Peru. Di negara-negara berkenaan tanaman dan pengeluaran pokok-pokok yang menghasilkan dadah amat sukar untuk dihapuskan dalam jangka masa pendek kerana ia telah menjadi keperluan ekonomi penduduk tertentu disebabkan oleh masalah kemiskinan ataupun peperangan.

Kini muncul pula dadah jenis sintetik daripada bahan-bahan kimia

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Maran bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** …seperti *ectasy, syabu* dan juga puluhan nama lagi yang kita dapati dengan pil-pil yang baru ini yang mana ianya mudah diproses dan di seludup. Selagi masalah ini menguasai dunia global, selagi itulah

negara kita akan menerima bahananya dan kita akan terus berusaha dengan sedaya upaya kita untuk membasmi dadah.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak minta pandangan. Setakat yang saya tahu bahawa dahulu Bahagian Anti Dadah ini diletakkan di bawah Bahagian Keselamatan Dalam Negara (BKN) di mana terdapat BKN bagi keselamatan negara di peringkat negeri dan juga daerah dan yang sebelum itu kita kenali dengan Jawatankuasa Keselamatan Negeri.

Di dalam Jawatankuasa Keselamatan Negeri ataupun BKN ini terdapat beberapa jawatan yang khusus memainkan peranan dari segi keselamatan termasuk dadah ini iaitu Pegawai Turus Tentera, Pegawai Turus Polis, Pegawai Turus Penerangan yang sama-sama bertugas secara *integrated* dalam melaksanakan tugas-tugas membasmi dadah ini.

Saya masih ragu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, di atas pencapaian yang belum tentu yang akan dimainkan oleh Bahagian Anti Dadah ini. Apakah pihak kerajaan yakin bahawa kalau sekarang ini agensi-agensi yang ada ini yang melibatkan pelbagai agensi yang saya sebutkan tadi yang telah pun berjaya membuktikan kebolehan mereka dalam mengatasi masalah dadah ini, apakah badan baru ini, Institusi Dadah yang baru ini akan berjaya mencapai matlamat yang kita hendak capai? Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sekarang bukan sahaja di peringkat daerah, maka sekarang ini kita telah tubuhkan pula Jawatankuasa Kabinet mengenai dadah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini bermakna di bawah Jawatankuasa Kabinet ini, ia merangkumi berbagai-bagai jabatan – Jabatan Perangan, Pendidikan dan beberapa kementerian yang lain kerana kita ingin memerangi dadah ini ia mesti bersepadu. Kalau setakat ADK sahaja dia tidak boleh selesai. Sebab itu kita minta kerja daripada Kementerian Penerangan yang mungkin kita akan perbanyakkan lagi iklan-iklan yang hari ini kita sedar bahawa seolah-olah masalah dadah ini telah pun selesai. Jarang kita nampak iklan-iklan di dalam televisyen ataupun di papan-papan tanda di seluruh negara kalau kita bandingkan dengan dahulu kita lihat iklan tali gantung kita boleh nampak di mana-mana.

Sebab itu kita akan mulakan dengan cara iklan ini dan juga cara kita berkempen juga kita akan tukar. Sekarang ini kita lihat kita menggunakan balai raya ataupun hotel tetapi kali ini kita akan mula berkempen turun ke padang seolah-olah kita sedang berbincang dengan Persatuan Karyawan di mana artis-artis telah pun bersetuju secara dasarnya untuk mereka bersama-sama dengan ADK, kerana kita tahu kalau ada konsert-konsert tertentu yang ramainya ialah budak-budak belia muda. Jadi, itulah *target* kita nanti. Kita akan menggunakan kempen yang sebaik mungkin untuk kita mencegah.

Begitu juga kita akan berbincang dengan pihak pengurusan stadium. Kita tengok apabila dia ada perlawanan bola, ia ada waktu rehat, pada masa itu ada waktu 10 hingga 15 minit kita cuba masukkan kempen-kempen anti dadah.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ini beberapa langkah yang akan kita buat untuk kita…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Maran bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** …. berkempen daripada segi penjagaan. Namun demikian saya telah menyatakan tadi, begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menyatakan tadi, kita tidak akan boleh berjaya kalau kita hanya mengharapkan agensi-agensi ini sahaja untuk kita memerangi dadah. Kalau tidak kita daripada akar umbi, pemimpin-pemimpin tempatan, JKK dan juga keluarga bersama-sama dengan kerajaan memerangi dadah, maka ia sukar untuk kita atasi.

Tadi juga telah dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bukit Katil, kalau tidak silap saya ataupun Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, dia telah menceritakan bagaimana pengalaman keluarga dia. Ini menunjukkan bahawa peranan keluarga, kita kena ketengahkan. Saya sendiri telah turun dan saya melihat bagaimana polis membuat *rush.* Saya melihat penagih dadah ini juga pandai. Sebelum polis datang dia sudah ada tempat dia. Saya sudah pergi tengok sendiri bersama-sama polis membuat operasi. Sebelum polis sampai dia ada tiga peringkat lapisan, barulah kita boleh sampai ke tempat dia. Sebelum polis sampai orang yang di bawah ini sudah pun lari. Kita buat operasi dahulu lebih kurang dua puluh orang, kita hanya dapat tangkap sepuluh orang sahaja.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, nanti. Saya hendak memberitahu bahawa ini juga saya hendak tekankan lagi, bila kita bertanya kepada penagih dadah kebayakan mereka apabila keluar daripada pusat serenti, sebagai contoh, tidak ada keluarga yang datang ambil. Saya difahamkan tidak sampai 20% keluarga yang hendak datang mengambil anak mereka ini. Apabila kita beritahu, anak makcik, anak tuan akan keluar daripada pusat serenti datanglah ambil di pusat serenti, tidak ada yang datang ambil.

Kita hanya boleh hantar dia di stesen bas dan dia ada duit sedikit-sedikit. Dia hendak pergi mana? Dia hendak balik kepada keluarga? Saya bertanya masa waktu *rush* dahulu, seorang sudah kena HIV, dia sudah tidak boleh lari. Tanya dia betul-betul, mengapa jadi macam ini? Dia kata dia hendak pergi mana? Keluarga sudah tolak dia. Bertambah lagi kalau ada HIV, keluarga lagi jijik menengok dia.

Saya sendiri, sudah banyak ibu bapa yang datang suruh tangkap anak dia, menunjukkan dia sudah tidak tahan untuk membela anaknya. Jadi, kalau keluarga sudah mula menolak anak-anak mereka, keluarga mereka yang terlibat dalam dadah, ke mana mereka ini hendak pergi? Mereka akan balik semula, berkawan balik dengan rakan-rakan mereka kerana bagi mereka itulah dunia mereka. Itulah orang yang akan menolong mereka sewaktu mereka susah. Sebab itu kita dapati *relapse case* – pusing balik ini 80% berlaku.

Jadi, saya mengakui memang kita hendak memerangi dadah ini. Tetapi kalau setakat kita bercakap dan kita tidak turun ke padang bersama-sama memeranginya sukar untuk kita berjaya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, …

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Saya hendak tanya selepas adanya Agensi Antidadah ini apa yang akan terjadi pada Badan Keselamatan Negara? Kerana untuk makluman Yang Berhormat, saya terlibat lebih kurang 11 tahun dengan BKN ini dan kita lihat memang banyak kejayaan-kejayaan dicapai. Tiba-tiba kerajaan mencadangkan supaya Agensi Antidadah Kebangsaan diwujudkan, sebab itu saya masih keliru dan rasa belum pasti. Walau bagaimanapun, di atas usaha-usaha yang diberikan penerangan

oleh Timbalan Menteri itu mungkinlah satu perancangan yang teratur yang lebih berkesan akan dilaksanakan oleh kerajaan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Bahagian Keselamatan Negara (BKN) ada peranan yang tersendiri, ia diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dadah di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Jadi sebab itu kita hendak mempertingkatkan peranan ADK ini. Kalau selama ini ADK tidak ada kuasa tangkap, pegawai Pengarah ADK, orang buat laporan kata ada orang hisap dadah, dia pegawai ADK tetapi tidak boleh pergi tangkap, dia tahu dia kata dalam *night club* ini ada dadah berlaku, pegawai ADK tidak boleh hendak masuk, dia boleh tengok saja sebab dia tidak ada kuasa tangkap, kerana mereka hanya ada kuasa pemulihan dan juga rawatan.

Sebab itu hari kita buat undang-undang baru ini untuk kita cuba menambah *manpower* kita, menambahkan penguatkuasaan kita, mudah-mudahan bila penguatkuasaan kita baik dan kita tambah lagi dengan pegawai-pegawai kita, sebab itu seksyen 8 dan 9 yang kita bincangkan begitu panjang, nampaknya ada juga yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan betapa serius kita hendak suruh pegawai-pegawai ADK ini kerana kerja dia tidak ada lain, kerja dia bukan macam polis. Polis macam-macam – menyiasat. ADK ini kerja dia *narrow*, sempit, dadah sahaja. Kalau orang lapor pun dia tidak boleh ambil tindakan maka kita juga akan gagal. Sebab itu seksyen 8 dan 9 yang akan disentuh kemudian nanti kita kenalkan mungkin yang kita bahaskan dengan begitu panjang.

Jadi, Tuan Yang di Pertua, saya ingat masa sudah tidak ada. Saya boleh bagi.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh tentang pelucuthakan yang disentuh oleh Timbalan Menteri tadi. Saya hendak tanya adakah pelucuthakan si pengedar ini ada melibatkan kroni ataupun orang-orang dekat dia misalannya isteri dia, anak-anak dia yang dipindah nama, dipindah milik atau mulanya harta dia kepada orang-orang lain yang dekat dengan dia. Dan juga masa dia ambil untuk kita hendak katakan itu adalah hak dia yang hendak dilucuthakkan daripada harta dia itu, adakah lima tahun, sepuluh tahun sebelum dia ditangkap ataupun bagaimana yang termaktub dalam akta ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di Pertua, kalau mengikut akta yang kita luluskan pada 1988 ada peraturan-peraturan dan proses tertentu yang kita

boleh ambil tindakan kepada penagih-penagih dadah dan pengedar-pengedar dadah ini. Dan daripada jumlah yang saya sebutkan tadi berapa juta dan apabila kita sita, selepas kita rampas harta ini kita akan simpan. Simpan dan kita tunggu sehingga perbicaraan selesai, kalau didapati tidak bersalah kita akan pulangkan balik. Tetapi kalau didapati bersalah kita boleh rampas malah kalau kita lihat undang-undang yang baru itu, satu lagi undang-undang AMLA iaitu *Anti-Money Laundering* - ini juga kita gunakan.

Kalau dia tak dapat diletakkan di bawah dadah, kita tengok dia tiba-tiba jadi kaya, kita siasat macam mana dia boleh jadi kaya, mungkin daripada duit-duit yang *illegal* dia boleh bawa masuk, dia mungkin boleh diletakkan di bawah AMLA. Jadi banyak undang-undang yang ada yang kita cuba mengatasi aktiviti-aktiviti *illegal* ini daripada berlaku dalam negara kita.

Walau bagaimanapun, saya sudah nyatakan tadi bahawa sejauh mana kita bertindak mereka juga pandai untuk mereka mengelakkan diri daripada hukuman-hukuman tertentu. Sebab itu kita buat macam-macam undang-undang. Jadi kita bagi pihak Kerajaan, saya ingin nyatakan bahawa kita tidak akan berputus asa dan kita menganggap ini sebagai satu cabaran kepada kita untuk kita memerangi dan kita berhajat kalau boleh pada tahun 2015 Malaysia akan bebas ataupun akan jadi sifar dadah pada tahun 2015. Ini harapan kita.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah meminta kerajaan mengambil langkah-langkah tegas untuk membanteras kemasukan dadah dalam negara di sempadan dan pintu masuk dan juga ingin tahu sama ada pihak penguat kuasa mengetahui sindiket-sindiket pengedar dadah. Ini tadi kita telah bincang secara panjang lebar.

Juga mengenai pengedar, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam meminta kerajaan mengemukakan Laporan Perancangan Tahunan dan Perancangan Lima Tahun Mencegah Dadah Negara. Saya berpendapat ia bolehlah dibuat atas dasar *merit of the case*. Itu bukanlah menjadi satu keperluan tahunan. Biarkan perkara perancangan dan dasar berkenaan dadah diuruskan oleh Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah Negara yang baru ditubuhkan tahun ini. Namun begitu, saya tiada halangan sekiranya dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mencadangkan supaya kerajaan mengambil pendekatan atau strategi kemasyarakatan bagi membanteras

gejala dadah kerana strategi penguatkuasaan semata-mata tidak akan berkesan. Ini saya bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Berkaitan dengan ini saya sangat bersetuju dengan pandangan tersebut. Saya suka menjelaskan bahawa program pencegahan dadah telah didokumenkan dalam perancangan strategik 25 tahun untuk melahirkan generasi tanpa dadah pada tahun 1998.

Matlamat perancangan strategik 25 tahun ialah untuk melahirkan satu generasi yang mempunyai ketahanan mental dan emosi serta mempunyai kemahiran bertindak untuk mengelak dan menjauhi dadah. Tempoh 25 tahun merupakan rangka *conceptual* kewujudan satu generasi baru pada tahun 1998. Teras perancangan strategik 25 tahun ialah kerjasama semua masyarakat Malaysia untuk menghapuskan permintaan kepada dadah sehingga mewujudkan keluarga yang bebas daripada dadah, sekolah bebas daripada dadah, tempat kerja bebas daripada dadah dan kawasan bebas dadah.

Program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan dan NGO adalah seperti berikut:-

- pendidikan pencegahan secara formal di sekolah rendah dan menengah;
- kempen memberi pendidikan dan juga kesedaran;
- memberi seminar, ceramah dan lain-lain kepada pelajar-pelajar IPT;
- kempen memberi pendidikan dan kesedaran;
- memberi seminar, ceramah, pameran kepada PIBG;
- kempen memberi pendidikan dan kesedaran melalui seminar, ceramah kepada belia;
- kempen memberi pendidikan dan kesedaran melalui seminar kepada tempat-tempat kerja; dan
- beberapa tindakan yang telah pun kita ambil.

Tuan Yang di Pertua, kita juga selalu bercakap mengenai penagih dadah yang kembali mendadah. Pada 18hb kita akan buat satu pelancaran yang baru iaitu kita akan kumpulkan lebih kurang seribu orang. Ertinya ada penagih dadah yang sudah berjaya keluar daripada Pusat Serenti. Sebab itu kita ingin menonjolkan bahawa walaupun dia dulu merupakan penagih dadah tetapi hari ini kita ada lebih seribu orang yang telah berjaya hidup dengan berjaya sebagai *businessmen*, berjaya di dalam

pelajaran mereka. Jadi ini kita akan buat pada 18hb di Shah Alam dengan harapan supaya masyarakat boleh membuka mata, keluarga boleh membuka mata bahawa sekali anaknya terlibat tidak semestinya anaknya terus terlibat di dalam dadah.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun membangkitkan empat isu.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ada lagi?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri ada kata bahawa keluarga sendiri yang tidak dapat menerima anak mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Saya rasa ini adalah satu masalah. Jadi apakah langkah yang konkrit yang ada untuk membantu keluarga ini? Kerana saya rasa keluarga selama ini telah *suffer,* mereka tidak tidak tahu macam mana hendak menolong anak mereka lagi. Jadi saya rasa keluarga seperti ini perlu mendapat bantuan dari pihak yang berkuasa.

Jadi, saya hendak minta penjelasan sama ada kerajaan mempunyai langkah ataupun apakah bantuan yang boleh diberi kepada keluarga ini, bukan dari segi kewangan tetapi adakah dari segi kaunseling untuk menukar sikap keluarga ini ataupun bantuan yang lain macam mana hendak terima untuk membantu anak mereka. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Langkah yang ADK buat ialah kita telah menubuhkan 15 Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan di beberapa daerah untuk memberikan perkhidmatan harian dan pemulihan lanjut. Bila dia balik dia boleh datang ke pusat ini supaya boleh dapat pemulihan lanjut . Kepada penghuni-penghuni yang dibebaskan daripada pusat serenti kita ada 15 tempat iaitu di Jempol, Kuala Pilah, Seremban, Port Dickson, Tampin, Muar, Johor Bahru, Pontian, Batu Gajah, Teluk Intan, Kampung Selamat, Pulau Pinang; Bukit Mertajam pun ada. Yang Berhormat boleh gunakan kempen untuk bawa penagih dadah masuk ke pusat pemulihan tambahan ini dan juga Kuantan, Kuala Kubu Bharu, Selangor dan juga Semenyih.

Jadi selain daripada 15 Pusat Khidmat Agensi Dadah Kebangsaan ini, kerajaan juga akan mewujudkan 93 buah lagi PKADK di seluruh negara dalam masa yang terdekat ini. Jadi ini satu langkah yang kerajaan buat supaya apabila mereka balik, mereka ada tempat untuk mereka berkumpul sesama mereka dan kita akan teruskan

memberi kaunseling. Dalam masa yang sama, keluarga juga kita sedang menyeru kepada keluarga kalau anaknya terlibat dia boleh hantar anak-anak mereka di pusat-pusat pemulihan dadah swasta.

Kita hari ini ada 79 pusat-pusat rawatan swasta ini yang mereka menggunakan cara mereka sendiri. Ada yang menggunakan secara *approach* agama, ada yang menggunakan ubat-ubat tradisional, ada yang menggunakan jampi dan ada cara mandi dan berbagai-bagai cara yang dibuat oleh pusat-pusat serenti ini. Jadi ada 79 kita belum luluskan lagi, ini menunjukkan bahawa mana-mana pihak yang ingin menubuhkan pusat-pusat pemulihan ini bukannya semesti di pusat serenti.

Kalau anak masuk pusat serenti tetapi kalau keluarganya minta supaya dia dipindahkan kepada pusat-pusat swasta ini kerana mungkin dia tidak yakin dengan pusat serenti di mana ada 79 pusat-pusat swasta ini, maka dia boleh hantar, kita akan benarkan untuk anak-anak mereka ini dipindahkan kepada pusat-pusat swasta yang berdaftar dengan ADK.

Begitu juga saya tahu ada satu pusat pemulihan yang begitu aktif iaitu yang digerakkan oleh Persatuan Kristian. Ini saya tengok, dan kita akui satu pusat yang dikendalikan oleh Kristian ini, kita akui bahawa dia berjaya untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini. Jadi macam-macam, hendak buat cara Islam boleh, cara Kristian boleh. Ini semuanya ada di dalam negara kita dan ADK tidak ada halangan…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** …..kalau keluarga mereka ingin memindahkan anak mereka ke pusat-pusat swasta ini. Ada lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh bangun.

**Tuan Che Min bin Che Ahmad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tertarik tadi yang swasta tadi. Cuma apakah ADK menyediakan peruntukan tahunan kepada mereka seperti juga Pengasih di Jalan Ledang itu satu kejayaan yang mereka menjalankan pemulihan membantu ADK. Jadi kalau tidak ada lagi apakah kita bercadang untuk menyediakan peruntukan tahunan ataupun grant tahunan, kerana kita tahu perbelanjaannya besar dari segi perubatan dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini kita sedang rancang. Kita juga telah mengadakan Seminar ADK yang kita adakan di Johor Bahru. Kita jemput semua Ahli Parlimen, tetapi saya tidak tahu berapa ramai Ahli Parlimen

yang datang termasuk daripada pembangkang pun kita jemput dan juga satu kertas kerja yang dibentangkan oleh wakil daripada PAS, Yang Berhormat Husam juga kita jemput kerana bagi kita untuk memerangi dadah ini tidak boleh kira fahaman politik.

Ini masalah kita bersama. Dadah ini dia bukan kenal anak orang DAPkah, anak orang UMNOkah atau anak orang PAS. Sebab itu dahulu di Johor Bahru kita buat satu seminar ini di mana di situ kita bercadang untuk kita *revamp* kita hendak buat pendekatan baru bagaimana cara kita hendak memerangi dadah.

Alhamdulillah sambutannya ramai tetapi juga apabila diminta supaya kita jemput semua Ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Senator juga kita jemput untuk hadir ke Johor Bahru untuk sama-sama memberikan pandangan bagaimana cara untuk kita mengatasi masalah dadah kerana ianya tidak boleh habis kalau kita berbahas di dalam Dewan ini sahaja. Kita mesti ada suatu cara yang betul-betul sistematik bagaimana *approach* yang berkesan.

Jadi daripada rumusan-rumusan yang kita dapat, daripada resolusi-resolusi daripada Seminar Kebangsaan membanteras gejala dadah segala apa pandangan-pandangan Yang Berhormat nyatakan tadi sebenarnya telah pun tergulung di dalam perkara-perkara yang kita akan ambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat bagi Dungun bercadang untuk supaya kerajaan melaksanakan penubuhan jawatankuasa pemulihan dadah peringkat daerah dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Ia berperanan untuk menyumbangkan pelbagai perkhidmatan bagi *supplement* ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang bangun lagi Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Sedikit sahaja.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Nanti saya hendak habiskan Dungun ini dahulu, saya takut nanti ia jadi berulang-ulang pula. Juga berperanan untuk menyumbangkan pelbagai perkhidmatan bagi *supplement* dan juga *compliment* usaha-usaha pemulihan bagi bekas penagih dadah dengan merancang, menyelaras dan juga melaksanakan program serta aktiviti-aktiviti yang boleh di manfaat kepada bekas penagih dadah. Pada masa ini 91 daerah di seluruh negara telah menubuhkan JKPD ini iaitu Jawatankuasa Pemulihan Dadah Peringkat Daerah.

Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat saya merayulah kalau betul-betul kita serius balik ke kawasan masing-masing kalau boleh, kalau tanya saya, bukan sahaja di

peringkat daerah, kalau boleh kita mesti tubuh di peringkat Parlimen masing-masing dan saya merayu supaya Ahli Parlimen sendiri, saya boleh lantik semua Ahli Parlimen tampil ke hadapan menjadi Jawatankuasa Pemulihan Dadah Peringkat Parlimen masing-masing. Baru kita boleh bergerak bersama untuk kita memerangi dadah ini. Kita juga akan melaksanakan Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS).

Program PRS ini menekankan kepada konsep *role model* iaitu bekas penagih yang berjaya mengikuti Program PRS dengan baik dan berkesan akan dijadikan sebagai *peer educator*. Program PRS dapat melahirkan *role model* yang baik di kalangan bekas penagih dan secara langsung ia dapat mendorong kepada perubahan dan juga mengekalkan kepulihan. Program PRS ini telah ditubuhkan di setiap negeri di seluruh negara kecuali di negeri Kedah, Pahang, Negeri Sembilan dan juga Sarawak yang masih dalam perancangan.

Daripada program ini, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat datang menghadiri seminar kita, sehinggakan peserta seminar ramai yang menangis apabila bekas penagih dadah yang berjaya ini, ia menceritakan bagaimana dia terlibat dalam dadah dan bagaimana dia memerangi dadah cara dia sendiri, bagaimana masyarakat pandang kepadanya. Pada masa itu kita jemput tiga orang bekas penagih dadah yang telah berjaya dan saya lihat pada masa itu majoriti ramai peserta yang menangis apabila mendengar betapa seksanya penagih dadah ini untuk keluar daripada kekangan kawan-kawan mereka.

Jadi saya percaya kalau kita lihat yang positif, saya nyatakan tadi kita boleh berjaya kalau kita betul-betul mengambil bahagian untuk kita memerangi dadah. Kita juga mewujudkan kumpulan sokongan bantu kumpulan seperti Alumni bekas penagih dadah dan juga *narcotics anonymous*. Mereka merupakan kelompok bekas penagih dadah yang menyokong di antara satu sama lain ke arah pemulihan sepenuhnya di samping menyeru rakan-rakan yang masih bergelumang dengan penagihan dadah mencari hala tuju untuk mendapatkan kepulihan. Penglibatan kumpulan seperti ini adalah penting dan digalakkan. Alumni telah ditubuhkan hanya di dua buah negeri sahaja iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Selangor.

Saya juga merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita ada jawatankuasa penagih dadah kita tubuhkan Alumni ini dan saya sendiri didatangi hampir tujuh ataupun ada sepuluh kumpulan persatuan penagih dadah ini minta bantuan dan minta peruntukan untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Ini

juga ADK akan mengambil kira untuk kita memberikan peruntukan-peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan Alumni ini kerana ianya ditubuhkan oleh bekas-bekas penagih dadah di mana kita menggalakkan mereka untuk mereka berkempen bersama-sama kerajaan supaya orang baru tidak terlibat.

Saya merayu kepada Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada nanti mana-mana Alumni yang datang berjumpa dengan Yang Berhormat tolonglah beri bantuan kepada persatuan ini sebagaimana kita memberi bantuan kepada Persatuan-persatuan Belia yang ada di dalam kawasan Parlimen kita. Seterusnya Yang Berhormat bagi Dungun turut mencadangkan supaya pusat serenti tidak boleh bergantung kepada peruntukan secara *ad-hoc*.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dengan sebab itulah maka kerajaan mencadangkan akta yang dicadangkan ini supaya agensi yang bakal ditubuhkan di bawah satu akta yang khusus seperti Badan Pencegah Rasuah dapat diberikan peruntukan yang besar dan mencukupi. Selanjutnya Yang Berhormat bagi Dungun mencadangkan supaya pusat-pusat serenti ditempatkan di pulau dan di setiap daerah. Turut dicadangkan ialah pusat-pusat tahanan untuk penagih tegar atau tidak dapat dipulihkan.

Berhubung dengan cadangan tersebut, suka saya menjelaskan bahawa pada masa ini, kita sudah mempunyai 28 buah pusat serenti. Setiap negeri mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat. Ada negeri seperti Pahang mempunyai enam pusat. Sekiranya kita memerlukan tambahan banyak lagi pusat serenti, maka cadangan Yang Berhormat kita perlu timbangkan.

Sekarang ini pusat serenti, kita telah susunkan yang *hardcore* kita asingkan dengan yang *first timer*. Ini semuanya di dalam penyusunan-penyusunan pusat serenti. Mengenai pusat tahanan untuk penagih yang tegar dan tidak dapat dipulihkan, cadangan tersebut kini memang dalam perancangan ADK.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, ADK telah merancang untuk mengasingkan penagih di dalam pusat serenti yang berasingan mengikut kategori. Penagih remaja yang berumur di bawah 21 tahun, penagih yang berupaya dipulihkan, penagih sukarela, penagih yang tiada keupayaan pulih ataupun penagih tegar, penagih berpenyakit kronik dan juga penagih-penagih wanita. Penagih tegar juga kini ditahan dalam penjara di Kajang.

Wajar juga saya maklumkan bahawa di bawah Seksyen 39C Akta Dadah Berbahaya 1952 yang baru dipinda pada tahun 2002, penagih dadah yang ditangkap selepas dua kali menjalani rawatan di pusat serenti akan dikenakan hukuman penjara antara lima hingga tujuh tahun dan tidak lebih daripada tiga sebatan. Sekiranya seseorang penagih ditangkap selepas ditahan kali pertama di penjara, maka mereka akan dikenakan hukuman penjara dari tujuh hingga 13 tahun dan tiga hingga enam sebatan. Ertinya sekarang ini, mulai tahun 2005, kita akan mulakan ini. Kalau mana-mana penagih dadah yang sudah dua kali ditahan di pusat serenti, kali ketiga kalau kita dapat tangkap, dia masih lagi menagih dadah, maka kita tidak lagi hantar ke pusat serenti, sebaliknya kita akan hantar ke penjara di mana hukumannya telah saya nyatakan tadi, boleh dipenjara sehingga lima dan tujuh tahun. Ini undang-undang yang telah pun kita bincangkan dan telah kita luluskan pada tahun 2002.

Pencegahan meliputi memberikan ilmu pengetahuan, membangkitkan kesedaran ahli masyarakat terhadap bahaya dan ancaman dadah dan seterusnya untuk membawa masyarakat menghayati kehidupan yang sihat tanpa dadah. Saya memang bersetuju dengan saranan Yang Berhormat bagi Dungun itu kerana masalah dadah bukanlah menjadi tanggungjawab pihak kerajaan sahaja. Masalah ini tidak mengenal siapa, apakah fahaman politik seseorang itu. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan sememangnya mengalu-alukan penyertaan NGO serta sesiapa sahaja untuk bersama berganding bahu membanteras gejala dadah dalam negara ini. Pada masa ini kerajaan hanya memberikan bantuan kewangan kepada PEMADAM Kebangsaan dan PENGASIH Malaysia sahaja. Bantuan yang diberikan kepada PEMADAM ialah sebanyak RM100,000 setahun manakala kepada PENGASIH sebanyak RM180,000 setahun.

Bantuan yang diberikan bukanlah untuk membiayai keseluruhan aktiviti yang dilaksanakan oleh mereka tetapi untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran sahaja. Bantuan kepada NGO yang lain akan dikaji dari masa ke semasa berdasarkan penglibatan NGO-NGO dalam usaha mencegah dadah dan juga atas kemampuan kerajaan. Begitu juga kita berharap majikan-majikan dan syarikat-syarikat tidak takut untuk mengambil penagih-penagih dadah ini bekerja.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Masalah yang kita hadapi….. Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Sekejap. Masalah yang kita hadapi ialah bila sahaja majikan-majikan atau syarikat-syarikat dengar sahaja dia adalah bekas penagih dadah, maka tidak ada siapa pun berani hendak ambil mereka bekerja. Kalau dengan sendirinya mereka dipinggirkan oleh keluarga, kerja pun susah hendak dapat, maka memang sukar untuk kita mengatasi masalah dadah. Sebab itu kita kena berusaha menukar cara, *educate* masyarakat supaya budaya jijik kepada penagih dadah ini dapat kita hindarkan kerana kita mesti sama-sama untuk membantu mereka. Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Soalan yang saya hendak kemukakan di sini ialah, tadi Yang Berhormat telah menyebut tentang pusat pemulihan swasta. Kalau di pusat serenti kita ada 80% kegagalan, hanya 20% sahaja kejayaan. Tetapi adakah kerajaan mempunyai perangkaan, apakah kejayaan yang telah dicapai oleh pusat-pusat pemulihan swasta ini?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini saya tidak ada perangkaan ini tentang pusat serenti swasta ini, namun demikian kita dapati ada pusat-pusat swasta yang berjaya sebab itu kita sedang merancang. Saya telah pun membuat pengumuman sebab masalah dadah ini ialah pesakit. Jadi kalau orang sakit ini, kita kena ubat walau macam mana cara pun. Kadang-kadang mungkin cara saintifik tidak berjaya, cara perubatan moden tidak berjaya, mungkin kita gunakan pendekatan-pendekatan perubatan tradisional, pendekatan agama dan sebagainya. Sebab itu kita sedang merancang mana-mana orang, Yang Berhormat pun boleh tampil ke hadapan, kalau rasa Yang Berhormat ada cara yang terbaik untuk memberikan rawatan kepada penagih dadah, sila datang kepada ADK, kita akan bincang. Kalau Yang Berhormat kata boleh buat, kita bagi 100 orang, Yang Berhormat jaga 100 orang ini dan kita akan bagi peruntukan. Peruntukan yang 100 daripada pusat serenti, kita akan pindah bagi kepada sesiapa yang sanggup memulihkan. Daripada situ nanti, kita akan buat kajian mana pusat yang betul-betul berkesan. Cara mana, ubat mana yang betul-betul berkesan.

Kalau hendak ikutkan, ramai orang yang datang, macam-macam ubat mereka perkenalkan, macam-macam cara mereka hendak laksanakan.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tetapi kita lihat masalah ini ialah masalah-masalah berulang. Saya hendak nyatakan kepada Yang Berhormat, di dalam waktu mereka keluar dari pusat serenti, selalunya mereka ini kebanyakannya mungkin boleh pulih tetapi masalah yang *relapse* ini, yang menagih semula ialah selepas mereka keluar pusat serenti, mereka tidak ada hala tuju dan akhirnya mereka kembali bersama dengan kawan-kawan mereka. Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Timbalan Menteri. Tadi saya tertarik kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa penagih dadah ini, mereka adalah pesakit. Tetapi pendekatan kerajaan sekarang ialah memandang mereka sebagai penjenayah. Sesiapa yang menyalahgunakan dadah itu adalah salah dari segi undang-undang dan mereka boleh ditangkap. Mereka ditangkap dan dihukum, bukan untuk dirawat. Oleh sebab itu, ini mungkin ada berkaitan dengan mengapa masyarakat atau majikan tidak ingin mengambil mereka walaupun selepas mereka dirawat di pusat serenti kerana mereka dilihat sebagai penjenayah.

Jadi dalam perbahasan saya, saya pun ada mengatakan bahawa mungkin kita perlu memikirkan semula, jangan memandang mereka sebagai penjenayah. Kalau mereka tidak melanggar undang-undang, kecuali jika mereka melanggar undang-undang, barulah mereka ditangkap dan dihukum. Tetapi sekarang kalau mereka menyalahgunakan dadah sahaja, mereka boleh ditangkap dan dihukum. Ini saya rasa kerajaan perlu berfikir supaya sikap terhadap penagih ini boleh berubah. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat mungkin salah faham. Mungkin Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor boleh bantu saya. Dia pakar dari segi undang-undang dadah ini, tetapi 39B sahaja tanya dia. Yang Berhormat mungkin salah faham. Kita tidak pernah tangkap orang yang penagih. Sebab itu bila seseorang ini ditangkap, kalau yang kita dakwa itu, kalau dia memiliki *certain* berat. Tetapi katalah bila polis buat operasi, kita *check urine* dia, kalau dia kata *positive*, maka dia ini dianggap sebagai penagih. Penagih kita tidak tahan, kita tidak hukum. Apabila seseorang ini *urine*nya positif, ia akan didakwa di bawah ADB – pemulihan dan juga rawatan. Di sana, majistret ada dua pilihan sahaja. Kalau didapati *urine*nya positif, pertama sama ada majistret akan mengarahkan

bahawa penagih ini dihantar ke pusat serenti atau diletakkan di bawah pengawasan polis, dua sahaja.

Jadi tidak ada yang jatuh hukuman di sana. Walau bagaimanapun, kita kena sedar. Sebab itu saya katakan tadi, kita kena buat pengasingan. Saya sudah melawat sendiri pusat serenti. Bila saya tanya, berapa ramai yang biasa dihukum penjara? Ramai, sampai ada yang pernah membunuh pun hari ini ada di dalam pusat serenti. Jadi, ertinya saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa sekarang ini penagih dadah bukan sahaja penagih semata-mata. Memang ada penagih yang betul-betul orang kata profesional penagih, ia dapat duit kerana dia tidak mencuri, dia tidak melakukan jenayah, dia boleh jadi cara dia sendiri dan dia menagih cara dia sendiri.

Walau bagaimanapun, sekarang ini ramai dalam pusat serenti, kita tangkap di bawah ADB pusat rawatan dan juga pemulihan, kita terpaksa hantar dia ke pusat serenti sedangkan penagih yang kita hantar ke pusat serenti ini tidak layak masuk ke pusat serenti kerana mereka bukan sahaja menagih, mereka juga ada kes-kes jenayah yang sudah dua, tiga kali dia masuk penjara. Masuk pusat serenti ada apa bagi mereka? Penjara lima, enam tahun pun mereka boleh tahan tambahan lagi masuk pusat serenti. Kemudian dalam pusat serenti juga kita kena tahu kerana dia ini hanya sebagai pesakit, kita tidak boleh hendak pasang tembok. Dahulu saya cadangkan hendak pasang tembok tetapi tidak boleh, kita kena pasang dawai juga kerana mereka ini bukannya penjenayah, mereka ini hanya sebagai pesakit yang memerlukan rawatan. Jadi……

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Tentang jenayah saya difahamkan iaitu Universiti Putra Malaysia telah pun membuat satu kajian dan mengusulkan bahawa hampir 90% daripada golongan yang melakukan jenayah rogol adalah penagih dadah. Jadi, saya yakin kes-kes jenayah lain selain daripada rogol juga ada kaitan dengan penagih dadah. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan atau jabatan yang berkaitan juga memandang perkara ini sebagai satu perkara yang berkaitan dan sewajarnya, walaupun penagih dadah ini dianggap

sebagai pesakit, mereka diletakkan di pusat serenti yang seolah-olah juga seperti penjara. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Bererti apabila kita menangkap penagih dadah ini, kita menangkap seorang, kita tengok kesalahannya. Kalau kita tangkap walaupun dia penagih tetapi kita mendakwanya kerana kes-kes jenayah kita tidak menghantarnya ke pusat serenti. Yang kita hantar ke pusat serenti ini apabila kita mendakwanya, di bawah ADB Rawatan dan Pemulihan kerana dia menagih, tetapi kalau kes ragut seperti baru-baru ini, walaupun dia penagih dadah tetapi dakwaan yang dibuat adalah kes jenayah, kita tidak menghantar dia ke pusat serenti, kita akan menghantar dia ke penjara kerana dia didakwa ke atas kesalahan-kesalahan jenayah.

Yang Berhormat bagi Santubong telah pun membangkitkan beberapa isu seperti yang telah saya nyatakan tadi, hanya Yang Berhormat Santubong tadi mencadangkan supaya Fasal 8 dan Fasal 9 rang undang-undang ini dikeluarkan kerana ia bercanggah dengan kajian mengenai perkara yang sama, yang dibuat oleh *Select Committee* terhadap cadangan pindaan Kanun Prosedur Jenayah (CPC). Kajian oleh *Select Committee* merupakan tanggungjawab yang diberikan oleh Parlimen dan perlu dihormati.

Saya ingin menjelaskan bahawa kita tidak berniat untuk memandang rendah *Select Committee,* kita akui *Select Committee* ialah satu jawatankuasa yang terbesar. Walau bagaimanapun oleh kerana *Select Committee* ini sedang dalam membuat kajiannya dan dalam proses untuk mendapatkan keputusan bagaimana cara yang terbaik untuk mereka mencadangkan beberapa seksyen di dalam Kanun Prosedur Jenayah. Oleh itu adalah menjadi proses perundangan biasa sekiranya nanti kalau kita dapati keputusan yang dibawa oleh *Select Committee,* kita bahaskan di dalam Parlimen ini dan kita luluskan, maka apa juga cadangan yang dibuat oleh *Select Committee,* jika didapati ianya bertentangan dengan Fasal 8 dan Fasal 9 ianya tidak ada masalah, kita boleh pinda.

Saya percaya bukan sahaja undang-undang ini yang kita mesti pinda, ada penguatkuasaan *Maritime Law* juga kita akan pinda dan undang-undang lain saya percaya pasti akan dipinda, dan mengikut cadangan yang dibuat oleh *Select Committee*. Oleh kerana *Select Committee* masih lagi membuat kajian, maka pihak kerajaan tidak berhasrat untuk menarik ataupun menggugurkan Perkara 8 dan 9

kerana ianya adalah proses undang-undang biasa, kalau ianya didapati perlu dipinda, kita akan pinda pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam turut membahaskan rang undang-undang ini dan memberikan pandangan supaya kerjasama antara agensi yang bertanggungjawab dalam mencegah, merawat dan menguatkuasakan undang-undang dipertingkatkan lagi dan supaya kerajaan memberikan tumpuan kepada masalah kewangan dalam melaksanakan program-program pencegahan, rawatan dan juga pemeriksaan.

Saya mengambil perhatian atas pandangan-pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam untuk meningkatkan lagi keberkesanan agensi dalam segala usaha membanteras dadah ini. Yang Berhormat bagi Kota Bharu mencadangkan supaya kerajaan mengambil pendekatan-pendekatan baru dalam usaha membanteras dadah seperti pembangunan jiwa golongan remaja yang ramai terjebak dalam penagihan dadah. Dalam hubungan ini Yang Berhormat bagi Kota Bharu mencadangkan kurikulum sekolah diperkemaskan..

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan**: *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sabak Bernam bangun. Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan tadi hanya kira-kira 20% sahaja ibu bapa yang menyambut baik penagih ataupun bekas penagih ini daripada pusat serenti. Ini jelas apabila dia balik ke kampungnya menjadi masalah. Oleh kerana itu apakah pandangan Yang Berhormat selain daripada pelbagai usaha dan cadangan supaya mereka ini yang keluar masuk pusat serenti dua tiga kali ini supaya mereka ini biar apabila sudah tiga kali di pusat serenti, apabila dihantar balik, biar dia beberapa tahun kekal di pusat serenti diberikan kemahiran, selepas itu mereka produktif di situ sehingga mereka boleh mengumpul duit umpamanya, menyimpan duit RM20,000kah, RM25,000 baru mereka dihantar balik.

Saya ingat tidak ada ibu mertua, emak mertuakah yang tidak menyambut mereka, kalau mereka balik dengan duit RM20,000 itu. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai sambutan keluarga saya telah nyatakan tadi memang amat mendukacitakan. Itulah

sebabnya sampai kita meminda undang-undang, sekarang ini Yang Berhormat dia tidak sampai tiga kali, dua kali sahaja setelah masuk ke pusat serenti, kali ketiga kalau kita tangkap lagi sudah tidak ada maaf, dia akan terus dihantar ke penjara.

Cadangan Yang Berhormat memang baik, sebab itu ada pusat-pusat serenti seperti di Sepang. Kalau pusat serenti di Sepang kita lihat ada syarikat iaitu syarikat membuat perabot. Dia membuat perabot di dalam pusat serenti dan pelatih-pelatih pusat serenti boleh bekerja dan mereka dibayar gaji. Kita juga sedang berusaha untuk mewujudkan Pusat Serenti Industri ertinya kalau ada mana-mana syarikat yang hendak menggunakan tenaga boleh berbincang dengan ADK, dan syarikat-syarikat ini boleh membuka kilangnya di dalam pusat serenti dan memberi peluang kepada pelatih-pelatih ini untuk bekerja dengan syarikat-syarikat ini.

Saya percaya ini lebih menguntungkan syarikat kerana EPF pun tidak payah dibayar, dia mendapat tenaga yang percuma. Dalam masa yang sama syarikat untung dan juga penagih-penagih ini juga boleh mendapatkan kemahiran dan juga pendapatan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berusaha, kalau boleh dan harapan kita ialah..

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak habiskan dahulu. Harapan kita mengenai keluarga ini, kita akan cuba merancang, kalau boleh kita hendak menghantar penagih dadah ini sampai ke rumah. Kita kalau boleh hendak memberi keluarga ini duit, biar membuat kenduri kesyukuran kerana anaknya telah pulih daripada sakit dan kalau boleh kita hendak minta penagih ini sendiri biar dia menjadi imam, biar dia membaca doa apabila kenduri itu diadakan, baru masyarakat akan lihat bahawa dia ini ada perubahan keluar daripada pusat serenti.

Ini kita akan usahakan ke arah itu sehingga kita pastikan apabila dia keluar dari pusat serenti diterima oleh keluarga dan juga diterima oleh masyarakat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan. Menteri. Saya sungguh-sungguh bersetuju dengan cadangan baik daripada Timbalan Menteri ke arah memperbaiki lagi ataupun mengangkat suasana kepada bekas-bekas penagih dadah. Masalahnya timbul begini, bila mereka berada di pusat serenti ataupun pusat pemulihan, mereka dilatih, mereka diperbaiki, mereka diberi kefahaman dan bila mereka balik ke rumah mereka, bukan sahaja ibu bapa tidak menyambut mereka tetapi mereka disambut oleh pembekal-pembekal.

Ini masalahnya, di kampung saya sendiri saya tengok dia balik ke rumahnya dua malam elok, tiga malam elok, empat malam itu kena, kerana pengedar-pengedar yang berada di sekitar kampung itu sendiri mereka mencari wang. Mereka membekalkan kepada anak buahnya. Jadi, dia kembali semula menagih. Ini yang kedua saya dengar bahawa apabila mereka masuk acap kali, satu dua kali dia ada pengalaman, bukan dia masuk sahaja, dia masuk membawa dadah kepada penagih-penagih baru yang berada di dalam pusat serenti. Yang ketiga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya dengar bahawa di sana kekurangan guru agama.

Di pusat-pusat serenti sendiri kalau dikira purata penagih-penagih yang baru datang ini 500 orang, 800 orang. Di Jeli misalnya tidak kurang daripada 500 orang. Tetapi kalau kita melihat kepada tenaga agama ataupun tenaga yang boleh memberi sedikit suntikan bahawa dadah ini haram dan berdosa. Sebenarnya, saya melihat, maaf saya mengambil masa sedikit, saya hendak bercakap tadi tetapi oleh kerana tidak ada kesempatan, dia tidak merasakan dosa. Mereka ini terdiri daripada pelajar-pelajar, pelajar-pelajar daripada tingkatan tiga, empat, lima dan sedikit daripada tingkatan enam. Mereka ini tidak terasa bahawa mengambil dadah ini berdosa. Cuma mereka merasakan bahawa mengambil dadah ini salah, salah di hadapan polis, salah di segi undang-undang. Jadi bila salah di hadapan undang-undang, bila tidak ada polis tidak salah. Sama juga dengan kita berada di hadapan *traffic light*, kita tahu bahawa ia adalah salah di segi undang-undang tetapi bila tidak ada polis tidak salah, kita landa pergi, saya rasa begitu.

Jadi, selagi mereka itu tidak ditanam ke dalam hati mereka daripada peringkat awal lagi, itu yang saya setuju kalau kurikulum Dasar Pendidikan Negara dilihat semula bagi membolehkan peringkat pembakian ini dibaiki, diasuh daripada peringkat awal lagi bahawa kerja dadah ini berdosa di hadapan Allah Subhanahu Wataala dan kamu akan dibakar di akhirat dengan api, begitu kita tanam kepada mereka. Kalau sekadar

mengatakan salah, tidak ada polis tidak salah, tidak ada orang melihat tidak salah, barangkali ini *trend* masyarakat kita sekarang ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan itu sahaja sebenarnya, yang terlibat dengan kes rasuah kerana merasa salah di hadapan kerajaan, tetapi tidak merasa salah di hadapan polis, tidak merasa dosa di hadapan Allah Subhanahu Wataala. Kalau mereka dididik, mereka tahu bahawa kerja ini kerja dosa di hadapan Allah Subhanahu Wataala, mereka terlepas di dunia tetapi mereka tidak terlepas di akhirat. Ini *point* yang paling besar yang mesti ditekankan. Kerana itulah Yang Amat Berhormat Tok Guru Menteri Besar Negeri Kelantan, bila dia ceramah dia tekankan masalah dosa dan masalah pahala.

Barangkali kita boleh kata perbuatan itu salah selagi ada polis. Selama mana polis boleh mengikuti kita? Dia boleh mengikuti kita di kampung kita, di kedai kopi atau di mana-mana, di PBR misalnya, tetapi dia tidak boleh mengikuti kita dalam rumah tangga kita, tidak boleh mengikuti kita di tempat orang tidak ada. Baik, di situ siapa yang memainkan peranan? Yang main peranan iaitu kita dan Allah Subhanahu Wataala, kita dengan hari akhirat. Bagi orang Islam saya kira perlu benar sistem sukatan pendidikan negara sekarang ini menekankan masalah sebegini, kerana apa? Kerana kita tahu bahawa tiap-tiap tahun penagihan dadah ini bertambah, bertambah, bertambah kerana mereka merasa salah dengan undang-undang negara tetapi mereka tidak merasa bersalah di hadapan Allah Subhanahu Wataala.

Jadi saya menyambut baik dan kalau dapat bahawa sebelum daripada mereka balik, selain daripada duit diberi kepada ibu bapa mereka, saya rasa imam juga perlu diberi, kepada imam mukim di kawasan masing-masing itu perlu diberi, bukan setakat ibu bapa mereka supaya mereka disambut dengan baik, dan supaya tidak ada orang yang boleh bagi dadah pula kepada dia. Kalau elok di sana tetapi tidak bagi dadah, balik dua malam, tiga malam, ada melalui adik dia, melalui saudara dia, melalui apa, bagi dadah pula kepada dia, masuk kali yang kedua, masuk kali yang ketiga dia disebat, maka siapa yang zalim? Saya rasa kita yang zalim kerana kita tidak menangani yang di sekitar dia itu. Kita mengambil tanggungjawab kepada dia tetapi kita tidak menangani kepada mereka dan akhirnya mereka disebat dan kalau sakit pun, kalau teruk pun, kalau apa pun anak kita juga, bangsa kita juga dan warganegara kita juga. Oleh yang demikian saya bersetuju dengan pandangan dan cadangan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat lebih kurang sama seperti mana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Husam Musa sebagai pembentang kertas kerja dalam seminar. Kita mengambil kira pandangan-pandangan ini dan saya bersetuju kalau budaya benci kepada dadah ini dianggap suatu yang menjijikkan kita akan berjaya. Kita boleh lihat antara khinzir dengan arak, bagi orang Islam, sebut sahaja khinzir ia adalah suatu yang menjijikkan tetapi kalau arak, walaupun dosanya sama juga tetapi bagi arak dia kata "Okey", sebab dia tidak berapa rasa jijik kepada arak itu.

Jadi ini masalah yang kita hadapi dan ini adalah budaya. Kalau budaya benci kepada dadah kita boleh tanam daripada kecil dan juga mungkin kita akan kaji dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dadah bersama Kementerian Pendidikan, mungkin kita akan kaji bagaimana kurikulum-kurikulum "benci kepada dadah" ini boleh kita masukkan. Ini saya tidak boleh memberi jaminan melainkan bila cadangan ini dibincangkan dalam Jawatankuasa Kabinet nanti.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dua yang bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dulu.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya undur sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tentang Seksyen 8 dan Seksyen 9.

Saya boleh bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa seksyen ini akan tetap dimasukkan kerana saya merasakan sebagai warganegara Malaysia, sebagai Ahli Parlimen, perlunya ada *sense of urgency*. Masalah dadah adalah merupakan masalah nombor satu negara yang perlu dibanteras tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat boleh memberikan satu jaminan bahawa kerajaan di lain masa, dalam merangka rang undang-undang ini perlu juga melihat kes-kes yang seperti ini, iaitu berlakunya pertembungan di antara rang undang-undang itu dengan *Select Committee* yang telah ditubuhkan.

Ini saya hendak bangkitkan semula supaya integriti Parlimen, integriti Ahli-ahli Parlimen ini akan tetap terjamin dan kesilapan itu tidak berlaku lagi di belakang hari. Saya boleh bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Seksyen 8 dan Seksyen 9 perlu dimasukkan segera, pindaan boleh dibuat di belakang hari tetapi di lain masa saya rasa kecermatan itu perlu untuk kita jaga supaya integriti kerajaan juga dalam membawa rang undang-undang dalam Dewan ini dapat dipelihara. Itu pandangan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Saya ucapkan terima kasih terhadap pandangan Yang Berhormat tetapi saya hendak jelaskan bahawa sewaktu kita membuat rang undang-undang ini tidak ada kaitan dengan *Select Committee* sebab ia diluluskan oleh Kabinet sejak tahun 2001, yang kita baru bawa hari ini. Jadi, ertinya kalau kita hendak membawa masuk undang-undang ke Parlimen bukanlah dalam keadaan tergesa-gesa. Kita proses di peringkat kementerian, hantar kepada AG, AG berpatah balik kepada kementerian, bawa ke Kabinet, barulah kita boleh bawa.

Jadi sebab itu semasa kita membuat rang undang-undang ini, *Select Committee* belum lagi ditubuhkan dan pada masa itu kita mengambil kira pandangan rakyat yang merungut. Kalau kita tengok *report Royal Commission*, orang tidak berpuas hati sebab tidak tahu status *report* kepada polis, sebagai contoh. Jadi sekarang ini dadah, kita tak hendak nanti bila orang buat laporan dadah, Yang Berhormat hantar laporan kepada ADK, tidak ada tindakan yang diambil, jadi kita rasa kecewa. Kita, dia kata, hendak minta Ahli-ahli Parlimen semua bersama-sama dengan kita mengenai dadah tetapi besok kalau ada Pegawai ADK yang tidak bertanggungjawab, dia dapat *report,* dia simpan di bawah *carpet* sahaja, ini menyebabkan pelapor-pelapor akan merasa kecewa. Kita bagi dia tiga bulan, kalau sudah lapor tiga bulan kerja dia hanya buat dadah sahaja bukannya macam polis yang bermacam-macam jenayah dia hendak tengok. Jadi dia buat dadah, kalau tiga bulan kita bagi masa, kalau tidak boleh barulah kita mengambil tindakan.

Begitu juga ada orang yang tidak berpuas hati apabila kes dibawa kepada Pendakwa Raya begitu lambat. Jadi semuanya ini kita buat pada masa itu, kita ambil kira rungutan-rungutan yang kita dapat daripada orang ramai. Namun demikian, seperti saya nyatakan tadi, ini tidak bermakna kita akan ketepikan *Select Committee,* sebab ini telah dibuat terlebih dahulu dan juga dibacakan rang undang-undang kali pertama terlebih dahulu daripada penubuhan *Select Committee.* Maka saya sudah

nyatakan tadi, kita tidak ada masalah untuk kita pinda sekiranya bertentangan dengan apa yang dicadangkan oleh *Select Committee*. Tuan Yang di-Pertua ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ada lagi? Allah.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya hendak sambung terus selepas Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi, saya hendak *clear* saya punya *conscience,* Yang Berhormat bagi Pasir Mas ada sebut bahawasanya sebab itu di Kelantan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bila dia bercakap, dia sebut soal dosa dan pahala berkaitan penagih dadah ini, tetapi setahu saya, statistik menunjukkan bahawa jumlah penagih dadah baru yang paling banyak adalah di Kelantan, setiap dua minit ada satu orang, saya diberi tahu sedemikian.

Jadi, persoalan yang saya hendak timbulkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah seruan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan ini tidak sampaikah, tidak didengarkah, tidak berkesankah, tidak berkatkah, sampai walaupun diberitahu begitu, dadah masih juga besar di Kelantan. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah nyatakan, bercakap memang mudah, berilah ceramah, khutbah, jangan kata di Kelantan. Kita tadi ada sebutkan di Melaka, tadi Yang Berhormat bagi Jasin tunjuk, satu khutbah khas fasal dadah pun kita buat tetapi sejauh mana ianya berkesan ataupun tidak, ini kita sama-sama fikirkan.

Memanglah kita dengar pandangan daripada Yang Berhormat dan juga daripada PAS ini, memang berbalik kepada agama, kita tidak nafikan. Sebab itu saya nyatakan kita akan cubalah, kalau Yang Berhormat ada di peringkat pusat, saya akan serahkan. Kalau Yang Berhormat daripada Pasir Puteh ada cara bagi pendidikan agama - zikir dan sebagainya, kita tidak ada masalah. Kita bagi 100 orang Yang Berhormat tolong jaga 100 orang ini buatlah cara pendekatan yang Yang Berhormat fikirkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat panggil Pasir Puteh, Pasir Puteh sudah bangun.

**Dato’ Haji Noh bin Haji Omar:** Itu tidak ada masalah.

**Tuan Che Min bin Che Ahmad:** Minta laluan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh.

**Tuan Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik isu agama tadi, tetapi saya hendak tanya berapakah masjid-masjid yang kita cadang dalam ADK dulu dan juga PEMADAM dalam satu seminar yang besar, yang kita cadang untuk masjid di seluruh negara menjadi perantaraan kepada penagih dadah yang kita telah pulih, beri dia gulung tikar, apa tikar bagi dia RM20 setiap hari Jumaat.

Saya hendak tahu, ada atau tidak masjid-masjid yang berlaku di Wilayah ataupun di Kelantan, kalau kita bercakap soal aspek agama, tidak sekadar kita menceritakan halal haram, masuk neraka tapi kita hendak supaya satu strategi *planning* bagaimana untuk meningkatkan penagih-penagih tadi yang balik ke pangkuan masyarakat mereka boleh tolong di masjid, kerana masjid-masjid kita tengok tidak ada pekerja, kenapa tidak boleh bagi mereka, berilah kepercayaan kalau mereka curi jam pun, tukarlah jam baru. Kalau curi tongkat, tongkat yang mahal itu, belilah tongkat yang baru. Itu saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri takut ada dalam statistik kita, berapa masjid yang telah menjadikan perantaraan pelindung kepada penagih dadah yang boleh pulih balik ke pangkuan masyarakat. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh, saya tidak ada perangkaan sekarang. Kalau hendak mungkin boleh saya bagi kemudian, tetapi saya bersetuju bahawa perintah agama ini, hari ini kita lihat bahawa ustaz-ustaz yang diletak di pusat serenti, hanya dipinjamkan daripada JAKIM sahaja. Jadi sebab itu sekarang ini kita telah memohon perjawatan supaya ADK itu sendiri mesti mempunyai ustaz dia sendiri, guru agamnya sendiri dan juga mesti ada *syllabus* yang standard di seluruh negara. Hari ini kita lihat banyak, kita terpaksa import jemput penceramah-penceramah daripada luar untuk membantu memberikan didikan agama kepada penagih-penagih ini.

Jadi, segala cadangan Yang Berhormat nyatakan tadi walaupun diperuntukkan dalam seminit….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ranjau Panjang, bangun.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar: … i**ni semua adalah salah satu cara untuk kita akan berusaha, untuk kita mengembalikan penagih dadah ini di dalam masyarakat dan masyarakat sanggup menerima mereka. Saya ingat akhirlah ini.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat, barang kali Yang Berhormat tidak mengetahui bahawasanya ada di antara Ahli Parlimen kita ini, yang sekarang sudah berhenti sudah, Ahli Parlimen, bekas Ahli Parlimen Kuala Krai di kalangan Parti PAS, telah pun membuka pusat pemulihan ini semasa menjadi Ahli Parlimen lagi, bukan baru - sudah lama. Saya ingin mengetahui dari Timbalan Menteri adakah selama ini telah memberi sumbangan kepada beliau, kerana beliau menggunakan satu kaedah yang berlainan tidak seperti mana apa yang berlaku di pusat serenti, iaitu dengan mengadakan pondok, masjid kemudian penagih-penagih ini sebahagian besarnya dihantar ke sana dia baca Yasin setiap malam, sembahyang maghrib .

Jadi cara dia betul, cara konsep Islam betul dan sebahagian besarnya berjaya. Itu hendak tahu adakah selama ini Timbalan Menteri telah memberi bantuan atau tidak mengetahui lagi keadaan ini. Kemudian saya hendak memperbetulkan sikit yang Ketereh, yang tadi mengatakan Kelantan ini paling ramai, itu tidak betul. Nombor empat sekarang ini sebenarnya, saya ada statistik di tangan saya ini. Penagih baru …. tidak betul itu, kalau Kelantan sendiri menjatuhkan Kelantan itu, tidak tahulah, saya pun tidak faham juga, Ketereh ini…. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ini, saya ingat dua-dua ada perangkaan, Ketereh pun ada juga perangkaan Yang Berhormat juga ada perangkaan. Jadi, saya kira mungkin perangkaan yang mana yang boleh kita pakai ini Yang Berhormat kena bincang di luar yang mana. Tetapi saya setuju dengan Ketereh, kalau setakat berceramah sahaja dia tidak akan jadi, bercakap berbuih mulut takkan jadi seperti menyatakan tadi macam kita mencurah air di daun keladi - tidak akan jadi. Tetapi Yang Berhormat nyatakan tadi ada bekas Ahli Parlimen itu saya tidak tahulah, saya minta maaf dan swasta ini dia mesti berdaftar dengan ADK, tapi kalau dia tidak berdaftar dengan ADK kita tidak boleh bagi bantuan, kita tidak boleh sama-sama dengan dia kerana nanti dalam undang-undang mengatakan dia mesti mendaftar dengan ADK. Tidak hendak nanti bila kita hantar kepada pusat rawatan yang tidak mendaftar dengan ADK, itu nanti ADK boleh disaman pula kerana menghantar ke tempat yang tidak diwartakan oleh undang-undang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Bharu mencadangkan supaya kerajaan mengambil pendekatan baru dalam usaha membanteras dadah serta pembangunan jiwa golongan remaja yang ramai terjebak dalam penagih dadah. Dalam hubungan ini Yang Berhormat Kota Bharu mencadangkan kurikulum sekolah diperkemaskan supaya mereka mempunyai benteng yang kukuh untuk menolak dan menjauhi dadah.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Bharu supaya kerajaan mencari pandangan dan idea-idea baru untuk membanteras dadah. Dalam hubungan ini saya suka memaklumkan bahawa dalam bulan Julai yang lepas kita telah pun mendapatkan pandangan-pandangan daripada berbagai pihak untuk mencari jalan baru, untuk kita menyelesaikan masalah dadah.

Yang Berhormat Beluran, membangkitkan dua perkara isu-isu mengenai sama ada Bahagian Narkotik akan diserap dalam agensi akan ditimbangkan oleh kerajaan kemudian. Agensi ini perlu mengambil kakitangan baru dalam konteks tugas di agensi yang diperluaskan.

Mengenai berapa lama agensi akan mempunyai kakitangan yang berwibawa, saya percaya kita akan mengambil sedikit masa untuk membuat pengambilan juga memberikan latihan kepada pegawai-pegawai ADK ini. Bagaimanapun saya yakin kita tidak akan mengambil masa yang agak panjang.

Yang Berhormat Muar, mencadangkan supaya ADK memberi tumpuan dan pendekatan-pendekatan baru dengan membendung genjala dadah dengan memikirkan kaedah dan saranannya. Beliau juga mencadangkan supaya peningkatan kepada penagih-penagih yang sedia ada diberikan. Soalan Yang Berhormat ini, juga saya telah jawab semasa saya menjawab soalan kepada Yang Berhormat Beluran dan juga sepanjang saya menggulung perbahasan ini.

Yang Berhormat Bagan, membangkitkan isu adakah polis tidak mempunyai kuasa selepas akta ini berkuat kuasa dan berapa agensi akan bertindak secara profesional tidak menyalahgunakan kuasa-kuasa yang diberikan..

Pihak polis saya ingin menyatakan, pihak polis mempunyai kuasa melaksanakan penguatkuasaan ke atas semua akta undang-undang yang berkuat kuasa. Oleh itu sungguhpun selepas akta berkuat kuasa, pihak polis masih tetap mempunyai kuasa menguatkuasakan Akta Dadah yang sedang kita gunakan pada hari ini.

Adalah menjadi harapan kerajaan agensi ini akan bertindak secara profesional dan tidak akan menyalahgunakan kuasa apabila mereka diberikan kuasa nanti. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf jika ada persoalan-persoalan yang ditimbulkan tidak dapat saya jawab, namun demikian segala cadangan Yang Berhormat akan kita ambil perhatian dalam kita menyusun semula peranan ADK ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal 1 hingga 13 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

## PENYATA-PENYATA DARIPADA JAWATANKUASA PILIHAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 86(3)

### Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Kertas Dewan No. DR. 3 Tahun 2004)

**5.20 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan……

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Point of Order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada *Point of Order*.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa ini. Bukankah lebih baik, lebih sesuai dan lebih mengikut semua prinsip keadilan bahawa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua berundur daripada mempengerusikan segala perbahasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat, saya ingat saya tidak akan mengambil bahagian dalam perbahasan, cuma mempengerusikan mesyuarat. Yang Berhormat Timbalan Menteri bentangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Eloklah, elok, bukan sahaja dilihat adil tetapi dilihat sebagai adil dalam perkara ini. Itu prinsiplah, sama ada ambil, tidak ambil, duduk sana sudah satu jenis penyertaan. Mungkin kita boleh tangguh sehingga esok. Itu satu cara yang baiklah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mengapa saya hendak teruskan, pertama dalam membuat keputusan, Speaker yang hadir sekarang tidak akan membuat keputusan. Yang membuat keputusan adalah kita semua di sini. Jadi, dia tidak akan membuat keputusan, sebab itu saya fikir ia tidak menjadi masalah.

Keduanya, saya kira waktu pun sudah 5.23 petang, jadi saya rasa pada esok hari mungkin kita bahas, mungkin Speaker lain yang akan duduk di situ. Jadi, biarlah kita bentang pada hari ini dan kita dengar apa yang hendak diperkatakan. Sebab Speaker, dia tidak buat apa-apa keputusan, yang buat ialah kita di sini sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ada beberapa *Point of Order* yang mahu dibangkitkan sebelum Yang Berhormat Menteri teruskan dengan ucapan beliau, sama

ada laporan ini lengkap. Oleh kerana laporan ini nampaknya bukan Yang Berhormat…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat….

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu *Point of Order. Point of Order* ialah sama ada laporan ini satu laporan *comprehensive*, yang mewakili segala Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan atau satu *majority report*, di mana wakil yang tidak bersetuju dengan perakuan dan laporan tidak diberi hak untuk ada *minority report.*

Dalam Mahkamah Federal, di mana Anwar Ibrahim dibebaskan, 2:1, sekurang-kurangnya *minority judgment* ada hak untuk diumumkan, tetapi di sini Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang tidak bersetuju sepatutnya ada hak untuk memberi laporan minoriti tetapi tidak di sana. Sebab itu apabila saya bangkitkan perkara ini, Yang Berhormat ada di Kerusi, mana boleh buat apa-apa. Kalau mahu adil, Yang Berhormat itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkataan. Itu satu sahaja.

Yang kedua, kenapa tidak ada *signature*. Itu bersabit. Biarlah saya teruskan, biarlah. Kalau saya tidak boleh teruskan, di mana keadilan? Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua di sana. Biar saya teruskan, kenapa saya cadang bahawa elok Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua undur. Dan oleh kerana ada *points* yang lain, kenapa tidak ada semua ahli tandatangani laporan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. *[Ditujukan kepada Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Timbalan Menteri, berapa lama pembentangan ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dalam tiga minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri tiga minit. Dalam tiga minit.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak pernah akan diturun pangkat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak pernah, ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak pernah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Akan datang pun, tidak akan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak akan turun pangkat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Naik lagi mungkin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yalah! Lebih baik kita, saya cadangkan kita tangguhkan supaya *embarrassment* ini kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun tidak timbul supaya saya mahu meminta satu *ruling*, dan tentulah itu *embarrassing*. Lebih baik kita tangguhkan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Nama baik Parlimen, nama baik negara, nama baik semua ahli-ahli Parlimen. *[Disorak]* Jangan buat bising. Jangan bising-bising. Apa, untuk keadilan. Apa ini!

**Puan Chong Eng**: Tidak faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lebih baiklah, saya cadanglah. *Seen to be fair, okay.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, kita cuma membentang sahaja, membentang sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ……

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia membentang sahaja, membentang sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta *ruling*. Minta *ruling* tentang *sign* tadi dan bagaimana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh buat *ruling* oleh kerana itu bersangkut-paut dengan kelakuan, keputusan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri. Saya mahu satu *ruling* sebelum ucapan dibuat. Tentulah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tidak boleh buat *ruling* itu, dan sebab itulah saya cadang lebih baik kita tangguhkan supaya apabila kita bincang esok ada seorang Tuan Yang di-Pertua yang tidak bersabit terlibat.

Kita tidak mahu *embarrass*kan tetapi ini isu-isu yang relevan, yang berkepentingan dan kita *insist* bahawa *ruling* dibuat sebelum ucapan diteruskan. Fundamental, adakah laporan ini lengkap, *comprehensive*, *complete*, penuh atau *incomplete*. Kalau laporan itu *incomplete*, bagaimana kita boleh bincang dari segi *Point Of Order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya tidak akan terlibat dalam mendengar, cuma Menteri akan membentangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh teruskan. Kerusi perlu buat satu *ruling* dan bagaimana Yang Berhormat boleh buat satu *ruling* sebagai *an interested party*, sebab itu kita tidak boleh teruskan. *Conflict of interest*, sangat jelas, tidak boleh, Yang Berhormat Menteri seorang peguam, tahu prinsip-prinsip itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ……

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua buat satu *ruling*? Tolak, terima. Bolehkah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak bentang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta satu *ruling*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu membentang sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, sebelum bentang saya mahu satu *ruling* dibuat sama ada perlu, tidak perlu bentang. Oleh kerana kalau laporan itu tidak ikut Peraturan Mesyuarat, tidak perlu teruskan, oleh kerana laporan itu tidak lengkap.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Siapa kata tidak lengkap?

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana itu bukan laporan sepenuh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Siapa kata laporan tidak penuh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak penuh ahli-ahli dalam Jawatankuasa.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa alasan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bila dibentang, Yang Berhormat bagi Kota Bharu, kita tanya dia tadi, dia pun belum baca itu apabila ia dibentang. Bagaimana boleh kata bahawa mewakili semua ahli-ahli Jawatankuasa?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita bentang dua hari sudah. Tahulah.

**Puan Chong Eng**: *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu bukan dua hari.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dua hari …..

**Tuan Lim Kit Siang:** Ahli Jawatankuasa belum tahu apa laporan itu. Ia dibentang bagi nama mereka. Sebab itu *defective floor* perlu buat satu *ruling*. Tuan

Yang di-Pertua tidak boleh buat satu *ruling*. Kalau Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* tentulah *unfair*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(3) dan keputusan usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 14 Jun 2004 ….

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** …….dan pada 20 Julai 2004 maka Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dibentangkan di atas meja …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ……..mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan No. DR.3 Tahun 2004 hendaklah diterima dan dipersetujukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila duduk, Yang Berhormat.

Masa sudah pukul 5.30 petang, jadi Dewan kita ditangguhkan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan bentangkan pada sebelah pagi esok. Dewan ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.***

**1 September 2004**

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO**

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO

3. **Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA**

4. **" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC**

5. **" Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN**

6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO

7. **" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO**

8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO

9. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO

10. **" Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO**

11. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA

12. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

13. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

| | | |
|---|---|---|
| 14. | “ | Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO |
| 15. | “ | Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO |
| 16. | “ | Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO |
| **17.** | **“** | **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO** |
| 18. | “ | Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.,. (Selayang) – MCA. |
| 19. | “ | Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop |
| 20. | “ | Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO |
| 21. | “ | Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB |
| 22. | “ | Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP |
| 23. | “ | Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO |
| 24. | " | Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO |
| 25. | “ | Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO |
| 26. | “ | Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO |
| 27. | “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO |
| 28. | “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO |
| **29.** | **“** | **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB** |
| 30. | “ | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS |
| 31. | “ | Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA |
| 32. | “ | Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO |
| **33.** | **“** | **Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO** |

**TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Mulia Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. " Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. " Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. **" Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC**
22. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC

23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA

24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO

25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN

31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO

34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO

35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO

36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO

37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS

38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

**SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO

3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO

4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO

5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC

6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP

7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA

8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO

9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO

11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN

18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO

19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO

20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO

21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

**AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS

2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO

3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS

4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO

5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS

6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ *Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO*
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) - UMNO
19. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
20. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
21. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
22. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
23. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
24. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
25. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
26. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
27. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
28. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
29. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
30. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
31. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
32. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
33. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
34. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
35. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
36. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
37. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
38. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
39. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
40. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA

41. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
42. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
43. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
46. “ Tuan Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
47. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
48. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
49. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
50. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
51. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
52. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
53. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
54. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
55. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
56. “ **Tuan Che Min bin Che Ahmad** (Pasir Puteh) - PAS
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Dato’ Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO

77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. Y.B. Mulia Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
**88.** “ **Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO**
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Tuan Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO

111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah **binti** Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

**DEWAN RAKYAT**

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Dato' Abdullah bin Abdul Wahab**

**Ketua Penolong Setiausaha**
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**Pegawai Undang-Undang**
Muzalni bin Soid

**Penolong Setiausaha**
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah
**Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop**
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mat Thani
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
**Syed Azuddin bin Syed Othman**
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
**Nurziana binti Ismail**
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yogeswari
Mohd. Izhar bin Hashim

## PETUGAS-PETUGAS
## UNIT CETAK
Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

## JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Cik Lee Jing Jing

## BENTARA MESYUARAT
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

## PETUGAS-PETUGAS
## CAWANGAN KOMPUTER
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman